

**SELEPAS MAHATHIR**

---

**UMNO  
FOR  
SALE!**

**AHMAD LUTFI OTHMAN**

**VISI MADANI**  
2B Jalan 13C Selayang Baru  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel. 03-6162367

Cetakan Pertama - Januari 1996

© Ahmad Lutfi Othman

© Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Visi Madani.

Rekabentuk oleh

Aris Design

(03-4527895)

**VISI MADANI**

2B Jalan 13C Selayang Baru  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-6162367

Dicetak oleh

**CETAK KHIDMAT & NIAGA**

101, Jalan Segambut Selatan, Kuala Lumpur

M

324.2595 U

AHM

M

847246

ii

6 MAR 1997

Perpustakaan Negara  
Malaysia

# Kandungan

---

WARKAH TERBUKA BUAT MAHATHIR BERILAH LALUAN KEPADA ANWAR!	9
KESEJAGATAN DAN KEBANGKITAN BANGSA MENYUBURKAN MASYARAKAT MADANI	29
SEKIRANYA NAJIB - MUHD TAIB LAWAN MUHYIDDIN	51
PEMBAHARUAN BUDAYA AGENDA MELAYU	65
DEMOKRASI HANYA ALAT PIHAK BERKUASA	77
GOLONGAN SEBENAR MENGGUGAT ANWAR	93
KEMELUT UMNO MENJELANG ABAD KE-21	101
POLITIK ANWARISME DALAM UMNO	127
MENGAPA PEMIMPIN ASIA SUKAR MELEPASKAN JAWATAN	133
MENJUAL CARA MAHATHIR	143
SIFIR POLITIK PEMIMPIN MUDA UMNO	155
SIAPA DI BELAKANG JOHAN JAAFFAR?	177
CIRI UTAMA LAHIRIAH PEMIMPIN ISLAM HIDUP SEDERHANA HINDARI KEMEWAHAN	183
SURAT TERBUKA BUAT PERWAKILAN UMNO 1996	189



Masa untuk ketawa selalunya tidak panjang; Percaturan Nazri (barisan depan, paling kiri) tidak dipastikan membawa keuntungan baginya. Apakah Nazri mahu surut ke belakang selepas kerusinya di tempatkan di hadapan sekali, bersama Naib-naib Presiden? Najib dan Muhd Taib nampak yakin.



Sanusi semakin tersisih, tidak lagi dikeliling pemimpin Umno, bersama Ling Liang Sik, Bernard Dompok dan Chua Juji Ming. Abu Hassan Omar pun memandang ke arah lain.

# PM: Beri peluang pemimpin muda

Cikgu  
ZULKARNAIN ZAKARIA

KUALA LUMPUR 19 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, para pemimpin muda perlu diberi peluang menduduki jawatan lebih lama supaya mereka boleh membuktikan keupayaan masing-masing.

Perdana Menteri menekankan, barpun memang memerlukan masa, para pemimpin muda perlu diberikan peluang untuk belajar mengalami hal-hal seperti pentadbiran, diplomasi, kewangan dan serta sumbangan dari segi idea.

Tugas Dr. Mahathir, menurutnya atau menukar para pemimpin dalam waktu yang singkat bukankah itu tindakan yang bijak kerana ia boleh membawa hasil buruk kepada sejatah organisasi atau kerajaan.

"Menurunkan pemimpin dengan terlalu kerap, khususnya pemimpin muda, seorang-satunya atau sama-sama demokrasi bukanlah satu cara yang baik," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada jemuan malam sempena hari jadi beliau yang ke-



DRL MAHATHIR Mohamed memotong kain hari jadi sambutan yang telah dilaksanakan yang ke-70 pada awal jumrah malam semalam di Rumah Ketua Penyayang Persekutuan Kerajaan di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam lalu, sembilan pertemuan oleh ketua-ketua, Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Anwar Ibrahim dan ketua-ketua, Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

70, di bangunan Parlimen, di sini malam ini.

Majlis yang diisytarkan oleh Kelab Penyayang-Penyekung Kerajaan (BPN) itu dilulusi lebih 200 tetamu termasuk ahli parlimen, ahli kerajaan, ahli parti dan ahli kerajaan.

Perdana Menteri me-

nimbah, tanggungan seorang pihak bahawa demokrasi bermakna mereka boleh menukar pemimpin dengan kerap dan bahas maklumat apa sahaja, adalah silap.

"Ada juga yang menganggap tidak ada demokrasi apabila mereka tidak boleh menukar pe-

mimpin dengan kerap. Ini bukan tujuan demokrasi dan saya berzyuruk kerana ini tidak terjadi di Malaysia," katanya.

Dalam hal ini beliau berterima kasih dengan sebahagian rakyat dan pemimpin Barisan Nasional (BN), kependapatnya yang membantahan beliau

menjadi Perdana Menteri sejak lebih 14 tahun lalu.

Tempoh yang agak lamai itu juga, wujarnya, memudahkan beliau menjadi pemimpin senior dalam perundungan antara bangsa dan ini secara tidak langsung memberi banyak manfaat kepada negara.

Jelas beliau, dengan kedudukan yang agak senior itu, pandangannya sentiasa mendapat perhatian daripada para pemimpin lain.

Tanpa pertukaran kerajaan yang kerap juga, kata Dr. Mahathir, kerajaan BN dikagumi pemimpin luar kerana kestabilannya walaupun dianggut oleh 14 komponen.

Sekutubung tu beliau berjanji akan terus menjalankan tanggungjawabnya sebaik mungkin demi kebaikan semua pihak.

Sempena "malam tersebut", juga, BPN serta beberapa individu dan syarikat tempatan menghantar denda sebanyak RM80,000 kepada Badan Kebebasan Intervensi Menteri (BAKTI).

Sekali baca keratan akbar ini (20 Disember 1995) seperti memihak kepada Anwar, tetapi ia sebenarnya membawa makna yang berlainan. Kata Mahathir, para pemimpin muda perlu diberi peluang menduduki jawatan lebih lama supaya mereka boleh membuktikan keupayaan masing-masing. Maknanya, Anwar jangan terlalu gairah untuk memegang jawatan lebih tinggi kerana Anwar perlu lebih lama menjadi TPM supaya bertambah matang dan lebih bersedia.

# Pas tentang Akta Pendidikan 1995

Oleh  
ZULKARNAIN ZAKARIA

KUALA LUMPUR 19 Dis. — Pas hari ini mengeluarkan dekran laporan perkara menerang Akta Pendidikan 1995 yang antara lain menyifatkan akta berkenaan beristik mengakibatkan atau-sana sekularisme serta menjahatkan para pelajar daripada penghayatan Islam.

Pas juga menerang akta berkenaan kerana melatihkan institusi pendidikan agama yang tidak diafikir sebagai kegiatan perayah dan pada bila kiasa untuk menggolosah, merampas serta menyata-

Selain menerang permasalahan buku matik kepada Menteri Pendidikan dalam semua urusan pendidikan negara di semua peringkat, deklarasi itu juga menyatakan bantahan Pas terhadap kelonggaran membenturkan bahawa laggaris serta bahasa-bahasa lain menjadi bahasa-pengantar di sekolah-sekolah.

Yang Dipertua Pas, Padai Noor berkata, deklarasi itu berserta surat beliau yang menyatakan pendirian parti berhubungan perkara tersebut akan diserahkan kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri



FADZIL Noor dan Nik Aziz Nik Mat bersama-sama dengan para hadirin pada Majlis Perasmianan Khas Pas Memerleng Akta Pendidikan 1995 di Markas Terbilik Pas Pusat, Taman Melawati di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd. Najib Tun Abdul Razak sedikit massa lagi.

"Ia akan dibantarkan kepada semua ahli Parlimen dan Dewan Negara pada petang ini dan seterusnya diserahkan pula kepada pihak-pihak lain yang berkenaan di dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada penulis selepas Perasmianan Khas Pas Memerleng Akta Pendidikan 1995 di Markas Terbilik Pas Pusat, Taman Melawati, di sini hari ini.

Dihadiri kira-kira 1,000 ahli parti, Akta Pendidikan 1995 telah diluluskan oleh perwakilannya dari seluruh negara termasuk wakil mahasiswa dan orang awam Pas.

Padai menambah, Pas akan melaksanakan kompen ke seluruh negara bagi memperungkapkan kepada rakyat dan ahli parti mengenai akta pendirian Pas.

Selain itu, johannya, parti berkenaan juga akan mengajarkan demonstrasi secara aman di Dataran

Merdeka sedikit masa lagi berhubung bantahananya itu.

"Sebaik Jawatankuasa Bertindak Menyatakan Akta Pendidikan 1995 telah diwujudkan dan jawatankuasa itu akan menyusun kompas-kompas mempersiapkan pendirian parti," ujar beliau.

Pas, kata Padai, amat berharap kerajaan akan menggunakan kalulusan akta tersebut atau melaksanakan pindahan ke atasnya supaya selaras dengan de-

mokrasi pendidikan dan meningkatkan penghayatan Islam di kalangan pelajar.

"Bagi kami, akta tersebut merupakan objektif tersambung lancar menyekat kebangkitan Islam dan Pas.

"Ini jelas diwujudkan kerangka perancangan kerjaan terhadap penghayatan pendidikan Islam serta encaman tindakan ke atas Pasat Anugerah Tunas Islam (PAATI) serta institusi pendidikan lain yang kita tapa," ingatnya.

Terdahulu itu, Padai dalam usapan penggalungannya perhimpuan mengatakan semua ahli Pas menjalankan sembahyang hajat, berdoa serta bermaaf-maaf supaya kerajaan memungkinkan kalulusan akta berkenaan.

Akta berkenaan, tegu beliau, adalah tidak adil kerana ia memberi kebebasan agama kecuali di sekolah-sekolah, tetapi dalam masa yang sama kerajaan mempunyai politik kebangsaan untuk menyekat kegiatan dakwah.

Turut hadir pada perasmianan itu ialah Timbalan Presiden Pas, Hadi Awang, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, Bendahari Pas, Mustaffa Ali dan Naib Ketua Penonda Pas, Muhammad Sabtu.

Bagi Najib lulusnya Akta Pendidikan 1995 adalah satu kejayaan peribadinya. Namun bagi PAS akta baru ini sebenarnya mahu menyekat kebangkitan dan penghayatan Islam. Anwar mungkin ada pandangan tersendiri terhadap akta yang dikatakan menekan pertumbuhan sekolah-sekolah agama rakyat. Falsafah pendidikan negara yang diperkenalkan Anwar nampaknya hanya tinggal di atas kertas saja.

SELAYANG PANDANG

PERKAHWINAN CARA EROPAH

<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada tahun 1951 berjumlah 178.320 petani pemilik di Britain, yang dengan teknik dan hasil tanaman dan pertanian mereka masih belum mencapai standart yang tinggi, berdasarkan penilaian oleh para ahli pertanian di Britain yang memiliki pengetahuan.</p> <p>Pertanian pun masih dalam tahap awal, namun yang belum lagi pada masa itu berproduktivitas besar pada tanah (dapat 10 ton per hektare), berbanding tanah Britain yang berproduktivitas rendah, dapat 15 ton per hektare.</p>	<p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>
<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>	<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>
<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>	<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>
<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>	<p><b>SEKALI</b> (1951). <i>Liputan miniterang tentang dasar dan tujuan pembangunan Ekonomi Pertanian</i>. <i>Miniterang Pertanian</i>, Kementerian Pertanian dan Komunitas.</p> <p>Pada akhirnya pada tahun 1951, di Britain terdapat 1.400.000 petani yang berproduktivitas rendah, dan 70% tanah yang dimiliki</p>

NAZRI, RAHIM DAN PRUDIA

**KENTATAN** Penututan Kacau (Pengaruh Penyelepasan COKO), Datin Nurul Adila bahan-bahan berperanan "membentuklah bentuk" Penututan kepada buah-buahan karetawo. Tapi dari karetawo, Jemly Chik masih perlu menambahkan jantan. Buah-buahan mempunyai peranan penting dalam teknologi penututan buah-buahan. Selain itu, buah-buahan mempunyai bentuk yang berbeza-beza. Bentuk buah-buahan buah manis juga harus sesuai dengan bentuk kemasukan sebab ia akan membuat kemasukan terserak. Keadaan bentuk buah adalah merupakan faktor penting dalam teknologi penututan buah-buahan. Pada teknologi penututan buah, buah-buahan yang dipilih untuk ditutupi dengan plastik atau selasih atau daun perlu dipilih dengan teliti kerana ia

MENJAWAB DEBAT 169

**BANTEN**, provinsi memiliki kenyataan  
Pemerintahan Bantuan Pemerintahan Daerah  
1950-1954. Menteri masing Jambi Lantai  
dilantiknya, ketua Peng. mengajukan surat, untuk  
dimulai. Selanjutnya "Bantuan  
kemudian masing dilantik diwakilkan oleh  
ketua pengajuan. Pada pertemuan  
Pemerintahan dan Timbalan Presiden.  
Dalam berpaparan yang tidak mendapat respon  
berpaparan berikut berlangsung sebagaimana per-  
lakuan pada pengajuan bantuan. Namun demikian  
Perintah Ketua dilantik dengan hasil  
segera ditentang dan tidak, juga karena  
mengalih wawancara dulu untuk, perintah demikian  
tidak diberikan. Setelah itu penyaluran uang bantuan  
ditunda sampai beberapa hari.

Menurutnya penyaluran dalam UNDOF sepih-  
kipun di bawah namanya, Minahasa juga ber-  
peran pentingnya untuk membantu tuntutan

berpengaruh pada pertumbuhan teknologi dan pendidikan miskin di India, penting Karana teknologi dan pendidikan ini merupakan faktor-faktor yang berpengaruh terhadap pembangunan ekonomi suatu negara. Pada akhirnya teknologi dan pendidikan merupakan faktor-faktor penting dalam pembangunan ekonomi suatu negara. Dengan teknologi dan pendidikan yang baik, maka negara akan maju dan berkembang.

bahan 1000 butir.  
Tentu yang adalah berdasarkan  
mengikuti dalam penelitian, menunjukkan bahwa  
dari data statistik mendapat raga beras 1000  
beras pada 1000 butir.  
Penanda berasnya tidak menggunakan teknologi  
modern pada hasil pertemuan yang ada  
di dalam sejarah Penanda tidak membuat  
penanda beras Penanda tidak menggunakan  
beras pada 1000. Maka dari pertemuan pada  
pertama, Penanda bukan 1000 butir dengan  
pertemuan pertemuan dengan beras yang  
diketahui menunjukkan dengan penilaian

Kebutuhan makanan bagi tumbuhan pada tanah yang berpasir besar. Yang terjadi adalah tanah pasir yang tidak cocok untuk bertumbuhnya tanaman. Untuk mengatasi masalah tersebut, maka dilakukan penelitian dengan menggunakan teknologi hidroponik. Penelitian ini dilakukan di laboratorium pertanian STKIP PGRI Pekalongan. Hasil penelitian menunjukkan bahwa tanaman hidroponik dapat tumbuh dengan baik pada tanah pasir. Dari hasil penelitian ini, diketahui bahwa tanaman hidroponik dapat tumbuh dengan baik pada tanah pasir. Dari hasil penelitian ini, diketahui bahwa tanaman hidroponik dapat tumbuh dengan baik pada tanah pasir.

卷之三

Sedap juga membaca tulisan Johan Jaaffar tentang Pemuda. Banyak yang tersirat di sebalik kenyataan Nazri mahu menyerahkan jawatan Ketua Pemuda kepada Rahim. Mungkinkah akan tercelus polemik baru krisis Anwar-Mahathir.

## **Dari Penulis/Penerbit**

---

### **KESAN PERHIMPUNAN UMNO 1995**

---

### **GENCATAN SENJATA**

### **ANWAR - MAHATHIR**

**P**ersidangan Umno yang bermula Jumaat 24 November 1995, dan berakhir dua hari selepas itu, tidak mencatatkan perbahasan serius menyentuh kepentingan orang Melayu kerana isu pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno menguasainya. Jaminan Anwar, untuk kesekian kalinya, bahawa beliau sama sekali tidak akan menentang Presiden parti, sewaktu merasmikan perhimpunan Pemuda seolah-olah tidak diyakini sehingga memerlukan satu usul khas mengenainya diluluskan oleh perhimpunan penuh.

Usul itu berbunyi: "Menyedari kebulatan muafakat semua badan perhubungan Umno negeri-negeri yang memberi sokongan padu kepada Presiden dan Timbalan Presiden maka Perhimpunan Agung Umno pada 24 hingga

26 November 1995 dengan ini membuat ketetapan mengekalkan dan meneruskan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden."

Banyak pandangan yang mengulas ketetapan itu. Pandangan paling popular ialah perperangan sudah pun dilancarkan, apa yang diputuskan itu hanyalah proses gencatan senjata. Masing-masing pihak, kem Mahathir dan kem Anwar sedang mengatur strategi terbaik bagi memastikan mereka tidak kalah. Tidak ada yang percaya bahawa hubungan Mahathir dan Anwar tidak dilanda krisis dengan lulusnya ketetapan itu. Yang ditonjolkan hanyalah sandiwara murahan demi kepentingan masing-masing. Sekiranya hubungan Mahathir-Anwar cukup mesra, akrab dan bagaikan anak dengan bapa, usul seperti itu tidak perlu dikemukakan. Masakan anak mahu menderhaka kepada bapa, seterusnya membunuh si bapa demi mengaut harta pusaka. Bukankah seorang anak yang membunuh bapanya hilang kelayakan untuk mewarisi harta pusaka peninggalan bapanya? Bagi saya, hubungan Anwar dan Mahathir adalah seperti dua orang musuh yang sedang bertarung, dan mengisyiharkan gencatan senjata buat beberapa ketika, di samping memikirkan strategi baru memperkuuhkan kedudukan masing-masing. Polemik kedudukan Nazri sebagai pemangku Ketua Pemuda Umno dan kewajaran Rahim menerajui semula pergerakan tersebut adalah petanda awal kekecohan lama bergolak kembali. Umum mengetahui Anwar memainkan peranan besar dan utama untuk menyingkirkan Rahim, sementara Mahathir pula amat terkilan dengan nasib yang menimpa bekas Ketua Menteri Melaka itu.

Sekali imbas, ucapan perasmian Mahathir melegakan banyak pihak. Seakan-akan sudah tiba masanya Mahathir

berundur: "Saya bersyukur kerana semasa saya mengambilih kepemimpinan parti tidak wujud apa-apa masalah. Sekarang saya sudah memimpin parti selama lebih 14 tahun dan saya sekarang berusia 70 tahun. Tentulah akan tiba masanya, tidak lama lagi untuk pemimpin baru menerajui parti. Niat saya ialah untuk menyerahkan kepada pengganti saya sebuah parti yang kukuh, bersatu-padu dan berwibawa. Dan dalam tradisi Umno, pengganti kepada presiden ialah timbalan presiden."

Namun begitu, ucapan penggulungan Mahathir pada hari terakhir perhimpunan mengejutkan penyokong-penyokong Anwar, dan memancung rasa ceria. Malah Anwar sendiri seperti tidak menyangka Mahathir akan berkata demikian. "Kalau ada pun pertandingan (jawatan Presiden Umno) cuma hanya ada dua perkara yang mungkin berlaku kepada saya. Yang satu saya menang, satu lagi saya kalah. Dua perkara saja, jika ada pertandingan. Kalau saya menang okay. Kalau saya kalah okay juga. Dan jadi pucuk pimpinan dan Perdana Menteri selama 14 tahun. tak apalah kalah ... tidak jadi pun. Tetapi kalau Anwar kalah, habis dia punya riwayat. Lepas itu kita hendak cari pengganti lain pula. Bukan mudah hendak cari. Kalau kita cari pula, berkelahi pula lagi. Parti kita pun bergolak lagi," kata Mahathir.

Sekurang-kurangnya dua isu besar yang timbul dari ucapan Mahathir itu. Pertama, mengapa kalau Anwar kalah, maka riwayat politik Anwar akan berkubur? Bukankah pertandingan ini adalah pertandingan dalam parti, pertandingan keluarga; sewajarnya pihak yang menang tidak membolot segala-galanya manakala pihak yang kalah tidak hilang semuanya? Mengapa untuk jawatan-jawatan yang lain, yang dibenarkan adanya pertandingan, golongan yang menang dan kalah diseru supaya merapatkan barisan, tetapi apabila ada pihak yang mahu mencabarnya, Mahathir sudah

memberi amaran keras? Bukankah Tengku Razaleigh pernah kalah dua kali kepada Musa Hitam, tetapi Mahathir masih mengekalkannya sebagai Menteri Kewangan dan seterusnya dipindahkan ke Kementerian Perdagangan dan Industri? Mungkin benar telahan umum bahawa Mahathir sengaja mengekalkan Ku Li untuk mempastikan kedudukan Musa tidak terlalu selesa, sesuai dengan misi Mahathir, iaitu pecah-pecah perintah. Apabila Mahathir menang tipis kepada cabaran Ku Li pada 1987, Mahathir (melalui peguamnya) mencadangkan kepada mahkamah supaya Umno diharankan bagi mengeluarkan semua penentang-penentangnya secara otomatik, dengan membenarkan hanya penubuhan Umno tajaannya diluluskan Pendaftar Pertubuhan. Taktik kotor Mahathir ini tidak dapat ditutup hanya dengan pembohongan demi pembohongan yang dilakukannya. Kedua, bukankah usul yang diluluskan itu juga membabitkan pertandingan jawatan Timbalan Presiden Umno yang kini disandang oleh Anwar? Mengapa Mahathir tidak mengulas pertandingan bagi jawatan nombor dua ini?

Macam-macam boleh berlaku menjelang pemilihan Umno 1996, apatah lagi menunggu 1999. Saya tidak mahu meramalkan Anwar akhirnya akan menentang Mahathir secara terbuka. Adegan sengit yang akan berlaku tidak semudah kisah pertarungan Anwar-Ghafar. Kehendak ahli-ahli di peringkat bawahan boleh dijadikan alasan. Tetapi sandiwara lama sukar diulang semula. Anwar harus banyak bersabar, tetapi seperti katanya, dia tidak boleh menunggu takdir. 1999 adalah terlalu lama untuk seorang timbalan Mahathir menanggung azab menahan perasaan. Karenah Mahathir tidak berhenti setakat isu Rahim dan Daim sahaja. Anwar terpaksa melihat syarikat-syarikat gergasi yang menguntungkan terlepas dari tangannya, kerana dianugerahkan kepada teman-teman Mahathir, (sebenarnya konco-

konco Daim). Sebagai Menteri Kewangan, akhirnya Anwar terpaksa mengakui kebenaran cakap Tengku Razaleigh: "Menteri Kewangan hanyalah melaksanakan dasar yang ditentukan oleh Kabinet dan Perdana Menterinya. ...Menteri Kewangan tidak ada projek yang hendak dibelanjakan," (Rujuk jawapan Tengku Razaleigh terhadap tuduhan Mahathir pada 6 November 1994). Ia terserlah pada ucapan penggulungan Anwar dalam perhimpunan Umno 26 November. Anwar hanya menyentuh projek KLIA dan menyerahkan projek-projek gergasi lain kepada Mahathir untuk menjawabnya. Ini membuktikan Anwar hilang kawalan ke atas projek-projek besar kecuali KLIA sahaja.

Justeru itu, Anwar perlu mempastikan ketiga-tiga Naib Presiden dan Ketua Pemuda yang menang dalam pemilihan 1996 adalah orang-orangnya. Dipercayai Zahid Hamidi adalah calon proksi Anwar untuk jawatan Ketua Pemuda. Usaha membawa semula Rahim menerajui Pemuda akan ditentang habis-habisan oleh Anwar. Sekiranya Rahim berjaya, Anwar akan menimpa musibah dahsyat. Sesungguhnya Rahim terlalu kecewa dengan tindakan di sebalik tabir yang dijalankan oleh Anwar dalam usaha menyingkirkan dia dahulu. Bagi Anwar pula, Rahim adalah satu bebanan yang mencalarkan imej politiknya yang tampak seolah-olah bersih. Di samping itu kawalannya terhadap akhbar-akhbar utama, khususnya *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* akan dipertahankan. Tanda-tanda menunjukkan Mahathir tidak akan duduk diam melihat saluran media yang berpengaruh, khususnya TV1 dan TV3 dikuasai Anwar sepenuhnya. Bukan sesuatu yang mustahil TV3 dan *Utusan Malaysia* akan bertukar wajah dengan tidak lagi memuja sang primadona, seperti yang ditunjukkan pada 1993.

Saya yakin Anwar dan kumpulannya akan terus melobi dan mempengaruhi perwakilan, khususnya dalam konteks

membina imej yang lebih manusiawi, hebat, menarik, bersih dan bertaraf antarabangsa, berbanding Mahathir. Dalam politik segala-galanya mesti dipersiapkan terlebih dahulu, dengan mengatur beberapa langkah pilihan berdasarkan situasi yang bakal menanti. Apabila keadaan memerlukan adanya pertandingan, hanya arahan ditunggu, yang lain telah siap-siaga. Tidak semestinya Mahathir hanya yang bakal ditentang, kedudukan Anwar juga - walaupun tampak mantap dan kukuh - boleh digugat. Anwar bukannya budak mentah yang mudah digula-gulakan. Sekilas gerak, sepatah kata, sekuntum senyum sinis, seraut jeling tajam, Anwar mengerti segala-galanya. Mendengar guruh di langit, jangan dicurah air di tempayan. Jangan menyangka terang akan sampai ke petang, hanya dengan petanda langit cerah, mungkin hujan di tengah hari.

1996 tidak bererti kedamaian, pun tidak bermakna perangan. Mahathir tidak perlu bermadah panjang hanya semata-mata untuk mengekalkan kuasanya. Mungkin benar dakwaan Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Mohamad Sabu: "Mahathir mahu mati berdiri di pejabat." Nasib yang menimpa bekas Presiden Korea Selatan, Roh Tae-woo dan Chun Doo-Hwan (sila rujuk tulisan Rustam A Sani, yang saya rakamkan semula dalam buku ini) boleh menjadi mimpi ngeri buat Mahathir. Namun ia tidak boleh dijadikan dalih untuk Mahathir menafikan peluang Anwar menerajui kepimpinan negara dalam tempoh terdekat. 1996, menandakan sudah 15 tahun Mahathir memerintah, satu tempoh yang amat panjang untuk disambung semula.

ii.

Dengan keanggotaan hampir 2.5 juta ahli, Umno seolah-olah tidak dapat dikalahkan lagi oleh mana-mana parti

pembangkang Melayu, sama ada PAS mahupun Parti Melayu Semangat 46, ataupun gabungan kedua-duanya. Umno dilihat semakin gagah, perkasa, memikat dan mampu memberikan imbuhan lumayan, sedangkan pembabitan dalam parti pembangkang hanya mengundang pelbagai risiko tidak menentu.

Namun begitu, keghairahan anak-anak muda menyertai Umno bukan lagi didorong oleh idealisme perjuangan, sebaliknya bagi mengaut keuntungan secepat kilat selaras dengan kemewahan pertumbuhan ekonomi negara yang dikatakan menakjubkan itu. Ia bukan perkembangan yang mengejutkan, kerana kueh akan terbentuk melalui acuannya, bapa borek anak rintik, kalau ayah kencing berdiri anak pula kencing berlari (takut-takut anak akan kencingkan ayahnya).

Jumlah ahli yang ramai memang diperlukan untuk mengekalkan kuasa melalui pilihan raya. Tetapi sekadar ramainya ahli tanpa diimbangi dengan kualiti dan mutu yang teruji, Umno akan menghadapi masalah dalaman yang semakin serius. Umno bukan lagi wadah perjuangan orang Melayu sebaliknya menjadi tumpuan mengaut kekayaan, memperkuuhkan pengaruh, meningkatkan kedudukan, menyemarakkan ego keakuan pemimpin tertentu dan kelompok masing-masing. Segala kemelut yang melingkari kehidupan umat Melayu hanya ditangani secara melepaskan batuk di tangga, tiada formula penyelesaian berkesan dikecengah dan dilaksanakan. Amat beruntung kiranya orang-orang bawahan sempat menghirup kuah selepas segala isi daging dan tulangnya dibaham lahap orang-orang atas dan konco-konconya.

Itulah acuan lubuk Umno sekarang, sesiapa pun yang memasukinya amat sukar untuk melepaskan belitan segala anasir yang hodoh, busuk, hanyir dan meloyakan itu. Politik wang dan politik naungan akan memerangkap siapa saja

yang lalu di depannya, sehingga tiada lagi yang mau memikirkan jalan keluarnya kecuali mereka yang menjadi mangsa dan merasa keperitan selepas dikalahkan. Yang kalah diketepikan dan "tamat riwayat", manakala yang menang dijulang, diarak dan dimegah-megahkan. Permusuhan sesama ahli-ahli parti lebih dahsyat jika dibandingkan dengan seterus pembangkang. Pemilihan parti lebih sengit, pedih, kejam, tetapi juga meriah, ditunggu-tunggu, dan memakan belanja yang jauh lebih besar daripada pilihan raya umum. Kedudukan dalam parti adalah tiket untuk mengaut keuntungan peribadi dan kelompok yang lumayan dan mudah.

Mengapa Umno kini dianggap lubuk emas sementara peranan parti-parti pembangkang semakin terpinggir dan dilupakan, khususnya oleh golongan profesional? Apakah pengaruh faham *maddiyah* telah melemaskan segala idealisme dan prinsip perjuangan sehingga yang nyata dan menjadi idaman hanyalah benda, harta, pengaruh, kedudukan, pangkat dan wang ringgit? Sekiranya Umno bukan lagi dianggap wadah perjuangan mendaulatkan agama dan memartabatkan bangsa, hanya lubuk meraih keuntungan duniawi dan haiwani, masa depan parti itu nescaya diselubungi mendung hitam. Umno hanya dianggap barang dagangan, nilainya turun naik berdasarkan permintaan dan harga pasaran. Justeru itu kesan buruknya akan terserlah apabila nilainya di pasaran menjunam, "harta-harta rampasan" yang mahu diagih-agihkan semakin berkurangan, perpaduan dalamannya retak seribu akibat perasaan dendam kesumat yang bermaharajalela cetusan dari angkara penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang menjolok mata. Benarlah kata sebahagian besar pemimpin Umno: "Umno akan hancur disebabkan perselisihan dalaman bukannya serangan musuh dari luar." Masalahnya, pemimpin

yang bijak berkata-kata itu sebenarnya yang menajamkan lagi konflik dan permusuhan. Tampak segala anasir pilih kasih dan politik naungan menyemarakkan taji dendam, rasa irihati yang munasabah, ketamakan tanpa had untuk membolot kekayaan yang bukan miliknya.

Faham kebendaan yang makin menjalar dalam setiap denyut jantung dan aliran darah umat Melayu ini wajar dibendung. Melihat hanya benda, harta dan wang sebagai pentafsir segala apa yang berlaku bukannya sifat seorang Muslim. Neraca pertimbangan yang hakiki, iaitu rujukan asasi dalam Islam; al-Quran dan as-Sunnah, hanya menjadi hiasan bibir sewaktu berpidato dalam majlis keagamaan, sedangkan dalam realiti ia diketepikan. Suluhan iman dan pancaran taqwa menjadi suram sesuram-suramnya. Semangat setiakawan, menghormati orang-orang tua, menyayangi anak-anak muda, memuliakan orang-orang yang bertaqwa dan beramal soleh, semakin tercabut dari warisan berorganisasi yang semestinya sentiasa menyegarkan Umno. Gegak-gempita Umno bukan kerana sorakan semangat dan ikrar iltizam atau sumpah azimat peneguh keazaman, tetapi dijoloki kempen sumbang cukup agresif memaki hamun teman sendiri. Asal ada kesempatan dan ganjaran imbuhan yang menanti, kepala kawan dipijaknya, belakang teman ditikamnya, tangan sahabat dipulasnya, maruah saudara diinjak-injaknya. Fitnah menjadi basahan lidah, umpat memeriahkan *coffee house*, surat layang berterbangan, akhbar utama milik parti membuang segala kod etika demi memenangkan sang primadona, siaran berita televisyen menjadi sarang pemujaan secara profesional tokoh-tokoh yang menguasainya, jentera kerajaan yang sepatutnya digunakan untuk kebijakan rakyat dimanipulasi untuk kepentingan sendiri.

Apakah ini suatu realiti baru yang mesti diterima

sebagai fenomena biasa menjelang tahun 2000 ataupun gejala bobrok hanyir yang harus diperangi habis-habisan, sepenuh tenaga, dengan setulus hati dan tekad waja yang padu? Lupakah pemimpin dan tokoh korporat Umno dengan nasib rakyat yang terus melarat, dihimpit beban kenaikan barang keperluan harian, diasak gejala sosial yang busuk, hodoh dan meloyakan? Bagaimana nasib mereka yang buta al-Quran, hilang pedoman hidup, mengabaikan tuntutan solat dan zakat, gersang ilmu fardhu ain, tandus penghayatan agamanya, kontang akal budinya, bercempera tanggapan hidupnya, dan hanya asyik mendamba diri dengan tuntutan haiwani. Inikah harga kemajuan yang mesti dibayar, dengan melepaskan segala keharmonian dan kesentosaan yang hakiki? Benarlah, yang membangun hanya kilang, gedung, industri tetapi jiwa dan kemanusiaan terbakar hangus. Konsep masyarakat penyayang hanya tinggal slogan menutup keserakahan nafsu dunia yang makin membuka-buka itu. Ia tidak pernah diterapkan dalam amalan praktrik secara berkesan, berperancangan; manakan tidak, konsepnya sendiri tidak pernah dijelaskan secara tuntas.

Pemimpin-pemimpin tertinggi Umno harus menunjukkan contoh mithali dan menjadi model untuk diteladani ahli-ahli. Gelanggang politik tidak harus dibiarkan kotor dan hanyir dengan nanah dan daki pemainnya. Kepentingan rakyat, kedaulatan undang-undang Ilahi, perlaksanaan keadilan dan keharmonian alam sekitar, merupakan antara unsur utama yang harus dijunjung, bukannya dipijak, dihina dan diperlekehkan. Tugas pemimpin bukannya meratah segala khazanah kekayaan negara untuk memenuhi ruang tembolok diri, keluarga dan suku-sakat mereka. Fungsi pemimpin bukannya menindas hak rakyat, merampas kepentingan orang lain, mengeksplorit segala peraturan (sekali lagi, untuk menimbun kekayaan peribadi dan dinasti

perniagaan yang hebat, secara mudah), meminda undang-undang untuk menekan seterus politiknya bagi membolehkannya menjadi pemimpin seumur hidup. Sebahagian besar rakyat gelak sinis mendengar kenyataan Mahathir bahawa pemimpin BN akan bertindak seperti hamba rakyat, dengan mendahului segala kepentingan umum. Sebahagian yang lain akan ketawa sakan dengan jaminan Anwar - semasa berkempen untuk Hussein Ahmad dalam pilihan raya kecil Gua Musang - bahawa calon Umno akan menjadi hamba rakyat, bukannya berlagak seperti raja; kenyataan yang jelas ditujukan kepada calon Parti Melayu S46, Tengku Razaleigh Hamzah.

Ungkapan "hamba rakyat" hanya dilihat sebagai kenyataan mempersenda-sendakan golongan bawahan kerana sebenarnya mereka sememangnya diperlakukan sebagai hamba oleh pemimpin politik yang kini berlagak menjadi maharaja baru selepas raja-raja Melayu dilupuskan imunitinya. Yang menjadi hamba bukannya pemimpin tetapi rakyat. Tetapi rakyat semakin mangli dalam kitaran budaya takut untuk menyatakan kebenaran, sementara segala kritikan dianggap sebagai suara penderhaka yang perlu dihapuskan. (Budaya takut ini seperti terselinap halus dan cuba dinyahkan untuk menampilkkan keperibadian bangsa yang lebih berani, tahan uji dan berjiwa global, namun sebenarnya budaya buruk dan hodoh ini mahu dikekalkan selamanya demi kepentingan pemerintah). Tanah rakyat boleh dirampas melalui undang-undang dengan diberi pampasan yang tidak setimpal. Kalau ada pun bantahan, seperti yang tercetus di Kerpan, lokap dan penjara tersedia, termasuk untuk nenek-nenek tua. Bertempeklah semahu-mahunya, melaunglah sekuat-kuatnya, merataplah sehiba-hibanya, jiwa-jiwa kering, kontang dan rentung itu tidak akan mengerti. Larangan sementara mahkamah tidak dihormati lagi. Subsidi dan bantuan (yang

nilainya tidak seberapa) boleh ditarik bila-bila masa sekiranya disyaki menyokong pembangkang. Lalu terkurung dan terpasunglah rakyat dalam lingkaran setan budaya feudal yang semakin mencengkam. Hubungan pemimpin dan rakyat semakin terpisah dan dijarakkan dari masa ke semasa. Maka tertayanglah begitu banyak adegan lakonan si munafik sebagai bukti jalinan mesra antara rakyat dan pemimpin, sedangkan jarak mereka seperti langit dengan bumi.

Yang berada semakin kaya, yang miskin papa kedana. Kemewahan negara digembar-gemburkan, taraf pencapaian ekonomi menakjubkan, usahawan atas kertas kian bercambah, suku-sakat menteri ditimpa durian runtuh, tetapi penggihan masih belum merata, jurang pendapatan semakin luas. Masih ramai menjadi penonton sepi. Segala yang haram, seperti industri judi, arak dan riba sudah dianggap biasa. Pelbagai tipu muslihat dan taktik kotor yang licik dalam bisnes menjadi kelaziman. Barah rasuah kian serius dan meletakkan golongan yang kaya sebagai penentu dan kata putus. Mereka boleh menentukan projek-projek pembangunan ekonomi, sekaligus menjadikan tokoh-tokoh politik sebagai budak yang mengaut keuntungan melalui komisyen. Badan Pencegah Rasuah (BPR) bukannya mahu "mendakwa" orang yang dituduh rasuah tetapi "membersihkan" manama tokoh tertentu yang dituduh makan suap. Ia ditonjolkan sebagai badan bebas dan mempunyai kewibawaan tersendiri, tetapi tanpa persetujuan PM, BPR hilang kuasa. Dan kalaupun ada hujah munsabah yang ditemui BPR, sekiranya PM tidak berkenan, Peguam Negara tidak akan membawa kes seumpama itu. Usaha menghapuskan politik wang yang bergelodak dalam sangkar Umno ibarat membasuh muka dengan air liur sekiranya kedudukan BPR dan Peguam Negara tidak diubah.

Keadilan undang-undang Ilahi dipersenda, cengkaman

kediktatoran melalui peraturan yang sah semakin terasa. Parlimen hanya tempat berjenaka dan mengesahkan akta baru; hujah pembangkang Lim Kit Siang dan Mohamad Sabu menjadi halua telinga, langsung tidak membekas pada rang undang-undang yang ditentang. Bantahlah sekeras-kerasnya, namun pindaan tetap diluluskan. Suara majoriti boleh menolak suara Tuhan. "Kebenaran" sentiasa bersama golongan berkuasa. Kedudukan Peguam Negara yang sepatutnya membawa kes-kes membabitkan rakyat tidak lebih daripada menjadi alat politik semata-mata. Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak terhadapnya. Kes rasuah membabitkan menteri begitu mudah ditarik balik tanpa alasan munasabah. Rujuklah semula kes membabitkan Jeffrey Kitingan dan Rahim Tamby Chik. Tuduhan rogol dan mencabul kehormatan (termasuk kes-kes khalwat) tokoh-tokoh kanan dialpakan, seolah-olah sandiwara semasa. Hakim-hakim pasca Tun Salleh Abas tidak lagi bebas dan rentak tari mereka seperti mengikut tempo yang ditentukan penguasa. Penentangan terhadap kuasa asing hanya retorik. Wira dunia ketiga dan pahlawan sejagat membuat onar dalam sistem demokrasi di negara sendiri. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Universiti, Akta Mesin Cetak, Akta Rahsia Rasmi dan pelbagai lagi akta yang mengakis pengertian demokrasi tidak pernah dicadang untuk dimansuhkan, malah beberapa pindaan semakin mengetatkannya.

Pergaulan bebas tanpa batas, bergelumang dengan dosa perzinaan, kerap menukar perempuan simpanan, melanggani pelacur kelas atasan, tidak dianggap sikap yang memalukan. Hinggakan ada yang berkata: "Aku boleh tinggalkan tabiat buruk minum arak dan main judi, tetapi untuk bebas dari perempuan yang bukan isteriku, rasanya belum mampu." Dengan kemewahan yang melimpah, tanpa perlu berusaha gigih, seseorang itu begitu mudah menghanguskan

wangnya untuk tujuan maksiat dan mungkar. Kata orang, duit tak berkat akan membawa mudarat, dunia dan akhirat. Pemimpin Umno harus bersih dari sebarang skandal perempuan. Aurat anak isteri wajib dijaga, pergaulan harus ditundukkan dengan kehendak Ilahi, bukan dibiarkan bebas lepas dirodok nafsu iblis. Pemimpin yang popular dengan istilah "kaki perempuan" mesti ditolak awal-awal lagi, tidak kira sama ada membabitkan gadis bawah umur ataupun wanita dewasa, sama ada disabitkan bersalah di mahkamah ataupun dibebaskan tanpa sebarang dakwaan. Jika pemimpin pantang melihat gadis rupawan, tidak puas dengan isteri yang sah, asyik berfoya-foya dengan betina jalang, maka seharusnya tidak ada kompromi lagi untuk mengekalkan pemimpin serupa itu.

Senario hodoh ini sengaja saya ulang-ulangkan, mungkin menyebabkan sebahagian pembaca merasa bosan, mangli dan muak. Dalam warkah terbuka saya kepada Perdana Menteri dan perwakilan Umno 1996, inilah juga antara penegasan yang saya rasa perlu ditekankan. Jadikanlah segala pertimbangan yang bakal dilakukan itu, terutama bila memilih bakal kepemimpinan, berdasarkan tuntutan agama. Islam bukan hanya diperlukan untuk sembahyang, puasa, haji, kahwin, mati dan kenduri-kendara. Islam adalah teras kepada kegiatan ilmu, sains, bisnes, sosial, budaya, politik, mengatur urusan pemerintahan dan hubungan diplomatik. Sehingga kini Islam pada kaca mata Umno masih tertinggal jauh dari pengertian Islam yang sebenarnya dan terikat kukuh dengan faham sekularisme yang masih tebal. Tiada jalan mudah dan pintas bagi Umno keluar dari kemelut kancah dosa ini melainkan mengambil Islam sebagai asas, pegangan dan prinsipnya. Slogan ini mudah dilafazkan tetapi hampir mustahil dilaksanakan sekiranya tiada keazaman, keinsafan, keilmuan dan keimanan yang hakiki. Umno

memerlukan pembedahan menyeluruh, memberikan kesegaran baru berdasarkan idealisme utuh dan tauhidik. Jangan membiarkan Umno hanya disibukkan dengan isu-isu murahan menjelang pemilihan pucuk kepemimpinan parti sebaliknya harus serius, tekun, cermat, dan gigih dengan persoalan dasar, falsafah dan objektif Umno yang mesti dinilai semula.

Penerimaan orang Melayu terhadap Umno selama ini tidak bermakna Umno sebuah parti terbaik bagi mereka. Kemenangan Umno dalam siri pilihan raya umum banyak difaktorkan oleh kedudukannya sebagai sebuah parti yang sedia berkuasa. Majoriti bukan suara Tuhan, kadang-kadang suara minoriti membawa kebenaran dan keadilan. Justeru itu Umno tidak perlu menunggu orang Melayu menolaknya baru pemimpinnya mahu membetulkan yang salah, mengelokkan yang hodoh, mencantikkan yang buruk, mengislamkan yang kufur, membenarkan yang batil. Sudah banyak kepincangan, ketempangan, keburukan, kemungkar yang tercetus dalam Umno. Sesungguhnya masa cukup suntuk, tetapi masih berkesempatan, sebelum Umno dilelong murah, sebaik saja ia menyambut ulangtahun ke-50!

*“buku ini ditujukan khusus buat anak-anak muda yang tetap unggul dengan idealisma dan tidak mudah tergoda oleh pujuhan dan apa juar tawaran”*


AHMAD LUTFI OTHMAN  
Selayang Baru, Selangor Darul Ehsan.  
31 Disember 1995



Anwar sudah mencabut keris. Siapa mangsanya pula kali ini? Mahathir senyum ceria, tidak sedar musuh dalam selimut. Jika Anwar mahu mempertahankan Mahathir, siapa pula musuh yang ditujunya? Itu semua hanya lakaran. Realitinya, Mahathir sedang menggayakan sesuatu. Mahathir tidak akan biarkan Brutus menderhaka sekali lagi.



Anwar sedang menunjukkan sesuatu, serius nampaknya. Nak dikatakan calon-calon pilihan raya, ia sudah lama berlalu, ramai juga orang-orang Anwar yang tidak terpilih. Mungkin juga syarat-syarat yang mestilah dipatuhi semasa gencatan senjata.



Prime Minister Mahathir  
and Anwar at last week's  
assembly

Mahathir merenung tajam jurugambar *Asiaweek*, majalah yang jelas sekali menyokong Anwar dan menggesa supaya Mahathir berundur.

## MALAYSIA

## Plot, Counter-Plot

*At UMNO's Assembly, Intrigue Is the Main Agenda*



Abdullah (center, next to Anwar) and Najib (below) are in the running

By Roger Mitan KUALA LUMPUR

**W**hen UMNO's leaders meet, the plots spin faster than at a mystery writers' convention. As a top politician for Malaysia's dominant United Malays National Organization told AsiaWeek last week: "One thing about UMNO: it's never dull. There's always plenty of intrigue."

Party delegates will savor each new rumor at UMNO's annual assembly in Kuala Lumpur Nov. 23 to Nov. 26. Most of the talk will center on next year's crucial internal polls, when the party's top posts come up for re-election. There has been heated debate about the contenders for the second-ranking positions.

In the last triennial polls in 1993, Finance Minister Anwar Ibrahim, 48, won the deputy presidency, the party's No. 2 slot. That led to him being named deputy premier and Prime Minister Mahathir Mohamad's anointed successor. Equally impressive, Anwar's "Vision Team" scored a stunning sweep of the three vice-presidents' posts. Party insiders are now laying odds on whom Anwar will back next year.

As things stand now, the Anwar slate will probably comprise the current VPs: Muhyiddin Yassin, Najib Tan Razak and Muhammad Taib. The trio finished in that order in the 1993 balloting. The order is important: whoever wins the most votes

from the 1,700-odd delegates is the favorite to move up to deputy president when Anwar eventually succeeds Mahathir.

Some repositioning is expected next year, though. On current form, Education Minister Najib, 42, is a good bet to place first. He deftly handled the defense portfolio, and has been relatively untouched by scandals that afflicted other party heavyweights. Mahathir rewarded him with the high-profile education job after the April general elections, and he has made a good start there.

But Najib faces a test. He is about to introduce a package of bills that will reshape the nation's education system. The

measures, which among other things will increase the use of English in tertiary institutions, could cause a backlash in the Malay community. Said a party insider: "These bills could make or break Najib. If they go through smoothly, he should win the top VP post. If they don't, he's in trouble." Najib should be helped by his growing support with Anwar.

Still, many feel that Anwar is more comfortable with Muhyiddin, 48, as his future running mate. That could change. Muhyiddin's star has plummeted since the days when, as chief minister of Johore, he won the top VP post. When he moved to federal politics in April, Mahathir gave him only the junior portfolio of Youth & Sports,

Muhyiddin's standing suffered after Johore landowners charged him in court with involvement in questionable land acquisition deals.

Selangor Chief Minister Muhammad Taib, 50, ran third in 1993, but has since made little impact on the national scene. As a vice president, he was expected to take a higher profile. Still, he has powerful contacts. Says a top corporate man with ties to the leadership: "Mat Taib is smart. He's been doing well in Selangor and has deliberately kept a low profile. I think he'll get in again next year."

Muhammad has his negatives, though. He secretly married the Sultan of Selangor's daughter some years ago and initially denied it when questioned by the Sultan. The couple later separated. Most UMNO members have at least one skeletons in the closet. Says a party strategist: "How they



react to it being taken out and jangled again will have a bearing on their fate."

Though Muhyiddin and Muhammad appear vulnerable, they have few credible challengers. One is Foreign Minister

Abdullah Badawi, 56. A party veteran, he is

admired by some, but others

worry he lacks clout — Mahathir actually makes foreign policy. Abdullah astonished the normally unshockable backroom boys with the lavish wedding he staged for his son earlier this year. Another problem: he is not close to Anwar. Says the corporate magnate: "Many say Abdullah will come in, but do people in the party think that way? I don't think so."


For his part, Mahathir thinks that the

contenders and their backers should be talking less and working more. The PM issued a warning on Nov. 2: "There is a lot of contesting in UMNO now for positions, and this is not healthy. We should not be over-anxious or too engrossed in politics to the extent that we neglect our responsibilities."

A worthy idea — but one that few are likely

to heed in the months to come.

Jangan hanya tengok gambar Pak Lah dan Najib, perhatikan juga kenyataan mengenai Muhd. Taib: "Mat Taib is smart. He's been doing well in Selangor ..."



Anwar ketika ditahan polis dalam demonstrasi pelajar 1974, cukup berasa sangat. 12 tahun kemudian, Anwar menjadi Menteri Pendidikan, namun Akta Universiti tetap membelenggu pelajar. 1995, ketika Anwar menjadi TPM, akta itu dipinda sekali lagi, tapi kebebasan pelajar sudah dikebumikan.



Muhydin kena main? Apa tafsiran anda, melihat gambar ini, yang diambil oleh jurugambar NST, Shahiman Sharip, selepas mesyuarat MTR Umno, 6 Mei 1995, mesyuarat pertama selepas pilihan raya umum.

# Peralihan ala 'baton'

## gantikan Dewan

KUALA LUMPUR 24 Nov. — Cedangan Ketua UMNO Bahagian Batu, Datuk Azman Attar Othman pada Perhimpunan Agung UMNO hari ini suyaya peralihan kuasa. Presiden dijalankan seperti rangkaian peristiwa berantai-gantian menggantikan dewan perwakilan dengan gantian.

Beliau yang mewakili UMNO Wilayah Persekutuan berwush bagi menyaksikan usul menggal ucap danasar Presiden itu juga menyitikkan dengan cerita-cerita hilayat serta dongeng dan ini menyebabkan perwakilan tidak kering guai.

"Dalam parti ini, kita sedangkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tak ubah macam satu pawulan lari bergantian.

"Ketika ini Presiden sebagai pelari pertama sedang berlari membawa

baton. Timbalan Presiden sebagai pelari kedua, tungku massa dan ketika nya sebagai baton sampai.

Beliau yang mewakili UMNO Wilayah Persekutuan berwush bagi menyaksikan usul menggal ucap danasar Presiden itu juga menyitikkan dengan cerita-cerita hilayat serta dongeng dan ini menyebabkan perwakilan tidak kering guai.

Bagi menambahkan ahli UMNO wujud tidak gopoh dan gelap untuk mendapatkan seputus, Azman meminta mereka tidak menjadi seperti burung pocung.


Ketanya, kisah malang

"Sebelum itu borong burung pocung arahkan wakil mereka minta kepada raja binatang supaya memberi mereka makan sajuk kali sehari. Tapi hila sampai menyuarat, wakil ini gopoh dan ketika sampai gelirananya dia terminta makan tujuh hari sekali."

"Tulah sebabnya kita tengok burung pocung badannya semus kurus. Bila bukan hari resekingnya, kan lalo di depan mata pun dia tak makan," kata-saya menyebabkan dewan gamat dengan gelak ketawa.

Di samping itu, beliau juga mengisahkan salah satu cerita yang didengar daripada datuknya, la itu menggal seorang anak yang tidak sabar menunggu bapanya meninggal dunia.

Teladan cerita itu, ketanya, juga mempunyai



AZMAN ATTAR

"Bapanya masih tidak meninggal dunia. Lama kejadian itu merasa lelah dan entah nakhuh bumbuhkan bapanya ke dalam sungai."

"Apabila sampai di sungai, katanya, si bapa merintih akinya tidak menghubungkannya ke dalam sungai, sebaliknya ke tepi sungai."

Ini menyebabkan, jelas beliau, si anak bertanya mengapa bapanya membuat permintaan tersebut.

"Kata si bapa, sebab

manakaku, aku tidak membantu bapaku ke dalam sungai, tetapi kau lepi sungai," kata Azman.

Penjelasan si bapa itu,

ketanya, menyebabkan simbol rasa kasih dan kasih di hati si anak.



Kata seorang teman, dari gambar ini nampak Mahathir serius dalam kerjanya, melihatkan cara Mahathir memotong kek. Semenara Anwar macam main-main, gelak-gelak dan tidak memandang kepada kek yang hendak dipotong itu.

# 1

---

## **WARKAH TERBUKA BUAT MAHATHIR BERILAH LALUAN KEPADA ANWAR!**

Yang Amat Berhormat  
Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia

Selalunya pemimpin tertinggi Umno memandang rendah penulis buku politik popular walaupun mereka sering memperalatkan penulis-penulis upahan, termasuk ketua-ketua pengarang akhbar terkemuka, untuk menjayakan cita-cita politik sempit mereka. Saya tidak pasti apakah YAB tergolong bersama mereka, ataupun bersikap terbuka menerima teguran, kritikan, nasihat dan

juga kecaman. Saya tidak pasti apakah penahanan saya di bawah ISA pada tahun 1989 disebabkan tulisan-tulisan saya yang banyak mengkritik YAB ketika itu, terutama mengenai tahanan borong Operasi Lalang dan kes pemecatan Tun Salleh Abas. Sebagai Perdana Menteri tentunya YAB sudah lalu dengan surat-surat seperti ini, tetapi saya difahamkan YAB begitu mengambil berat surat yang dihantar kepada YAB. Dikatakan, kalau berpeluang, YAB akan membalas surat yang diterima, tidak kira siapa yang menulisnya. Kalau betul begitu, tahniah saya ucapkan kerana bukan mudah seorang pemimpin yang termasyhur di rantau ini boleh melakukan perkara seremeh itu.

Sebenarnya surat ini ditulis sebagai reaksi kepada kenyataan YAB di Cartagena, Colombia, 20 Oktober 1995. Akhbar-akhbar melaporkan pandangan YAB terhadap masalah besar yang dihadapi Umno khususnya menjelang pemilihan: "Pada pendapat saya punca sebenar (masalah sekarang) ialah apa yang dikatakan keruntuhan akhlak atau kemerosotan dalam kualiti ahli. Apabila kita mengembangkan Umno hingga mempunyai lebih dua juta ahli, kita dapati kualiti keahliannya sudah merosot." Dalam masa yang sama, di tanahair, juga melalui media asing, heboh diperkatakan cengkaman YAB dalam Umno semakin longgar dan peluang Anwar untuk mencabar YAB sebagai Presiden Umno tahun depan semakin terbuka. 1996 merekodkan prestasi YAB sebagai PM selama 15 tahun, satu jangkawaktu yang sesuai untuk melepaskan jawatan nombor satu itu.

Sebelum saya berbicara lanjut mengenai hal itu, wajar rasanya dirakamkan semula muqadimah surat

Hassan al-Banna, pemimpin Ikhwanul Muslimin kepada Raja Mesir dan Sudan, Perdana Menteri Mesir dan Sudan, serta pemimpin negara Islam yang lain, bertarikh Rejab 1366: "Pada dasarnya Allah telah memberikan wewenang urusan umat ini kepada tuan. Kemaslahatan umat dan rakyat - baik sekarang maupun masa yang akan datang - adalah merupakan amanat Allah. Apabila generasi masa kini merupakan tangan kanan tuan, maka generasi akan datang adalah merupakan buah yang tuan hasilkan. Alangkah beratnya tanggungjawab ini, apabila seorang pemimpin ditanya mengenai kepimpinan terhadap rakyatnya. Sabda nabi, 'setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta pertanggungjawabannya atas kepemimpinannya terhadap rakyatnya.' Pada masa yang lalu, seorang imam yang adil bernama Abu Bakar pernah mengatakan, 'andaikan ada seorang baghal jatuh terantuk di Iraq, kamu akan melihat diriku akan mempertanggungjawabkan kepemimpinanku di hadapan Allah s.w.t., kenapa kalian tidak meratakan jalan baginya.' Umar ibnul Khattab juga menggambarkan beratnya tanggungjawab kepemimpinan, 'aku selalu berharap agar dapat keluar dari tugas kepemimpinanku dengan tangan bersih, walaupun tidak mendapatkan pahala, asal jangan dibebani dosa dari tugas kepemimpinan'."

Saya cukup tertarik apabila YAB merumuskan segala masalah yang timbul dalam Umno berpunca dari pada keruntuhan akhlak dan sifat tamak ahli-ahli Umno. Sebaik-baiknya istilah "keruntuhan akhlak" itu memerlukan definisi yang lebih khusus, mana tahu YAB mempunyai pengertian tersendiri yang berbeza dengan orang

lain. Bukankah YAB suka mencari kelainan?

Selalunya keruntuhan akhlak dikaitkan dengan perilaku buruk, tidak sopan, menjolok mata, tidak menghayati ajaran agama, bersikap angkuh, gila kuasa, berfoya-foya, lupa daratan, pentingkan diri dan kaum keluarga sendiri. Bagi rakyat biasa yang runtuh akhlaknya tentulah mereka tidak memberikan kesan yang besar kepada perjalanan dan haluan sesebuah negara. Mungkin dia seorang penzina, penagih dadah, pencandu arak, penyeluk saku, kaki rayau, atau lepak. Dia mungkin menghamparkan harapan ibu dan ayahnya, yang mahu melihat dia berjaya dan boleh membantu keluarga di kampung.

Kajian Kementerian Belia dan Sukan mengenai tingkah laku lepak di kalangan remaja (Februari 1994) sudah cukup merunsingkan kita. 71% rakan sebaya remaja menghisap rokok, 40% menonton filem lucah, 39% membaca buku lucah, 18% melakukan hubungan seks sebelum kahwin, 28% berjudi, 25% minum arak, 16% mencuri dan 14% terlibat dengan penagihan dadah. Kajian Kerajaan Negeri Selangor (Jun 1995) terhadap pekerja kilang di Lembah Klang mendedahkan 21% daripada mereka pernah melakukan perbuatan sumbang, 14% mengaku sering melakukan hubungan seks, 21% lagi pernah melakukannya, 39% mengaku terlalu bebas dan 31% kurang mendapat pendidikan agama serta disiplin.

Bagaimana pula dengan akhlak ahli-ahli politik terutama sekali ahli-ahli Umno? Apakah mereka juga sering melakukan hubungan seks bebas, berjudi, minum arak, lepak di *coffee house* atau kelab-kelab eksklusif, membaca buku lucah, menonton filem lucah? Bagaimana

pula dengan kaum keluarga mereka, apakah terdidik secara Islam dan patuh kepada kehendak agama, atau sesat tanpa pedoman dan hidup di atas keserakahan nafsu kebinatangan? Apakah ibadah solat didirikan secara sempurna, begitu juga dengan rukun-rukun Islam yang lain? Sesungguhnya ibadah solat merupakan tiang agama, dan runtuhan agama apabila solat diabaikan. Apakah nikmat kekayaan yang di dalamnya terkandung hak si miskin telah dikeluarkan zakat? Tentunya petunjuk kerendahan akal budi seseorang pemimpin tidak terhad kepada gejala-gejala di atas sahaja tetapi melewati dimensi yang lebih luas dan menyeluruh. Inilah sebabnya saya meminta dihuraikan petanda atau ciri-ciri keruntuhan akhlak yang dimaksud oleh YAB itu.

Semakin tinggi jawatan yang disandang oleh seseorang ahli politik, semakin besar dan dahsyat kesan perilaku buruk dan kotor terhadap rakyat. Dan kedudukan tertinggi dalam bidang politik di negara kita ialah Perdana Menteri, iaitu YAB sendiri. Kalau di Britain, PM bertukar lima tahun sekali dan rajanya kekal sepanjang hayat, tetapi di sini terbalik, Yang di-Pertuan Agong bergilir lima tahun sekali dan PM nampaknya seperti mahu kekal seumur hidup. Maka saya lebih bimbangkan ialah keruntuhan akhlak dan sikap tamak YAB sendiri dan Jemaah Menteri, serta anggota-anggota Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno berbanding kerisauan saya terhadap gejala lepak yang menyerang anak-anak muda kita. Sayang sekali, tidak ada kajian khusus yang dilakukan terhadap perilaku pemimpin-pemimpin politik di negara ini. Kita menunggu ia dilakukan, dan sekiranya YAB serius dengan fenomena keruntuhan akhlak dan

kemerosotan kualiti ahli-ahli Umno, sewajarnya YAB sendiri menggerakkan proses kajian tersebut. Barulah kita mendapat maklumat secukupnya, yang kemaskini bagi merumuskan langkah penyelesaian yang bersepadu bermula dari akar umbi lagi.

Definisi keruntuhan akhlak di kalangan pemimpin politik - selain apa yang dibutirkan di atas - tentulah mencakupi gejala politik wang, gila kuasa, tamak, angkuh, sompong serta takbur dengan kebolehan diri, memperalatkan orang lain demi kepuasan sendiri, membolot kekayaan negara, makan suap, cekik darah, menggunakan kedudukan politik untuk kepentingan kaum kerabat dan saudara mara, menekan dan menindas orang bawahan, menjadi *yes man*, mengampu dan membodek orang atasan, berdiam diri di depan kemungkinan dan kemaksiatan, menafikan hak dan peluang orang lain, tidak menghormati karamah insaniah, tidak melandaskan segala kegiatan politik kepada kehendak Islam, mengabaikan keperluan orang miskin tetapi sibuk melayani golongan korporat, selalu memberi jaminan palsu dan tidak bercakap benar, mengkhianati amanah yang diberikan, menjual ayat-ayat Allah untuk mendapat keuntungan peribadi.

Jamaluddin al-Afghani menggesa setiap Muslim mengambil nilai-nilai baik yang akan menumbuhkan rasa cinta kepada kebenaran, kebaikan dan keadilan. Nilai-nilai baik itu ialah malu, amanah dan benar. Sifat malu (*al-haya'*) menghalang manusia daripada melakukan perbuatan yang boleh menjaskan nama baiknya. Al-Afghani menganggap sifat ini lebih penting daripada undang-undang yang mengawal keamanan dan keten-

teraman, kerana jika tabir malu telah hilang, mungkin tidak ada hukuman lain yang dapat menghalang manusia daripada melakukan perbuatan yang mengaibkan. Berkait rapat dengan malu ialah sifat harga diri dan rasa besar diri (*al-iba'*). Sifat amanah (*al-amahah*) merupakan asas utama kepada kejujuran antara seorang manusia dengan manusia yang lain. Sebenarnya ia adalah taliān yang tidak kelihatan yang menyatukan struktur sosial masyarakat. Sifat ketiga ialah bercakap benar. Kebenaran ialah kunci kepada memahami perhubungan sosial dan berurusan sesama sendiri. Ini kerana, ketiadaan kebenaran akan menimbulkan kekeliruan dan ketidakpercayaan; penipuan akan terjadi dan sekurang-kurangnya akan mengakibatkan keruntuhan asas ketenteraman masyarakat.

Soalnya, apakah YAB, anak beranak YAB, kenalan rapat dan kawan YAB, terlepas dari gejala keruntuhan akhlak ini? Apakah sifat malu, amanah dan bercakap benar telah dibudayakan dalam kehidupan YAB dan Jemaah Menteri serta anggota MKT yang lain? Perihal perniagaan anak-anak YAB semakin menjadi bualan ramai. Tidak mustahil YAB akan kecundang dalam politik disebabkan gelagat mereka, yang terus-menerus dianugerahkan projek demi projek, menguasai syarikat demi syarikat. Dulu mereka tidak puas hati dengan monopoli keluarga sebelah isteri YAB, sekarang membabitkan anak-anak YAB sendiri. Perihal dua tiga kerat tokoh-tokoh korporat di bawah naungan YAB yang menjadi *billionaire* semakin membuka rasa dendam kesumat rakyat. Rakyat, termasuk ahli-ahli Umno, sudah lama memerhatikan tingkah laku YAB. 15 tahun mereka

melihat dari jauh, bagaimana negara ini dimajukan, dimodenkan, dipopularkan seantero dunia. Sesetengah mereka memendam rasa, mengeluh kecewa, bermuram durja, dengan tingkah laku sebahagian pemimpin yang rendah mutu kerjanya, tetapi bernafsu besar, tamak haloba, menjadikan khazanahkekayaan negara bagaikan rampasan perang.

Bukannya mereka tidak bangga dengan pencapaian YAB di arena antarabangsa, seperti di Bosnia dan suara lantang YAB di forum-forum dunia mencabar kuasa-kuasa besar. Namun ada juga secara sinis menyindir, apakah itu semua satu lakonan atau sandiwara semata-mata. Bagaimana dengan mutu keadilan di tanahair sendiri? Apakah YAB sentiasa merundingi pihak-pihak lain sebelum memutuskan sesuatu perkara besar yang membabitkan masa depan negara? Ataupun memandang hebat kebolehan diri sendiri dan memandang hina pandangan orang lain yang bertentangan. Terbanglah setinggi mana sekalipun, tetapi persoalan utama yang mesti dibereskan ialah masalah dalam negara. Mereka kebingungan, seolah-olah YAB sedang menghabiskan detik-detik akhir era pemerintahan, dengan berseronok melancang ke seluruh pelusuk dunia. Kalau berada di tanahair, selain merasmikan pelbagai projek dan program sekitar Kuala Lumpur, YAB akan hanya bertumpu ke Langkawi. Seeloknya ziarahilah daerah-daerah terbiar; rancanglah program untuk penghuni desa yang jauh tertinggal; carilah penyelesaian terhadap kemerosotan pemilikan orang Melayu terhadap kekayaan negara; renunglah falsafah, strategi dan perlaksanaan projek-projek pembangunan yang kini dipacu tanpa

kawalan; suburkan budaya mencintai ilmu di kalangan rakyat, bukannya leka mencari kepuasan jasadiah yang kering dan kontang itu; banteras penyakit rasuah yang semakin mengakar-umbi; dan lebih penting, buktikan YAB merupakan model seorang ahli politik yang baik akhlaknya, luhur budinya, ikhlas jiwanya, tegas pendi riannya, dan tidak pernah lupa mengkhususkan masa untuk berhubung dengan Tuhan.

Saya kutip pesanan Saidina Ali kepada gabenor Mesir, Malik Ashtar, buat tatapan YAB: "Aku mengarahkan engkau Malik, agar menggunakan fikiran, hati, tangan dan mulut serta segala panca indera untuk menolong agama Allah. Allah mengarah dirimu agar menahan nafsu amarah dan kehendakmu, mengawal diri dan keangkuhan khususnya dari kemilau kekayaan yang menjerumuskan dirimu ke dalam kejahatan dan dosa. Dirimu selalu bertindak menghasut, memaksa dan membenam dirimu kepada kecelakaan dan kerosakan. Janganlah sama sekali engkau memusuhi Tuhanmu, kerana engkau tidak mempunyai sedikitpun kekuatan untuk berlindung dari kemurkaan-Nya dan engkau tidak berupaya untuk membiarkan dirimu keluar dari naungan Kasih Sayang dan Keampunan-Nya. Sekiranya kamu merasa megah dengan kedudukanmu dan merasa sompong dan bongkak dengan kekuasaanmu, maka renunglah akan kedudukan dan kekuasaan Kerajaan Ilahi yang menguasai seluruh alam semesta. Ini akan mengembalikan kewarasan kepada fikiranmu dan akan memberikan ketenangan dan kelembutan kepada watakmu."

Di zaman YAB juga Islam dihina secara terbuka. Beberapa syiar Islam dimusnahkan, antaranya menukar

hari cuti minggu Jumaat kepada Ahad, di negeri Johor dan Perlis. Kerajaan YAB belum mengubah cuti hujung minggu di Kedah dan Terengganu kerana bimbang PAS akan beroleh manfaat darinya. Keghairahan mempertahankan ajaran Islam yang suci itu semakin pudar. YAB bukan sahaja mampu meleburkan sensitiviti kemelayuan tetapi juga memalapkan sensitiviti keislaman. Contohnya, penulis terjemahan *al-Quran*, *Bacaan*, Othman Ali (yang mengaku tidak boleh berbahasa Arab) berani mendakwa sembahyang hanya tiga waktu, minimumnya satu rakaat sahaja dan boleh menggunakan apa sahaja bahasa semasa menunaikannya, termasuk semasa membaca surah al-Fatihah. Othman juga mendakwa syahadat hanya *Tiada Tuhan melainkan Allah*. Sehingga kini tiada tindakan dikenakan kepada Othman. Malah YAB menyifatkan isu *Bacaan* sama saja dengan buku YAB sendiri, *The Malay Dilemma*. Sewajarnya tindakan tegas mesti diambil kepada Othman. Begitu juga dengan isu lakaran Nabi Muhammad s.a.w. ketika peristiwa Israk Mikraj oleh akhbar *The Sun*. Sewajarnya permit akhbar itu digantung serta merta kerana gagal memahami sensitiviti umat Islam sebelah sini walaupun saya mendokong prinsip kebebasan akhbar. Tidak ada kebebasan apabila Islam dihina. Inilah akibatnya apabila undang-undang Islam diketepikan. Cadangan undang-undang Hudud yang diluluskan oleh Kerajaan Kelantan secara demokratik - termasuk disokong oleh wakil-wakil rakyat Umno - telah ditolak mentah-mentah oleh YAB, malah YAB memberi amaran keras sekiranya Kerajaan Kelantan melaksanakannya. Sedangkan YAB sendiri melihat bagaimana kroniknya masalah perzinaan di kalangan umat Islam,

yang bukan sahaja berpunca daripada penolakan hukum Tuhan tetapi dicetuskan oleh keadaan yang menggalakkan percampuran bebas lelaki perempuan, mudahnya mendapat video dan majalah lucah, hilangnya rasa tanggungjawab pemimpin untuk menjaga akhlak rakyat. Bagaimana pemimpin mahu membetulkan moral rakyat kalau akhlak mereka sendiri sudah punah dan bankrap!

Meneliti rekod YAB menerajui negara dan Umno menyediakan saya. Harapan yang begitu tinggi terhadap YAB dibuktikan melalui keputusan pilihan raya 1982. Kemasukan bekas Presiden ABIM, Anwar Ibrahim membangkitkan lagi harapan untuk melihat perubahan mendasar dibuat. Pembebasan tahanan politik seperti menjanjikan suasana lebih demokratik dan penyuburan kepelbagaian idea. Rupanya harapan itu segera pudar dan bertambah kelam. Rentetan episod politik yang tegang, bermula tragedi Lubuk Merbau, peristiwa berdarah di Memali, pelbagai skandal kewangan, penahanan ISA tokoh-tokoh muda PAS, perletakan jawatan Musa Hitam, peranan media dalam pilihan raya 1986, pengharaman Umno dan penubuhan Umno (Baru), pindaan yang menghakis nilai-nilai demokratik dalam akta-akta tertentu, politik cantas-mencantas Team B, Operasi Lang Lang 1987, pemecatan Ketua Hakim Negara dan dua Hakim Mahkamah Agung, hancurnya kebebasan institusi kehakiman, serangan terhadap raja-raja Melayu, memansuhkan peranan mahkamah dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Mesin Cetak dan Akta Pengambilan Tanah, musnahnya akauntabiliti politik, kes rampasan tanah (Kerpan, Pantai Kundor, Gelang Patah), suburnya faham *maddiyah* tanpa batas, penukaran cuti hujung

minggu di Johor dan Perlis, penolakan hukum hudud, munculnya projek-projek mewah (seperti menara kembang KLCC, Empangan Bakun, KLIA, menara Kuala Lumpur) atas nama kebanggaan negara tanpa melalui proses yang lazim dipakai, terpinggirnya masyarakat desa daripada arus perdana pembangunan negara, meluasnya aktiviti politik naungan dan politik wang, pemberian saham kepada kaum keluarga elit politik (termasuk YAB dan Anwar), kegagalan memberi nilai bukan ekonomi dalam Wawasan 2020, pengaruh tokoh-tokoh korporat dalam perancangan ekonomi negara, liberalisasi dalam semua bidang, ketuanan Melayu semakin merosot, taraf bahasa Melayu direndahkan, kualiti pendidikan Islam dipersoal, penghinaan YAB terhadap ulamak-ulamak, usaha menghapuskan nama Islam pada PAS (Parti Islam Se-Malaysia), dan merebaknya gerakan anti-hadis yang seolah-olah mendapat restu.

Mungkin YAB berjaya meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu tetapi mengapa pegangan korporat orang Melayu cuma 20 peratus, iaitu peningkatan hanya 2 peratus semenjak Tun Hussein Onn meninggalkan teraju negara. Lebih menyedihkan bila mengenangkan yang menguasai kekayaan itu hanyalah beberapa kerat jutawan Melayu sedangkan pegangan yayasan amanah terus merosot. Pemilikan individu tertentu itu langsung tidak melambangkan peningkatan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Dasar memperkayakan beberapa tokoh perniagaan Melayu sebenarnya tidak membantu orang-orang Melayu yang masih ramai melarat. Lagi pula, pertumbuhan ekonomi negara lebih difaktorkan oleh suasana sekitar yang merangsang pertumbuhan

tersebut. Mengapa apabila ekonomi negara meleset kita menyalahkan faktor luar tetapi apabila kita mencapai pertumbuhan yang membanggakan, yang disanjung dan dibesar-besarkan ialah kehebatan pemimpin negara sahaja. Rakyat terpaksa membayar harga pembangunan yang mahal dengan kehadiran lebih tiga juta pendatang asing dan syarat-syarat yang dilonggarkan, misalnya menerima pelaburan luar yang meninggalkan sisa buangan yang merbahaya sedangkan negara-negara serantau tidak membenarkannya. Keharmonian alam sekitar terjejas, harga barang keperluan meningkat, mutu pengangkutan awam cukup teruk, kualiti perkhidmatan awam menjunam, universiti tidak dapat berfungsi sebagai pusat kecemerlangan.

Saya amat mengharapkan bahagian terakhir ucapan belanjawan yang dibentangkan Anwar, Jumaat 27 Oktober 1995, yang dipetik daripada dua orang tokoh India dan China menjadi kenyataan dalam alam praktik: "Menjadikan kebahagian rakyat sebagai kebahagian pemerintah, kebajikan rakyat sebagai kebajikan pemerintah; apa yang menggembirakan pemerintah bukan kegembiraan sebenar, melainkan apa yang menggembirakan rakyat itu sendiri. Apabila pemerintah bergembira dengan kegembiraan rakyat, rakyat pula akan bergembira dengan kegembiraan pemerintah."

Dalam pada itu, tentunya seluruh warga Malaysia merasa malu apabila sebuah majalah korporat antarabangsa, *Fortune* menyenaraikan Malaysia antara enam negara-negara Asia yang paling teruk amalan korupsinya. Majalah yang sama menyatakan Singapura adalah negara Asia yang paling bersih dari penyakit rasuah.

Sementara itu *Aliran Monthly* memberikan ulasan ke atas Indeks Korupsi yang diterbitkan oleh Transparency International bahawa New Zealand adalah negara yang paling bebas dari rasuah di dunia ini, kemudian diikuti oleh Denmark, Singapura dan Finland. Indeks yang sama menyenaraikan Indonesia, China, Pakistan, Venezuela, Brazil, Filipina, India, Thailand dan Itali sebagai negara-negara yang buruk mengalami wabak korupsi.

Dalam Umno pula seolah-olah gejala politik wang telah dibudayakan. Tidak ada komitmen politik yang tegas untuk membanterasnya. Banyak pihak melihat fenomena ini sebagai satu realiti yang harus diterima. Beberapa tindakan oleh Jawatankuasa Disiplin parti hanya dianggap seperti membasuh muka dengan air liur dan digunakan untuk kepentingan politik pengurusinya. Peranan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang sekarang ini bertanggungjawab penuh kepada YAB masih kekal di tahap lama. Secara sinis orang melihat YAB sengaja mempertahankan *status quo* itu demi kepentingan politik YAB, sebagai senjata untuk menjadikan majoriti anggota Jemaah Menteri YAB *yes man* semata-mata. Saya tidak boleh faham mengapa YAB masih mengekalkan Samy Vellu dalam kabinet, pernah melantik Dr Jeffrey Kitingan sebagai timbalan menteri, mempertahankan Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah, membersihkan Rafidah Aziz yang tercemar kerana kes pembahagian saham, mengekalkan menteri-menteri besar yang terpalit dengan tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Jasa YAB tidak dinafikan. Saya tidak mahu dilabel sebagai kacang lupukan kulit. Tetapi jiwa kecil saya meronta-ronta, cukuplah tempoh 15 tahun YAB memerin-

tah negara. Sumbangan YAB tetap akan dikenang. Bukankah semasa merasmikan perhimpunan agung Umno 1994, YAB membacakan sebuah pantun:

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.*


Saya tidak minta YAB serahkan jawatan tertinggi yang disandang sekarang kepada Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, begitu juga kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Saya rasakan masanya sudah sampai untuk YAB melepaskannya kepada anak didik dan anak emas YAB sendiri, Anwar Ibrahim. Saya bimbang Anwar terpaksa dikorbankan demi kepentingan peribadi YAB sendiri. Cukuplah sudah Almarhum Tunku Abdul Rahman, Almarhum Tun Hussein, Tun Salleh Abas dan dua lagi Hakim Mahkamah Agung, Musa Hitam dan Tengku Razaleigh dikorbankan hanya untuk memastikan kedudukan YAB kekal merajai teraju negara. Anwar perlu dilantik menjadi Perdana Menteri bukan kerana dia memerlukannya tetapi kehendak masa memerlukan Anwar. Hingga Umno sendiri terpaksa diharamkan kerana YAB memerlukannya begitu. Saya bimbang perlembagaan Umno akan dipermainkan lagi demi memastikan penguasaan YAB berkekalan. YAB telah mendidik dan menaikkan Anwar ke tempatnya sekarang, oleh itu tidak ada sebab YAB perlu sangsi akan kebolehan dan kemampuannya, juga kesetiaannya kepada YAB.

Saya tidak percaya YAB bimbang apa yang berlaku kepada bekas Presiden Korea Selatan, Roh Tae Woo akan

berulang kepada YAB pula. Dalam buku ini sengaja saya rakamkan analisis kritis Rustam A Sani mengenai perkembangan itu. Saya harap Rustam, semasa menulis rencana itu, tidak pula bertujuan menyindir YAB. Untuk renungan YAB, sekali lagi saya kutip sebahagian darinya: "Dalam proses pengumpulan dana untuk manfaat peribadi, pemimpin Asia dikatakan sering menggunakan khidmat pada *associate* perdagangan peribadi yang dapat dipercayai sebagai lokasi untuk menempatkan dana tersebut, dan lebih-lebih lagi untuk menggerakkannya supaya kelihatan sebagai kegiatan perdagangan yang bukan sahaja kelihatan sah, malah benar-benar mendatangkan keuntungan. Dalam beberapa negara Asia para pemimpinnya dikatakan lebih beruntung kerana dapat menggunakan anggota keluarga (terutamanya anak-anak sendiri) sebagai tempat melabuhkan dana yang demikian. Dana besar yang dikuasai negara biasanya dipindahkan kepada para anggota itu melalui transaksi perdagangan yang pada permukaannya kelihatan sah.

"Para pemimpin Asia dikatakan enggan melepaskan jawatannya selagi rancangan pengumpulan harta peribadinya belum selesai, dan kalau sekalipun rancangan itu selesai dia tidak akan meletakkan jawatan selagi belum ada jaminan bahawa rahsianya tidak akan dibongkar setelah dia tidak lagi berkuasa kelak. Bagi para pemimpin yang mempunyai anak yang berbakat politik, terdapat kecenderungan di Asia untuk membina dinasti (yakni menurunkan kuasa kepada anak). Bagi yang tidak, langkah yang paling selamat ialah menurunkan kuasa kepada "anak didik" politik yang dapat dipercayai."

Surat ini tidak berhasrat untuk merendah-rendahkan kewibawaan YAB sebagai Perdana Menteri yang paling terkesan, setakat ini, dalam sejarah negara. Ia hanya luahan hati insan kerdil yang tidak mempunyai kuasa untuk mengundi dalam pemilihan Umno 1996. Fikirkanlah untuk kepentingan agama, bangsa dan tanahair. Janganlah mengeruhkan suasana seperti melaga-lagakan Anwar dengan pemimpin-pemimpin muda yang lain. Sekiranya tidak ada apa-apa yang perlu disembunyikan, apa yang dibimbangkan lagi. Jiwa besar dan kehebatan peribadi YAB akan terserlah apabila sanggup turun dari takhta dan menyerahkan kepada orang lain yang juga berkemampuan, semasa YAB mampu menerukannya. Sekian, terima kasih.



AHMAD LUTFI OTHMAN  
Selayang Baru,  
Selangor Darul Ehsan.  
14 Oktober 1995

## **BACAAN TAMBAHAN YANG DICADANGKAN**

# 2

---

## **KESEJAGATAN DAN KEBANGKITAN BANGSA MENYUBURKAN MASYARAKAT MADANI**

**S**ejak Marshall McLuhan mencanangkan kemunculan dunia persis sebuah kampung, kita telah menyaksikan bagaimana transformasi ekonomi dan revolusi teknologi mengikat dunia dalam satu jaringan. Proses ini yang dikenali sebagai pensejagatan telah berjaya mengatasi pelbagai hambatan dan sekatan perbatasan yang dicipta sejak munculnya negara-bangsa. Sistem perhubungan yang semakin baik menjadikan dunia begitu kecil dan memungkinkan setiap individu menjadi pengembara seperti Ibn Batuta atau Marco Polo. Revolusi dalam teknologi maklumat dan komputer telah

bergabung dengan teknologi komunikasi dan satelit, dan ini menyebabkan mana-mana masyarakat juga terdedah kepada terobosan sebarang penyiaran asing tanpa tapisan. Penapisan dan kawalan oleh pihak berkuasa negara-bangsa menjadi begitu sukar kerana teknologi telah memungkinkan penyiaran secara sejagat dan gejala ini boleh menjadi pemungkin untuk meleburkan perbezaan dan kepelbagaian budaya antara masyarakat dunia.

Kesejagatan menjadi gejala dan sifat yang mentakrifkan zaman ini dan abad ke-21. Arusnya begitu deras dan berkeupayaan merobohkan apa sahaja yang melintang di hadapannya termasuk sempadan negara dan kepelbagaian yang terbit daripada perbezaan agama, bahasa, suku kaum dan kebudayaan. Maka jika kesejagatan juga bermakna proses penyamaan sedunia atau "*global uniformity*" maka kepelbagaian cara dan gaya hidup sudah tentu digugat oleh kecenderungan ke arah keseragaman dalam cita rasa dan pengukuhan kebudayaan dan pandangan hidup dunia yang dominan. Kenichi Ohmae mengisyiharkan berakhirnya negara-bangsa, asas kepada sistem politik dunia sejak munculnya zaman moden kira-kira 500 tahun lalu. Zaman moden akan digantikan dengan zaman pascamoden, negara-bangsa akan digantikan oleh empayar korporat, dan negarawan digantikan oleh kapitalis global. Tetapi ini tidak akan berlaku. Sementara kita perlu akur dengan keampuhan arus kesejagatan sebagai satu kenyataan, tetapi kesejagatan bukanlah satu-satunya gejala yang bakal mencorakkan dunia pascamoden. Jika zaman ini diamati dengan lebih mendalam kita akan turut mendapati beberapa gejala dan arus lain yang tidak kurang kuatnya

tetapi menghalau berlawanan atau beriringan dengan arus kesejagatan. Kesejagatan selalu dihubungkan dengan kesamaan sejagat, atau *global uniformity*, menghapuskan kepelbagaian dan perbezaan dari segi cita rasa dan kebudayaan. Tetapi kita juga menyaksikan "*local empowerment*" iaitu penegasan unsur-unsur tempatan yang biasanya dihubungkan dengan pengenalan watak sesuatu bangsa dan masyarakat, seperti agama, suku-kaum, bahasa dan kebudayaan.

Penegasan unsur-unsur tempatan, identiti dan pelbagai kecenderungan akliah dan cita rasa sesuatu masyarakat yang disebut oleh Alexis de Tocqueville sebagai "*habits of the heart*" sudah menjadi gejala antarabangsa dan sejagat. Hampir tiada masyarakat dan negara, baik industri maupun tradisi, yang tidak merasai tiupannya. Bahkan bukti yang paling ketara bahawa kesejagatan tidak akan mampu menghasilkan kesamaan sejagat ialah retaknya kesatuan kebudayaan yang bakal menjadi sumber kesamaan. Perbandaran dan perindustrian sering dilihat sebagai kekuatan yang meleburkan perbezaan kebudayaan dan etnik. Tetapi gejala ini lebih ketara pada negara yang paling terkedepan dalam perbandaran dan perindustrian. Eropah dan lebih-lebih Amerika Utara dilanda oleh polemik dan gerakan kepelbagaian atau *diversity*, dan jamak budaya atau *multiculturalism*.

Di Amerika Syarikat gerakan ini ingin mengubah identiti negara mereka daripada tradisi *White Anglo-Saxon Protestant* (WASP) kepada identiti yang diasaskan kepada jamak budaya. Golongan cendekiawan Afrika-Amerika ingin menulis semula sejarah negara dengan mengambil pertimbangan pengalaman dan peranan

masyarakat kulit hitam dalam pembentukan keperibadian Amerika. Begitu juga masyarakat orang asli atau *Red Indian*. Protes dan tunjuk perasaan dalam perayaan menyambut 500 tahun mendaratnya Columbus ke Amerika mencerminkan tuntutan bahawa sejarah negara tersebut tidak boleh dilihat dan ditulis semata-mata dari perspektif golongan kulit putih. Sejarah perlu dibebaskan daripada kongkongan prasangka golongan tersebut dan seterusnya memberikan pertimbangan terhadap sudut pandangan masyarakat pribumi yang tewas dan teraniaya.

Pecahnya kesatuan kebudayaan Amerika dan bertambah kuatnya tuntutan kepelbagaian merupakan gejala kebudayaan yang mempunyai kesan yang mendalam terhadap dunia. Jika kebudayaan yang menjadi sumber kepada kesamaan sedunia retak dari dalam dan mula berantakan, apakah kesejagatan sesuatu kebudayaan dan dominasi sesuatu cara hidup mungkin berlaku? Kita seolah-olah menyaksikan berulangnya sejarah. Ketika imperialism Eropah berada di kemuncaknya pada awal abad ini, berlaku konflik sikap di kalangan elit mereka dan sekumpulan kecil gerakan menentang imperialism bukan sahaja di negara yang dijajah tetapi dari dalam negara penjajah itu sendiri.

Pecahnya kesatuan kebudayaan Eropah-Amerika akan memberi ruang bahkan perangsang kepada tuntutan ke arah kepelbagaian dan jamak budaya dalam proses kesejagatan. Justeru sementara setiap masyarakat dunia ingin menyertai arus perdana global, mereka tetap tidak mahu mengorbankan identiti masing-masing. Kesedaran sifat kumpulan yang tersendiri yang sering

disebut sebagai kecenderungan asli (*primodial sentiments*) merupakan kekuatan yang hidup dan tidak akan dapat dilunturkan oleh kesejagatan. Kedua, kekuatan ini akan menggugat dan pertembungannya akan berlaku secara dialektika untuk mencorakkan zaman baru.

Sepanjang sejarah, manusia hanya baru mengenal dua bentuk organisasi kekuasaan politik iaitu empayar dan negara-bangsa. Empayar terjadi apabila pemerintah berasa bahawa daerah negaranya terlalu kecil dibandingkan dengan kemampuan dan cita-cita pemerintahannya. Jalan keluar adalah dengan meluaskan jajahan melalui perang dan penaklukan. Empayar juga terbentuk dengan tuntutan ekonomi seperti imperialism abad ke-19 iaitu untuk membuka pasaran kepada pengeluaran yang meningkat berlipat ganda akibat revolusi industri. Sejarah juga menyaksikan empayar dilahirkan atas dorongan idea seperti agama dan cita-cita penyatuan umat manusia seperti yang dipelopori oleh Iskandar Agung. Tetapi kecenderungan ke arah pembentukan empayar sering ditentang dengan pelbagai alasan. Tiada masyarakat, bandar atau negara yang ingin diperintah oleh orang asing. Apapun manfaat yang mungkin dibawa bersama sesebuah empayar seperti integrasi sesuatu kawasan dengan sistem dan pasaran antarabangsa, dominasi dari luar dilihat secara naluri sebagai penindasan. Gabungan idealisme dan kepentingan, cita-cita kebebasan, kepentingan golongan berkuasa tempatan dan kecintaan mereka dan masyarakat tempatan terhadap kebudayaan dan cara hidup mereka merupakan dorongan dan kekuatan yang menentang dan meleburkan empayar dalam sejarah, dari zaman Iskandar Agung

kepada empayar Soviet beberapa tahun lalu.

Meskipun penentangan terhadap empayar wujud seawal wujudnya empayar itu sendiri tetapi hanya pada abad ke-19, di Eropah muncul idea yang mendapat penuturan secara tersusun yang kemudiannya dikenali sebagai nasionalisme, dan menjadi asas kepada pembentukan negara-bangsa. Nasionalisme sekular adalah kelahiran Eropah abad ke-19, bukan sahaja dari segi peraturan politik dan persaingan untuk menguasai Eropah berdasarkan konsep empayar, tetapi juga semangat zaman itu - *zeigist* - dari segi pemikiran dan sentimen yang dipengaruhi oleh gerakan Romantik. Jika ada seorang tokoh yang boleh dipanggil sebagai bapa nasionalisme, baik dari segi penuturannya sebagai konsep yang jelas mahupun dari segi perjuangan hidupnya, beliau ialah Guisseppe Mazinni. Slogan beliau ialah "*One nation, one state.*" Perjuangan beliau bukan sekadar untuk kebebasan Itali tetapi untuk meruntuhkan sistem empayar, baik yang diwakili oleh *Hapsburg Monarchy* mahupun kuasa-kuasa lain yang bercita-cita untuk menjadi kuasa terulung di Eropah.

Meskipun terdapat nasionalis Afro-Asia yang mendapat pendidikan Barat dan lebih cenderung terhadap tradisi intelektual Barat daripada tradisi masyarakat dan bangsanya sendiri, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa gerakan pembebasan daripaa cengkaman penjajah dan dominasi kuasa Barat semata-mata diilhami oleh beberapa aliran pemikiran dari Eropah. Di kalangan umat Islam di rantau ini gerakan menentang penjajah banyak mendapat ilham daripada gerakan pan-Islamisme yang dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani, idea reformasi

Muhammad Abduh dan gerakan Salafiah Rashid Ridha. Di Afrika perjuangan kemerdekaan dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Emir Abdul Kadir dan golongan as-Sanusi; di Sudah oleh gerakan al-Mahdi; di Nigeria oleh Uthman dan Fodio. Justeru perjuangan kemerdekaan bukan semata-mata untuk menghalau penjajah tetapi lebih cenderung untuk menegakkan kedaulatan kebudayaan yang telah melalui proses reformasi dalam konteks negara-bangsa.

Meskipun kita telah menyaksikan pelbagai perubahan dan revolusi teknologi dalam beberapa dekad yang lalu namun belum ada tanda untuk membawa kepada transformasi dalam sistem politik yang bakal menggantikan negara-bangsa. Penyatuan Eropah yang didorong oleh kenyataan ekonomi, mungkin menunjuk ke arah bentuk entiti politik yang menggabungkan sifat-sifat empayar dan negara-bangsa. Keserantauan merupakan suatu kenyataan baru yang mempunyai kesan politik tetapi ia tidak akan melenyapkan isu-isu seperti pengenalan diri sesuatu masyarakat dan pembangunan bangsa.

Arus kesejagatan, bagaimana deras sekalipun, tidak akan melenyapkan negara-bangsa, kesedaran identiti dan kecenderungan intelektual serta cita rasa sesuatu masyarakat. Tetapi ini tidak bermakna ia tidak langsung dipengaruhi oleh perkembangan tersebut. Jelas bahawa kita tidak dapat melihat mauduk tersebut dalam konteks yang lama. Perbincangan perlu mengambil kira kenyataan baru. Bahkan sekiranya perbincangan tentang pembinaan bangsa dan perkara-perkara berkaitan ingin terus bermakna, ia perlu mengambil pendekatan baru. Agenda pembangunan bangsa perlu ditakrif semula. Dalam kon-

teks Malaysia, pentakrifan semula adalah suatu kemestian kerana hanya melalui idealisme dan cita-cita, gerakan rakyat dapat diperbaharui dan diperluaskan untuk menjangkau perkembangan semasa dan memenuhi tuntutan masa depan.

Perpaduan dan identiti bangsa semestinya menjadi agenda utama dalam pembentukan bangsa. Ini didorong oleh kesedaran terhadap sifat masyarakat majmuk di Malaysia. Satu bahasa kebangsaan diperlukan untuk menyimpai masyarakat daripada pelbagai keturunan, agama dan kebudayaan untuk menjadi satu bangsa bersatu. Bahasa adalah jiwa sesuatu bangsa. Bahasa memberikan bangsa kita watak dan penampilan tersendiri di kalangan pelbagai bangsa di dunia. Segala usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu perlu dilihat sebagai langkah memperkuuhkan perpaduan dan identiti rupa bangsa Malaysia.

Walaupun kita mempertahankan dan memperbaik azam tentang peranan bahasa Melayu yang mengikat kita sebagai satu bangsa, perjuangan bahasa itu sendiri perlu bergerak ke tahap baru. Bahasa tersebut perlu berkembang sejajar dengan perkembangan bangsa kita iaitu satu bangsa yang memerlukan kekuatan ilmu dan ketrampilan untuk menjadi unggul dalam persaingan global. Selaras dengan perjuangan mengangkat martabat umat maka perjuangan bahasa tidak seharusnya dirundung sifat gundah-gulana, sebaliknya bersifat positif menjurus untuk memperkayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, budaya dan tamadun. Tetapi cita-cita ini tidak akan tercapai dengan sekadar pernyataan iltizam. Pernyataan pendirian lebih merupakan reaksi sementara

yang muncul daripada persekitaran politik tertentu. Tetapi tamadun tumbuh dan mekar hasil daripada kegiatan kreatif akliah yang menghasilkan karya agung, limpahan cita rasa seni dan keindahan daripada pembinaan sistem politik yang mampu bertahan beberapa generasi dan abad, serta sistem perdagangan yang meningkat, di samping mengagihkan kekayaan dan kemakmuran.

Bahasa Melayu bukanlah tidak mempunyai potensi untuk menjadi bahasa besar. Bahkan persekitaran dunia yang lebih merangsang terhadap jamak budaya, menyediakan kemungkinan kepada bahasa Melayu untuk muncul sebagai salah satu bahasa dunia yang utama. Dengan jumlah penggunanya yang mencelah 250 juta, bahasa Melayu mempunyai pendokong yang jauh lebih ramai daripada beberapa bahasa utama dunia seperti bahasa Jerman, Perancis dan Jepun. Kenyataan ini sahaja sudah cukup memberi gambaran tentang potensi bahasa Melayu. Kekuatan bahasa itu sendiri dan sejarahnya sebagai bahasa ilmu, kebudayaan dan *lingua franca* rantau ini selama lima abad dengan sendirinya menyanggah pendapat bahawa bahasa Melayu akan lemas dalam gelombang bahasa Inggeris yang datang bersama kesejagan. Dan gelombang kebangkitan rantau berbahasa Melayu, iaitu Asia Tenggara, sebagai kekuatan baru geopolitik dan politik antarabangsa dengan sendirinya akan mengangkat darjat bahasa Melayu di mata dunia.

Namun begitu, yang dinyatakan itu masih merupakan gambaran luaran dari sudut jumlah pengguna dan sejarahnya. Sesuatu bahasa itu besar bukan sekadar jumlah penggunanya atau justeru sekadar kuasa politik dan ekonomi bangsa yang menggunakan bahasa tersebut.

Faktor penentu kekuatan dan kehebatan sesuatu bahasa ialah khazanah ilmu yang terkumpul dan keupayaan serta keampuhan bahasa itu terus meneroka persoalan baru. Memang benar imperialisme Inggeris dan kuasa ekonomi Anglo-Amerika amat instrumental dalam menjadikan bahasa Inggeris suatu bahasa dunia. Tetapi ini bukanlah faktor asas. Bahasa Inggeris itu besar justeru kerana melahirkan karya sastera yang indah, wacana falsafah yang murni serta penyaliran penyelidikan sains dan teknologi yang paling berkesan. Bahasa Inggeris itu besar kerana ia adalah bahasa Shakespeare, John Locke, David Hume, John Stuart Mill dan Bertrand Russell. Bahasa Arab juga satu bahasa besar, kerana bukan sahaja menjadi bahasa wahyu, tetapi juga bahasa al-Farabi, al-Ghazali dan Mulla Sadra. Bahasa Arab pernah menjadi bahasa masyarakat terpelajar di Eropah kerana hanya dalam bahasa tersebut mereka dapat mendekati falsafah Yunani, pemikiran rasional, dan penemuan sains. Tetapi bahasa Arab hilang daya tarikan kerana bahasa itu kurang menghasilkan karya besar dalam bidang apa sekalipun. Sebaliknya bahasa Inggeris terus melahirkan John Dewey, Richard Rorty dan John Rawls. Bahasa Inggeris menjadi wahana perdebatan dan polemik dalam pelbagai disiplin ilmu, terutamanya teknologi baru, kebijakan ekonomi dan dasar masyarakat. Bahkan bahasa Inggeris turut diperkayakan oleh imiginasi penulis dari negara bekas empayar British, seperti Derek Walcott, Ben Okri dan sebagainya.

Sebarang usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun pada masa depan bergantung kepada kesuburan dan mekarnya kehidupan akliah di

kalangan masyarakat. Jika kehidupan akliah kita lesu dan lamban mustahil bahasa Melayu akan memiliki daya untuk menyerlah sebagai bahasa yang unggul. Bahasa adalah cermin kepada diri dan masyarakat. Tampan dan unggul pemikiran kita maka dengan sendirinya bahasa kita akan menyerlah. Yang mengangkat bahasa Melayu untuk mengatasi bahasa Jawa, Batak atau Sunda adalah kerana Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Abdullah Munshi dan para pemikir lain di rantau ini menulis dalam bahasa Melayu. Mereka telah memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, *lingua franca* dan bahasa penyebaran Islam serantau, dan memperkayakan bahasa Melayu sehingga menjadi bahasa falsafah, sastera, sejarah dan juga kritikan sosial.

Cita-cita pembangunan bangsa sudah tentu mengalami penyesuaian mengikut masa. Perpaduan dan identiti tetap menjadi landasan. Tetapi bangsa kita juga perlu memiliki ketrampilan, menguasai sains dan teknologi untuk menjawab cabaran zaman. Dalam konteks kesejagatan, penguasaan, kefasihan dan kepetahanan dalam pelbagai bahasa antarabangsa sudah tentu menambah kekuatan kita sebagai suatu bangsa. Kita tidak akan berjaya jika bangsa kita bersifat ekabahasa. Anak bangsa kita setidak-tidaknya perlu bersifat dwibahasa. Tetapi gerakan ke arah jamak budaya juga bermakna sebilangan anak bangsa kita perlu bersifat jamak bahasa. Kebetulan sejarah dan kenyataan masa kini menyebabkan kita perlu memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris. Usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tidak boleh dilihat sebagai langkah untuk mengembalikan kedudukan dominan bahasa

Inggeris tetapi sebagai langkah perlu yang menjadi jambatan untuk menguatkan kedudukan bangsa dalam pelbagai bidang ilmu dan keberkesanan dalam diplomasi antarabangsa.

Usaha untuk menguasai bahasa asing bukanlah suatu perkara baru dalam masyarakat tempatan. Bahkan dalam masyarakat Melayu tradisi, mempelajari bahasa-bahasa asing telah lama diterima sebagai jalan untuk menimba ilmu dan untuk memberi keyakinan tatkala berhadapan dengan dunia yang lebih luas. Sikap ini jelas tampak kepada pengarang *Hikayat Hang Tuah* yang sudah barang tentu mewakili kecenderungan masyarakat cendekiawan sezaman. Mereka mengagumi sesiapa yang boleh menguasai pelbagai bahasa, justeru sewajarnya wira bangsanya memiliki kebolehan tersebut. Hang Tuah bukan sahaja digambarkan sebagai seorang wira justeru kerana ketangkasan fizikal tetapi juga pada ketangkasan akliah dan ketekunannya dalam menguasai pelbagai bahasa utama di rantau ini yang kemudiannya membolehkan beliau menjadi seorang diplomat yang berjaya.

"Maka Hang Mahmud pun diserahkan anaknya mengaji kepada seorang lebai. Telah lamanya Hang Tuah mengaji Quran, maka pengajian itu pun tamat. Maka Hang Tuah mengaju nahu pula. Telah sudah tamat pengajiannya maka ia berkata kepada bapanya, 'Ayo bapaku, pada bicara hamba, hendak mengaji pada lebai Keling pula, supaya hamba tahu bahasanya ...'

Setelah sudah diketahuinya bahasa Siam itu maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai China. Dengan tiada berapa lama maka ia pun tamatlah mengaji bahasa China itu; maka habislah diketahui bahasa China

itu. Maka Hang Tuah pun mengaji pula pada lebai Jawa, hendak diketahui akan bahasa Jawa itu. Kalakian, setelah habislah rata diketahuinya 12 bahasa itu, maka Hang Tuah pun pulanglah ke rumahnya besama-sama dengan ibu bapanya mencari makan sehari-hari." (*Hikayat Hang Tuah*; DBP, 1975)

Pembina bahasa Melayu seperti Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri sekurang-kurangnya menguasai dua bahasa besar antarabangsa pada zaman mereka iaitu bahasa Arab dan Farsi. Pertembungan dengan Barat mendorong Abdullah Munsyi menguasai bahasa Inggeris selain menguasai bahasa Arab. Tidak mungkin sasterawan Pujangga Baru, Angkatan 45, ASAS 50 memperkayaikan bahasa dan kebudayaan Melayu-Indonesia sekiranya pemikiran dan cita rasa mereka tidak diperkayakan dengan sastera dan falsafah dunia yang mereka peroleh melalui penguasaan bahasa Inggeris, Belanda, Jerman dan Perancis. Za'ba yang diberikan gelaran pendita kerana sumbangan beliau yang begitu besar terhadap perkembangan bahasa Melayu adalah orang yang menguasai bahasa Inggeris dan Arab.

Pendekatan kita dalam memberi penekanan kepada bahasa Inggeris bukanlah untuk memupuk sikap *Anglophile* atau sejenis kosmopolitanisme yang terumbang-ambing atau universalisme separuh masak yang tercabut daripada tradisi dan kebudayaan sendiri. Kita perlu dapat membezakan antara nilai estetik yang sejagat dengan pengucapan yang mewakili kepentingan tertentu. Dalam kita menganjurkan penguasaan bahasa Inggeris yang lebih tinggi kita juga perlu menganjurkan sikap yang lebih kritis terhadap warisan kesusasteraan

dan kebudayaan yang menggunakan bahasa tersebut. Perkembangan kritikan semasa sudah mendedahkan sesuatu yang kini dikenali sebagai “colonialist discourse”, iaitu karya sastera yang halus mendokong ideologi penjajahan dan mengandungi sikap benci terhadap masyarakat peribumi. Bahasa Inggeris bukan semata-mata bahasa penyair imperialis Rudyard Kipling dan wacana kolonial seperti Joseph Conrad, tetapi juga bahasa Frederick Douglass. Beliau yang dilahirkan sebagai hamba telah muncul sebagai pemimpin gerakan pembebasan hamba di Amerika, dan gerakan kebudayaan masyarakat Afro-Amerika yang dikenali dengan *Harlem Renaissance*.

Hanya dengan cara ini kita dapat membebaskan diri kita daripada ketaksuhan melulu terhadap bahasa asing dan memupuk sikap dan jiwa yang lebih merdeka dalam berhadapan dengan kekuatan luar yang lebih dominan. Kita perlu menangani persoalan bahasa dengan lebih yakin. Polemik bahasa Inggeris perlu terlepas daripada perasaan rendah diri. Penguasaan bahasa Inggeris tidak lebih daripada usaha menguasai ekonomi dan perdagangan, sains dan diplomasi. Kita berhasrat untuk bersaing dengan berani dan gagah. kejayaan umat dan bangsa semestinya memberi kesan positif buat pertumbuhan bahasa. Keprihatinan itu harus dibezakan dengan sikap segolongan kecil elit bandar yang mendokong bahasa dan budaya asing secara melulu. Golongan ini sering meremehkan bahasa sendiri, bergerak tanpa arah, dan nyata tercabut daripada akar dan budaya bangsa kita. Di sebaliknya kita tidak wajar terlalu gugup

daripada perubahan pengaruh asing sehingga terperangkap dengan tempurung pemikiran jumud.

Pelbagai peristiwa besar dalam sejarah pemberontakan rakyat Eropah Timur dalam tahun 1989 yang meleburkan rejim totalitarian rantau tersebut dan kemudiannya menghancurkan emayar Soviet mempunyai punca yang lebih daripada satu. Faktor ekonomi sudah tentu sebab yang terpenting. Rantaian peristiwa di Eropah Timur dan Soviet sungguh membimbangkan kepemimpinan Parti Komunis China, dan mereka bertanya (dan lebih bahaya lagi sebahagian besar rakyat mereka turut bertanya) apakah setiap rejim komunis akan mengalami nasib yang sama. Mereka perlu memberi jawapan munasabah yang dapat meyakinkan mereka bahawa China tidak akan mengalami nasib yang sama. Pada awalnya kepemimpinan parti mengemukakan "teori konspirasi" sebagai penjelasan, iaitu runtuhnya sistem komunis Soviet dan Eropah Timur sebagai kejayaan kuasa-kuasa Barat dalam pakatan politik mereka untuk menghancurkan komunisme. Tetapi Deng Xiaoping kemudiannya mengemukakan faktor dalaman khususnya kegagalan sistem ekonomi Siviet dan eropah Timur dalam memenuhi keperluan rakyat. Justeru sekiranya China ingin mengelak daripada menerima nasib yang sama, reformasi ekonomi perlu dijalankan untuk membawa kemakmuran kepada rakyat.

Meskipun faktor ekonomi itu penting tetapi ia bukanlah satu-satunya penyebab keruntuhan Eropah Timur dan Kesatuan Soviet. Peranan nasionalisme tidak kurang pentingnya. Dan emosi perkauman yang sempit

menunjukkan kesan tragisnya di negara-negara bekas Yugoslavia dengan keganasan kaum Serb terhadap umat Islam Bosnia-Herzegovina dan masyarakat Crotia. Pertumpahan darah yang mengerikan berlaku di Rwanda akibat perbalahan antara suku kaum Hutu dan Tutsi. Di Afghanistan hasil kejayaan golongan Mujahidin mengusir tentera Russia, menjadi abu dengan berlakunya peperangan antara kabilah.

Kecenderungan asal, kesedaran terhadap kesatuan pengalaman dan sejarah atau yang disebut sebagai *collective memory* dan kesedaran terhadap kesepaduan bersama yang diasaskan oleh ikatan kepercayaan, bangsa, bahasa, kaum atau kabilah merupakan kekuatan jama'i yang mencorakkan sejarah. Ia merupakan kekuatan yang boleh digembleng untuk menuntut pembebasan sesuatu umat daripada belenggua penguasaan asing. Negara-bangsa diasaskan kepada kesedaran ini. Kesan-daran ini diutarakan secara jitu melalui ideologi politik. Unsur utama dalam ideologi tersebut ialah prinsip *self-determination*, iaitu hak sesuatu bangsa atau umat menentukan nasibnya sendiri. Tetapi prinsip dan emosi yang digunakan untuk menubuhkan sesuatu bangsa merdeka juga boleh menghancurkan negara-bangsa yang ditubuhkan. Ini dapat kita saksikan di Balkan, bagaimana nasionalisme yang sebelum ini menyebabkan meletusnya Perang Dunia Pertama dan penyembelihan umat Islam Bosnia. Cabaran terbesar yang dihadapi oleh negara-negara Afro-Asia selepas mencapai kemerdekaan adalah untuk menjamin keutuhan negara yang baru terbentuk dan mengangkat martabat umat dan bangsa tersebut.

Kemelaratan dan kejahilan perlu dihapuskan dan digantikan dengan kemakmuran dan kecemerlangan ilmu serta kebudayaan. Pembangunan bangsa, dengan pembangunan sosial dan ekonomi merupakan unsur yang mendesak, menjadi agenda yang disegerakan. Hanya dengan kejayaan dalam memupuk kesedaran sebagai satu bangsa dan memperbaiki nasib hidup rakyat, sesuatu bangsa dapat menangkis kemungkinan unsur-unsur perbezaan seperti agama, suku kaum, kabilah, bahasa dan sebagainya daripada digembrelleng untuk menghakis dan menggoncang kestabilan susunan dan peraturan masyarakat baru atau melahirkan gerakan pemisahan.

Sesuatu bangsa itu terserah bukan sekadar dengan pengenalan peribadinya tetapi juga dengan kejayaannya dalam memenuhi keperluan rakyat dan menyelesaikan pelbagai kesulitan ekonomi dan sosial. Semangat patriotisme tidak boleh bertahan lama apabila hari demi hari rakyat menyaksikan jurang antara kenyataan dengan cita-cita terus melebar. Rakyat mahu kata dikotakan dan harapan menjadi kenyataan. Kemelaratan yang berterusan, pengagihan yang tidak adil, jurang ekonomi dan sosial antara wilayah dan kumpulan sering menjadi faktor kepada gerakan pemisahan.

Malaysia dapat mempertahankan keutuhan perpaduan, menangkis sebarang usaha untuk menggunakan unsur-unsur perbezaan bagi menggoncang kestabilan, bahkan berjaya meluaskan kesedaran dan keyakinan baru di kalangan rakyat tentang kemampuan mereka untuk menjadi umat dan bangsa yang besar adalah justeru kerana kejayaan kita untuk menunaikan janji-janji

kemerdekaan. Pada zaman ekonomi dan teknologi mempunyai peranan strategik maka kebangkitan Malaysia sebagai satu bangsa juga bergantung pada ketangkasan dan ketrampilan bangsa kita dalam sektor tersebut. Kejayaan Malaysia bukan sekadar dengan meniru tetapi kerana berjaya menggabungkan kemantapan nilai dan budaya timur dengan tuntutan penyesuaian untuk mencapai kejayaan ekonomi dan penguasaan teknologi.

Unsur-unsur memperteguhkan perpaduan seperti bahasa dan kebudayaan kebangsaan seharusnya mendasari pembangunan bangsa. Strategi kebudayaan perlu berkesan agar kita tidak kehilangan punca. Kemunculan kota-kota Malaysia menjadi bandar raya serantau dan global sudah tentu mempunyai kesan besar terhadap sikap, cara berfikir dan cita rasa penduduk kota. Semangat dan cita rasa kosmopolitan akan meluas melalui penyiaran sejagat. Hal ini bukanlah suatu yang perlu dibimbangkan. Tetapi yang perlu kita prihatin ialah sejenis kosmopolitanisme yang dangkal dan terumbang-ambing, kosmopolitanisme yang mencemuh budaya sendiri tetapi pada ketika yang sama hanya cenderung kepada budaya rendah dan picisan dari luar. Yang sering berlaku di kalangan mereka ialah berasa rendah diri terhadap budaya sendiri justeru kerana mereka tidak mampu membezakan antara yang murni dan tinggi degan yang remeh, cetek dan dangkal daripada kebudayaan dunia. Kita mengalu-alukan semangat universalisme yang datang bersama kesejagatan. Bahkan semangat universalisme perlu dipupuk untuk mengimbangi nasionalisme dan patriotisme, kerana tanpa

kesedaran nilai-nilai sejagat dan prinsip-prinsip yang mengatasi kepentingan kaum dan golongan, seperti kebenaran dan keadilan, nasionalisme dan patriotisme boleh menjadi keterlaluan dan membawa kepada ketaksuban, kesempitan fikiran, kepalsuan dan kezaliman. Tetapi universalisme tidak bermakna kita perlu mengikis dan melunturkan komitmen dan perasaan kita sebagai suatu bangsa yang mempunyai bahasa dan kebudayaan yang tersendiri. Cabaran kepada kita adalah untuk mencapai keseimbangan yang adil dalam komitmen terhadap kedua-dua unsur tersebut.

Strategi kebangkitan bangsa pada zaman kesejagatan dan persaingan ekonomi yang sengit memerlukan kesungguhan dalam menyuburkan budaya, kematangan dan kepelbagaian pemikiran budaya dan menempa kejayaan dalam sektor ekonomi, sains dan teknologi. Tetapi tahap baru pembangunan bangsa juga perlu diasaskan pada usaha menegakkan prinsip moral dan keadilan sejagat, demokrasi, dan merangsang kepelbagaian. Dalam suasana ekonomi berkembang pada kadar yang tinggi, prakarsa sosial perlu dilaksanakan untuk menjamin pengagihan yang saksama dan cita-cita keadilan sosial terus dilaksanakan.

Kesemua ini dapat dirumuskan dalam usaha menyuburkan masyarakat madani (*civil society*). Ini bermakna selain daripada keghairahan mengukuhkan kestabilan politik dan memantapkan pertumbuhan ekonomi kita memberi pertimbangan kepada sistem masyarakat yang berpandukan prinsip "*al-'adl wal ihsan*" - keadilan dan kerukunan dalam diri, rumah tangga dan

masyarakat (umat); keadilan pengagihan ekonomi dan peluang untuk menyertai kemakmuran; kedaulatan undang-undang; mekarnya budaya luhur - untuk mengangkat darjat, martabat dan harakat hidup. Dalam masyarakat madani, Ernest Gellner menjelaskan bahawa kita akan mendapati berkembang suburnya institusi-institusi masyarakat yang menjadi perantara kepada institusi keluarga dan pemerintah. Ini termasuklah kesatuan sekerja, parti politik, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan keagamaan, kumpulan-kumpulan bebas dan sebagainya. Interaksi sihat antara pelbagai sektor akan menjamin masyarakat terus dinamis dan wujud dari dalam satu sistem saling membentulkan dan justeru menjamin masyarakat daripada terjebak dalam ekstrimisme atau terlencong dari landasan.

Sifat masyarakat madani dalam fahaman kita meskipun banyak persamaan dengan konsep masyarakat madani Barat namun sudah tentu ada perbezaannya. Masyarakat madani Barat, setidak-tidaknya dalam tafsiran semasa seperti yang dikemukakan oleh Gellner, mengetepikan pertimbangan akhlak, dan walaupun tidak menentang kehadiran agama dalam kehidupan tetapi bersikap merendahkan kewujudan unsur itu. Kesan negatif daripada konsep masyarakat madani Barat yang sebeginu rupa dapat diperhatikan pada hari ini. Justeru sarjana-sarjana mereka sendiri telah mengkritik kepincangan masyarakat mereka yang jelas tampak dengan meruncingnya ketidakseimbangan antara kebebasan dengan tanggungjawab, hak individu dengan masyarakat, kebebasan dan kestabilan. Keruntuhan

moral dan jenayah sudah menjadi wabak yang begitu parah. Yang paling membimbangkan mereka ialah kemelut parah yang dihadapi oleh institusi keluarga iaitu institusi yang dikenali sejak zaman purba kala dan ditegaskan oleh agama sebagai taman pengasuhan nilai-nilai mulia dan murni dan menjadi asas kepada keutuhan masyarakat dan kelangsungan tamadun.

Prinsip keperlembagaan atau *constitutionalism* turut mempunyai peranan asas sebagai rangka untuk menyuburkan masyarakat madani. Syariah itu sendiri mendukung prinsip *constitutionalism*, justeru kerana wujudnya sumber objektif sebagai sumber pembentukan hukum, maka hukum yang dihasilkan tidak tertakluk kepada nafsu individu atau kepentingan golongan dan kelas. Harta dan diri orang perseorangan dengan segala hak dan kebebasannya adalah kudus dan tidak boleh disentuh kecuali melalui proses undang-undang. Kegagalan negara-negara Asia dan Afrika dalam membentuk negara-bangsa yang adil dan stabil ialah justeru tidak mantapnya prinsip keperlembagaan dan pemerintahan undang-undang. Pemerintah lebih berminat untuk mengekalkan kuasa dengan cara apa sekalipun daripada mengisi erti kemerdekaan dan kebebasan untuk kebaikan rakyat melalui pembangunan ekonomi dan meneguhkan prinsip masyarakat madani.

Demi menangani cabaran semasa dan masa depan dengan berkesan, kita memerlukan gambaran menyeluruh tentang masyarakat dalam ruang dan waktunya. Untuk menghasilkan gambaran tersebut, sudah tentu memerlukan kekuatan diri yang memberikan pertim-

bangsa saksama terhadap pelbagai cabaran dan arus semasa dan yang bakal muncul. Kita juga memerlukan, dengan meminjam istilah Almarhum Malek Bennabi, "idea pendorong." Beberapa idea pokok yang dihayati sebagai pendorong perjuangan, sehingga ia memberi keyakinan, jati diri, nilai dan kriteria yang mampu menggerakkan perubahan, namun sentiasa berada di landasan yang jelas.

---

Tulisan Anwar Ibrahim ini disiarkan oleh jurnal *Pemikir*, Oktober-Disember 1995.

---

## **SEKIRANYA NAJIB - MUHD TAIB LAWAN MUHYIDDIN**

**P**emilihan 1993 menyaksikan kemenangan mutlak Anwar dan Pasukan Wawasan, serta menandakan penguasaan dan cengkaman Mahathir terhadap Umno mulai longgar. Gosip politik mula bertiup: berikan masa 18 bulan kepada Anwar, Mahathir pasti akan dilanggarnya. Arus perubahan hanya dapat disempurnakan jika Anwar ditabalkan menjadi Perdana Menteri, selepas menolak "bapa angkat" dan mentor politiknya. Oleh kerana perbahasan mengenai krisis Anwar - Mahathir sudah dibincangkan secara panjang lebar dalam buku *Mengapa Perlu Anwar Lawan Mahathir*,

perbincangan dalam buku ini lebih dikhurusukan kepada pertarungan di barisan kedua, iaitu jawatan naib presiden, ataupun timbalan presiden, sekiranya Anwar mencabar Mahathir.

Pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden Umno 1993 bukannya berkisar di sekitar isu kemampuan Ghafar Baba menjadi pembantu kanan Mahathir. Kehebatan Mahathir menerajui negara tidak memerlukan dokongan daripada tokoh nombor 2 untuk menampung kelemahan dan kekurangannya. Cukuplah dengan gandingan 2M, yang kemudiannya memudaratkan hubungan Musa-Mahathir. Kesetiaan Ghafar pula terhadap Mahathir jarang dipertikai. Selama lebih tujuh tahun Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri, tidak pernah sekalipun timbul ura-ura atau berita angin yang mendakwa Ghafar ada cita-cita untuk menyingkirkan Mahathir. Peranan Ghafar sebagai tokoh veteran parti dan dikenali dengan imej pendamai memberikan kedudukan selesa kepada Mahathir. Jika berlaku sebarang pertikaian dan perselisihan dalam parti-parti komponen, peranan Pak Ghafar amat diperlukan.

Tetapi kempenia Timbalan Presiden 1993 adalah untuk memilih pengganti Mahathir. Maknanya, Anwar bertanding bukan untuk menjadi orang nombor 2 dalam pentadbiran negara tetapi sebagai bakal Perdana Menteri kelima. Anwar ditonjolkan oleh jurukempennya sebagai seorang tokoh yang karismatik dan berkeupayaan memimpin negara apabila Mahathir berundur satu hari nanti. Untuk merendah-rendahkan Ghafar, yang diketahui lemah dalam beberapa aspek seperti menguasai bahasa Inggeris dan pendedahan di peringkat antara-

bangsa, ketokohan Anwar dicanangkan sebagai pemimpin bertaraf dunia, satu gelaran yang sebelum ini hanya ditujukan kepada Mahathir. Tanpa sedar bahan kempen menyokong Anwar boleh memberikan kesan - dalam jangka panjang - yang mampu menggugat keselesaan Mahathir. Mengetengahkan bakat kepimpinan Anwar yang dikatakan luar biasa itu, dengan hasrat untuk mengetepikan Ghafar, secara tidak langsung membabitkan serangan psikologi bahawa zaman Mahathir juga hampir berakhir.

Bersama Pasukan Wawasannya, Anwar buat pertama kali menjadi calon Timbalan Presiden Umno yang membentuk kem atau klik secara terbuka bagi memastikan kemenangannya. Meskipun di saat-saat akhir, terutamanya melalui ucapan perasmian Presiden parti yang seolah-olah meminta calon dipilih berdasarkan keupayaan dan bukannya dari pasukan yang sama, tetapi perwakilan tetap memberikan mandat yang hebat kepada Anwar dan kumpulannya.

Dari satu segi, ramai berpendapat laluan Anwar untuk menggantikan Mahathir semakin cerah. Penyingkir secara berperingkat, yang membabitkan tokoh-tokoh berkaliber yang dikira boleh menggugat Anwar, daripada Tengku Razaleigh, Musa Hitam dan Rais Yatim pada tahun 1987 kepada Ghafar Baba, Abdullah Badawi dan Sanusi Junid pada tahun 1993, menjadikan seterusnya Anwar hanyalah Mahathir sahaja. Hanya takdir dapat menentukan Anwar terkeluar daripada landasan utama kepimpinan negara, seperti yang dialami Musa dan Ghafar. Logik akal berat menyatakan pengganti Mahathir adalah Anwar, yang menjadi perhatian ialah siapakah

tokoh nombor 2 yang akan menjadi regu Anwar nanti?

Jika ditinjau keputusan Naib Presiden 1993, Muhyiddin Yassin, ketika itu Menteri Besar Johor, memperolehi undi tertinggi, diikuti Najib, Menteri Pertahanan dan Muhammad Muhd Taib, Menteri Besar Selangor. Najib, yang mendapat lebih 15 pencalonan berbanding Muhyiddin, ditinggalkan 211 undi di belakang Muhyiddin. Jika dirujuk kepada semangat yang terkandung dalam pemberian undi bonus, sewajarnya Najib menduduki tempat pertama. Maknanya ada perwakilan yang tidak amanah dengan mandat yang diberikan ahli-ahli di peringkat akar umbi! Manakala Muhammad Taib hanya kekurangan 13 undi untuk menyamai kedudukan Najib. Cerita mula tersebar, Muhyiddin tidak berlaku jujur kepada Najib; terdapat penyokongnya yang tidak mengundi Najib kerana mahu memastikan Muhyiddin mendapat undi tertinggi bagi memudahkan peluang untuk ditonjolkan sebagai orang nombor dua bila sampai masanya kelak.

Calon	Undi
1. Muhyiddin Yassin	1,413
2. Najib Tun Razak	1,202
3. Muhammad Taib	1,189
4. Abdullah Badawi	927
5. Sanusi Junid	525

**Kedudukan undi yang diperolehi oleh calon-calon Naib Presiden Umno, 1993.**

Apakah keputusan itu menandakan pertarungan untuk merebut kedudukan sebagai orang nombor 2 Anwar sudahpun bermula? Namun, siapa yang Anwar gemari untuk menjadi regunya pada ketika itu belum jelas lagi. Najib pernah menjadi Naib Ketua Pemuda di zaman Anwar selama tiga penggal berturut-turut sehingga Anwar menyerahkan jawatannya untuk dipangku oleh Najib ketika beliau bertanding Naib Presiden pada tahun 1987. Tetapi berdasarkan personaliti Najib, dan juga Anwar, pelbagai spekulasi liar boleh diandaikan kepada kedua-dua tokoh muda ini.

Banyak sumber yang mengaku rapat dengan Anwar mendakwa setiap orang berpeluang menjadi orang kanan Anwar kalau mereka berwibawa. Mungkin untuk satu-satu masa tertentu Anwar memilih seseorang tokoh, tetapi ia tidak semestinya berkekalan, bergantung sejauh mana tokoh berkenaan boleh diiperalat dan dipergunakan oleh Anwar. Sekiranya Mahathir dikenali sebagai PM yang susah untuk bekerja dengan timbalannya, Anwar dijangka menghadapi keadaan yang lebih sulit lagi. Mungkin pertembungan atau krisis Anwar dengan orang nombor duanya nanti berlaku dengan lebih hebat lagi berbanding apa yang ditempuh Mahathir sekarang.

Dalam pada itu tanggapan bahawa Naib Presiden paling kanan merupakan tokoh yang layak untuk maju setapak lagi dalam karier politik boleh dipersoalkan kewajarannya. Istilah "Naib Presiden paling kanan" itu juga memerlukan definisi yang jelas. Contohnya, jika Abdullah Badawi turut menang tempoh hari, tetapi hanya mendapat tempat ketiga, apakah beliau layak

dipanggil Naib Presiden paling kanan memandangkan Pak Lah diamanahkan jawatan itu semenjak 1984 lagi. Sedangkan, katakan Muhyiddin, walaupun mendapat undi tertinggi, tetapi beliau adalah penyandang baru jawatan itu. Apakah Muhyiddin lebih layak disebut Naib Presiden paling kanan?

Sebenarnya Naib Presiden paling kanan tidak pernah mendapat layanan dan fokus yang istimewa melainkan semasa Anwar mendapat undi tertinggi pada tahun 1990. Ini mudah difahami. Pertama, Anwar mendapat sokongan dan dokongan media yang luar biasa hebatnya. Kedua, Anwar adalah Menteri Kewangan, jawatan yang boleh dijadikan asset terpenting dalam kerjaya politik seorang tokoh yang cukup *ambitious*. Ketiga, penampilan Anwar yang menarik dan diketahui rapat dengan PM, sehingga umum merasakan pilihan Mahathir untuk menggantikannya adalah Anwar, bukannya TPM ketika itu, Ghafar Baba.

Apabila Mahathir dilantik menjadi TPM oleh Almarhum Tun Hussein, Mahathir bukannya Naib Presiden paling kanan, jika diukur jumlah undi yang diperolehinya. Dari perspektif ini, Tengku Razaleigh lebih layak menjadi orang kanan Tun Hussein. Wan Mokhtar merupakan Naib Presiden paling kanan sewaktu pemilihan parti, 1987, tetapi tiada pihak meramalkan Menteri Besar Terengganu itu akan berada dalam posisi strategik kepimpinan negara. Oleh itu, kedudukan Muhyiddin sebagai Naib Presiden yang mendapat undi tertinggi belum menjamin laluan mudah ke kedudukan lebih tinggi. Muhyiddin hanya bertuah ditempatkan di sebelah kerusi Timbalan Presiden, Anwar,

ketika mesyuarat Majlis Tertinggi Umno. Itu saja.

Kelebihan 211 undi Muhyiddin berbanding Najib harus diperakui dalam bentuk perlantikan ke jawatan kabinet yang lebih kanan oleh Perdana Menteri, sekiranya Muhyiddin dipindahkan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur. Bagaimanapun PM tetap mempunyai kuasa mutlak melantik sesiapa saja yang disukainya sebagai anggota Jemaah Menteri. Tidak semestinya Naib Presiden paling kanan akan dilantik sebagai menteri paling kanan. Abdullah Badawi menang jawatan Naib Presiden 1993, tetapi Mahathir tetap tidak melantiknya sebagai menteri kabinet. Sanusi Junid juga menang, tetapi beliau tetap dikekalkan di Kementerian Pertanian, satu kementerian yang semakin dilemahkan oleh Mahathir dalam proses Malaysia menuju negara industri. Kementerian Pendidikan diakui sebagai kementerian paling kanan selepas Kementerian Kewangan, tetapi Mahathir tidak melantik pengganti Anwar daripada kalangan Naib Presiden Umno, sebaliknya menyerahkannya kepada Dr Sulaiman Daud. Siapa pun tidak boleh mempertikai hak Perdana Menteri melantik anggota kabinetnya. Apalah hebatnya Anwar apabila dilantik menjadi Menteri Kewangan menggantikan Daim, selain menyediakan tapak kukuh buatnya mencabar Ghafar.

Dua hari sebelum pertandingan 1993, selepas perjumpaan khas dengan ketua-ketua bahagian Umno, Mahathir telahpun menjelaskan keistimewaanannya sebagai PM. Katanya, rombakan kabinet tidak ada kena mengena dengan pemilihan Umno. "Saya boleh menukar Jemaah Menteri. Itulah kelebihannya menjadi Perdana Menteri. Saya tidak terikat dengan sebarang peraturan

sebelum merombak kabinet. Kalau saya rasa saya perlu berbuat demikian, saya akan melakukannya."

Bagaimanapun keistimewaan Mahathir itu juga harus bersandarkan realiti kekuatannya dalam parti. Mahathir tidak boleh menentukan kabinetnya sesuka hati, banyak pertimbangan harus diambil kira terutama yang membabitkan pemimpin tertinggi parti komponen BN. Walaupun mereka tidak menunjukkan prestasi yang baik, atau seringkali gagal melaksanakan tugas yang diamanahkan, terpaksa dikekalkan juga. Ramai percaya Anwar adalah tokoh penting yang mencaturkan keduduan Jemaah Menteri Mahathir di kalangan pemimpin-pemimpin Umno. Mahathir mungkin mahu melantik Sanusi ke kedudukan yang lebih strategik selepas Sanusi menang Naib Presiden, 1990. Sanusi dilantik Menteri Pertanian pada Julai 1984, menggantikan Anwar. Sanusi kekal di kementerian tersebut sehingga beliau dikehendaki bertanding di peringkat negeri dalam pilihan raya umum, April 1995 - satu tempoh yang terlalu panjang, malah beliau merupakan Menteri Pertanian yang paling lama di dunia!

Orang boleh faham kenapa perlantikan Pak Lah ditangguhkan, jika dikenang semula sikap memihak Pak Lah kepada Tengku Razaleigh pada tahun 1987. Tetapi apakah halangan sebenar Mahathir untuk melantik Sanusi menjadi Menteri Pendidikan? Benarkah halangan itu datang daripada Anwar? Lagi pula kementerian yang sebegini penting kepada kepentingan dan survival bangsa Melayu seharusnya dikuasai secara mutlak oleh Umno. Umno bukan saja melepaskan jawatan Menteri Pendidikan kepada parti lain, tetapi kedua-dua timbalan

menterinya juga tidak diberikan kepada tokoh-tokoh muda Umno. Amatlah malang nasib Sanusi sekiranya benar dakwaan bahawa Anwar juga yang menjadi penghalang baginya menjadi Menteri Besar Kedah yang baru.

Menyedari hakikat ini tentunya Muhyiddin menerima perlantikannya sebagai Menteri Belia dan Sukan - satu posisi yang selalu diberikan kepada menteri-menteri junior - dengan hati terbuka. Paling kurang orang akan berkata, rupanya Mahathir masih ada kebebasan menentukan jemaah menterinya, dan tidak lagi terlindung di sebalik kehebatan Anwar. Sekali lagi penyandang Naib Presiden Umno terkanan diketepikan oleh Perdana Menteri, satu tindakan yang boleh membuktikan PM masih mempunyai kuasa mutlak. Walhal apabila diumumkan Muhyiddin tidak lagi bertanding di peringkat negeri, ramai beranggapan Muhyiddin akan dipastikan oleh Anwar menjadi Menteri Kewangan sekiranya Anwar bertukar portfolio.

(Jawatan pertama Anwar apabila menjadi menteri penuh ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, pada Jun 1983. Begitu juga dengan Najib, selepas melepaskan jawatan Menteri Besar Pahang, beliau dilantik Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Ogos 1986. Annuar Musa juga begitu).

Akhbar-akhbar yang memihak kepada Anwar, dan tentunya Muhyiddin, boleh memberi pelbagai tafsiran dan definisi tersendiri di atas kedudukan Muhyiddin sebagai Menteri Belia dan Sukan. Digambarkan bahawa kedudukan kementerian itu semakin penting selaras perkembangan belia dan generasi muda di negara ini.

Mungkin Muhyiddin sendiri tidak membayangkan kesukarannya berhadapan dengan dilema projek Rakan Muda dan kelam-kabut karenah persatuan-persatuan sukan menjelang Sukan Komanwel 1998. Menurut seorang kawan, Muhyiddin mesti mempastikan pungutan pingat emas kontijen negara ke Sukan SEA melebihi apa yang diraih oleh atlet ketika Najib menjadi menteri sukan.

Apa pun tafsiran yang dibuat, jika mahu dibandingkan dengan Kementerian Pendidikan, tiada siapa yang mahu berkeras mempertahankan hujah bahawa Kementerian Belia dan Sukan lebih kanan daripada Kementerian Pendidikan, kecuali penyokong Muhyiddin yang bebal dan mengikut perasaan marah. Jika mahu dibandingkan jawatan lamanya sebagai Menteri Besar Johor, yang terlepas kepada seteru politiknya yang baru, Abdul Ghani Othman, Muhyiddin boleh gigit jari. Sekurang-kurangnya dari segi dana rahsia yang menjana-jan jentera kempennya sewaktu bertanding 1993, Muhyiddin akan terasa kekurangannya.

Apa motif sebenar Mahathir mencaturkan kedudukan Naib-naib Presidennya tidaklah diketahui. Muhyiddin diturunkan pangkat, Najib dipromosikan dengan baik sekali, sementara Muhammad Taib dikekalkan di Selangor, satu kedudukan yang diimpikannya. Ini bermakna Najib dan Muhammad Taib cukup berpuas hati dengan rombakan kabinet itu. Muhammad Taib memang cukup mengharapkan jawatannya dikekalkan. Kalau Mahathir bercita-cita menjadi PM selama mungkin, sekurang-kurangnya membawa negara ke abad ke-21, Muhammad Taib dijangka menaruh cita-cita memba-

syukur, setia, cinta, pengabdian dan kebaktiannya. Dengan ungkapan lain tauhid adalah pembangun jiwa merdeka yang merupakan prasyarat kepada kebangkitan yang lebih bermakna. Hanya bangsa yang berjiwa merdeka yang dapat memahami erti maruah dan martabat.

Seterusnya hanya mereka yang berjiwa merdeka yang sanggup bekerja dengan rela dan berkarya hingga berjaya. Sebaliknya manusia yang berjiwa hamba, ibarat pahat dengan penukul, hanya bekerja kalau dipaksa, dan ia tidak akan cemerlang dalam kerjanya kerana ia tidak pernah menyukainya dan tidak pernah melakukannya dengan rela. Demikianlah implikasi *world-view* tauhidik dalam menimbulkan ghairah bekerja. Iman dalam erti yang setulennya adalah penyembuh jiwa hamba dan kompleks rendah diri yang seterusnya berakibat tidak percaya kepada kebolehan diri sendiri. Hakikat inilah yang diisyaratkan oleh al-Quran, (ali-Imran: 139) maksudnya: "Dan janganlah kamu merasa hina, dan jangan pula berduka, sesungguhnya kamu adalah unggul andainya kamu benar-benar beriman." Dengan ungkapan lain iman adalah pencetus semangat "kita boleh!", atau yang disebut sebagai *the can mentality* itu.

Tauhid yang murni dan segar sedemikian itulah yang harus dipelihara demi mengekalkan dinamika Melayu. Pencemaran aqidah terutama yang berupa kepercayaan dan amalan khurafat akan menumpulkan etis kerja. Mempercayai kekeramatank azimat dan kubur atau mengharapkan kesaktian sebarang tongkat dan seumpamanya adalah antara contoh khurafat yang masih tersisa dalam masyarakat Melayu. Yang agak menghairankan penganut dan pengamal khurafat ini bukan sahaja terdiri

**BACAAN TAMBAHAN  
YANG DICADANGKAN**

# 4

---

## **PEMBAHARUAN BUDAYA AGENDA MELAYU**

**B**ertolak dari definisi Melayu Baru yang diungkapkan oleh konseptornya sendiri, Dr Mahathir Mohamad, iaitu bangsa Melayu "yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, disiplin, beramanah dan cekap", kita dapat merumuskan bahawa semangat gagasan tersebut ialah pengemaskinian ini dijustifikasikan oleh wujudnya sejumlah cabaran dan realiti baru abad 21.

Untuk menjadi umat yang *competent* menangani

realiti zaman memang bangsa Melayu perlu melakukan penyesuaian budaya yang meliputi *a shift a mind*, suatu anjakan minda, membina kemampuan berfikir dalam konteks global, berorientasi futuristik, proaktif, adaptif dan inovatif; di samping kemampuan berfikir secara konseptual dan integratif. Namun penyesuaian dan pembaharuan tersebut tidak seharusnya sampai tercabut dari akar. Melayu Baru tidak harus disamakan dengan *Young Turks* dalam sejarah pemodenan Turki. Melayu Baru seperti yang ditegaskan oleh Dr Mahathir adalah Melayu yang serba boleh, tetapi tetap mengakar kukuh dalam budaya dan agamanya.

Dengan demikian pembaharuan dalam konteks agama dan budaya seharusnya diertikan sebagai permurnian, penyegaran dan pemantapan prinsip-prinsip dan nilai-nilai dasarnya. Pembaharuan sedemikian itulah yang nanti dapat memberikan dinamika baru kepada manusia Melayu, dinamika yang berupa kekuatan daya saing di pentas global. Dalam hubungan ini antara komponen budaya yang paling memerlukan penyegaran ialah *world-view* dan etos kerja.

*World-view* atau pandangan sarwa dalam erti “*the way people characteristically look outward upon the universe*”, mempunyai implikasi besar dalam pembinaan sikap dan perilaku seseorang terutama terhadap Tuhan, manusia, alam dan kehidupan. Dalam kaitan ini apa yang disebut sebagai *world-view* Melayu itu sebenarnya tidak lain dari *world-view* Islam yang berpaksikan tauhid. Bagi manusia Muslim, tauhid adalah merupakan doktrin pembebasan dari segala bentuk belenggu perhambaan sesama makhluk. Hanya Allah satu-satunya tumpuan rasa hormat,

dari pada golongan yang tidak terpelajar, tetapi meliputi juga mereka yang dianggap berpendidikan tinggi dan menduduki status sosial yang terhormat. Amalan khurafat menjadikan manusia tidak rasional, menyerah dan mengharap secara pasif dari sesuatu yang sebenarnya tidak mampu memberikan apa-apa.

Seterusnya manusia dalam *world-view* Islam adalah merupakan sumber daya. Manusia tidak diciptakan hanya sebagai penghias alam. Ia juga bukan makhluk terusir dari syurga, yang dilemparkan ke bumi dalam keadaan bergelumang dosa yang diwarisi turun-temurun. Manusia adalah *khalifatullah* di bumi, penerima mandat ketuhanan untuk membangun dan membudayakan alam. Untuk itu ia dibekali dengan segala potensi dan kekuatan yang seperlunya termasuk kemampuan menguasai ilmu dan reka cipta. Ini bererti bahawa sumber daya insani adalah penentu kepada realisasi kekhilafahan yang berupa pembangunan alam.

Dalam *world-view* yang sedemikian modal terpenting bagi pembangunan adalah sumber daya insani atau apa yang disebut sebagai *human capital* itu. Yang dimaksudkan dengan sumber daya insani itu pula tidak terbatas hanya pada kekuatan fizikal, teapi meliputi juga kekuatan-kekuatan moral dan intelektual, termasuk apa yang ketika ini disebut sebagai *intellectual capital* atau modal intelektual itu. Dengan demikian kekayaan sebenar sesebuah negara adalah kekayaan sumber daya insani.

Selaras dengan hakikat manusia sebagai makhluk petugas dan pekerja, maka akhirnya ia dinilai berdasarkan prestasi amalnya. Sabda Nabi s.a.w. bermaksud: "Manusia terbaik ialah yang paling bermanfaat kepada

manusia lain" sebenarnya mengungkapkan hakikat kualiti manusia yang dicirikan oleh manfaat. Manusia yang berkualiti ialah manusia yang bermanfaat, iaitu menusia penyumbang dengan kerja, amal dan bakti. Tegasnya manusia berkualiti dalam *world-view* Islam bukan manusia pengguna (*consumer*) tetapi manusia penyumbang (*contributer*), manusia yang produktif. Penyirian kualiti berdasarkan manfaat ini ternyata telah lama menyerap ke dalam pemikiran Melayu tentang manusia unggul yang biasanya disebut sebagai "orang berguna".

Sesuai dengan fungsinya sebagai *khalifatullah* di bumi, manusia melihat alam sebagai khazanah manfaat. Oleh itu alam harus diselidiki, dibangun dan dimanfaatkan. Menurut *world-view* Islam, alam ini memang diciptakan untuk manusia. Tetapi manusia harus bekerja keras memproduksikan manfaat dari khazanah alam. Demikianlah manusia Melayu melihat alam sebagaimana yang terungkap dalam peribahasa: "Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya." Alam yang berwujud dalam rupa pohon rumbia yang berkulit keras itu dilihat sebagai khazanah manfaat berupa sagu. Manusia sebagai *khalifatullah* di bumi harus mempelajarinya dan kemudian berusaha memproduksikan manfaat (sagu)nya dengan memecahkan ruyung luarannya. Dalam rangka menjayakan dan merealisasikan amanah kekhilafahan (dalam erti membangun, membudaya dan memanfaatkan alam), tidak cukup sekadar menggunakan tenaga tulang empat kerat, tetapi memerlukan pula alat-alat lain terutama ilmu dan teknologi. Dengan demikian menguasai ilmu dan teknologi merupakan sebahagian daripada syarat kompetensi sebagai *khalifatullah* di bumi. Seterus-

nya sains dan teknologi dalam konteks *world-view* Islam mempunyai fungsi yang cukup penting dan murni sebagai alat realisasi khalifa.

Demikianlah *world-view* Islam memberikan erti hidup kepada manusia. Hidup duniawi yang singkat dan sementara ini begitu penting dan menentukan, dan kerananya setiap saat harus diisi dengan amal dalam erti yang seluas-luasnya - pengabdian kepada Tuhan dan kebakarian kepada alam seisinya. Hidup adalah persaingan mencipta amal yang salih dan kerja yang berprestasi. Itulah makna hidup dan erti mati seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran (al-Mulk: 2) maksudnya: "Dialah (Allah) yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji kamu, siapa di antara kamu yang terbaik amalnya."

Jelas kiranya bahawa *world-view* Islam sejauh yang menyangkut soal Tuhan, manusia, alam dan kehidupan menempatkan amal, kerja dan karya pada posisi yang penting dan mulia. Tetapi akibat faktor-faktor sejarah - antara lain feudalisme dan kolonialisme - umat Islam mengalami kemerosotan etos kerja sehingga meratalah fenomena yang disebut oleh Dr Kamal Abul Majd sebagai "menurunnya nilai kerja dan produktiviti". Sebahagian umat Islam tidak lagi merasakan bahawa bekerja dalam erti pembangunan ekonomi itu sebagai perintah agama. Pembicaraan tentang kemerosotan etos kerja dalam konteks orang Melayu tidak bererti mengesahkan mitos peribumi malas. Sesungguhnya umat Melayu memiliki kekuatan etos kerja yang telah teruji dalam sejarah. Mitos kemalasan Melayu adalah mitos rekaan penjajah untuk menutup kezalimannya terhadap umat Melayu selama berabad-abad. Melayu terpinggir kerana sengaja diping-

girkan. Mereka menjadi miskin kerana telah dimiskinkan. Umat Melayu telah membuktikan prestasinya dalam sejarah sebagai bangsa pelaut dan pedagang antarabangsa dengan wilayah jangkauannya mencecah Afrika, malah Eropah. Tetapi jaringan perdagangan mereka telah dihancurkan oleh syarikat-syarikat Hindia Timur penjajah dan seterusnya pada zaman kolonial mereka disudutkan ke sektor pertanian tradisi, sementara sektor ekonomi moden dimonopoli oleh pemodal kolonial, pemodal-pemodal asing dan kaum imigran.

Meningkat dan menurunnya kekuatan etos kerja pada sesuatu masa adalah pengalaman biasa hampir semua bangsa. Mungkin ada perkembangan-perkembangan tertentu dalam sejarah yang membawa kesan kepada fenomena tersebut. Itulah yang terjadi kepada umat Islam. Demikian juga sebahagian bangsa-bangsa Barat yang ketika ini sudah menampakkan gejala-gejala keruntuhan etos kerja dengan pelbagai manifestasinya seperti malas, tidak berdisiplin, permisif dan sebagainya. Malah Jepun juga dikatakan sedang diancam kemungkinan yang sama. Kekuatan etos kerjanya yang bertenaskan semangat Bushido itu kini dikatakan sedang menghadapi ancaman gaya hidup hedonistik yang melemas dan melemahkan. Bushido adalah jalan hidup Samurai yang berintikan kesetiaan kepada majikan, kesanggupan bekerja keras dan kesediaan menghadapi segala risiko. Di kalangan generasi muda Jepun dikatakan sudah timbul kebosanan terhadap budaya kerja ala Bushido itu. Mereka tidak mahu menjadi pewaris apa yang mereka anggap sebagai sejenis "kegilaan kerja" yang tidak manusiawi dan membahagiakan itu. Dengan

demikian mereka mulai tercabut dari akar budaya kerja Bushido-Samurai. Nyatalah bahawa hampir semua bangsa pada ketika-ketika tertentu perlu menggilap dan menyegarkan semula etos dan budaya kerjanya. Dengan semangat inilah kita membicarakan isu etos kerja dalam konteks minda Melayu Baru.

Etos kerja sebenarnya amat terkait dengan nilai ekonomi. Setinggi mana nilai yang diberikan kepada hal-hal yang bersikap ekonomi membawa kesan secara langsung kepada sikap terhadap kerja. Dalam kaitan ini Islam menganggap harta kekayaan sebagai suatu yang suci. Dalam khutbah perpisahannya ketika menunaikan ibadat haji kali terakhir, Nabi s.a.w. menyebut antara lain bahawa nyawa, harta dan kehormatan adalah termasuk perkara-perkara yang dianggap suci. Kerana itu dalam Islam terdapat undang-undang yang cukup tegas untuk menjamin keselamatan harta-benda. Sementara itu memiliki harta adalah satu hak yang dihormati. Untuk itu pula Islam memberikan perlindungan yang secukupnya termasuk mengenakan hukuman berat ke atas penceroboh hak milik orang lain.

Sikap positif terhadap harta kekayaan secara konsekuensi membawa kepada sikap menghargai kerja dan pekerja. Sikap ini tercermin dalam perintah membayar upah pekerja sebelum keringatnya kering. Semangat yang tersirat di sebalik perintah menyegerakan pembayaran upah itu tidak lain dari menghargai penat-lelah para pekerja. Bekerja dalam pengertian mencari rezeki yang halal merupakan dimensi penting dari jihad. Yang dinamakan jihad sebenarnya tidak terbatas hanya dalam pengertian perang ketenteraan. Ia adalah bersifat multi-

dimensional, meliputi dimensi ekonomi. Untuk menjadikan jihad suatu kekuatan yang sentiasa relevan, ia harus cukup dinamik dalam erti kesediaan memperhitungkan perubahan-perubahan yang berlaku, termasuk gejala yang disebut oleh Stan Davis dan Bill Davidson: "*The years ahead seem to promise a shift from the arms race to a commercial technology rivalry.*"

Etos Islam tidak cuma mendorong kerja kuat tetapi sekali gus sangat mementingkan kualiti. Inilah hakikat yang menyerlah dari sabda Nabi s.a.w.: "Sesungguhnya Allah senang apabila kamu melakukan sesuatu pekerjaan dengan sempurna." Istilah *itqan* (kesempurnaan) dalam hadis tersebut dapat diertikan sebagai kualiti, suatu prasyarat survival dalam persaingan yang kian sengit. Ketika ini orang menyebut "*quality means survival.*" Sebenarnya dalam al-Quran (ar-Ra'd: 17) juga terdapat isyarat yang jelas tentang hakikat ini, maksudnya: "Adapun buih itu akan hilang lenyap sebagai benda yang tidak berharga. Tetapi sesuatu yang bermanfaat akan dapat bertahan di bumi." Al-Quran menggunakan lambang buih untuk sesuatu yang bersifat *mediocre*, rapuh, kosong, tidak bermanfaat, tidak berkualiti dan kerananya tidak mampu bertahan. Tentang kualiti pula al-Quran mendefinisikannya sebagai sesuatu yang bermanfaat. Itulah sebenarnya hakikat kualiti menurut perspektif al-Quran. Memang hanya yang bermanfaat (berkualiti) yang akan terus dilanggan dan dipakai.

Demikianlah, kualiti kerja tidak cuma dinilai oleh pelanggan, tetapi lebih jauh dari itu ia juga dinilai oleh Tuhan. Kualiti dalam perspektif Islam tidak diukur dan ditentukan secara mutlak dengan kepuasan Tuhan yang

dalam bahasa agama disebut *mardhatillah* (keredhaan Allah).

Demi menjamin kualiti, etos kerja Islam sangat mementingkan profesionalisme dalam erti keahlian dalam sesuatu bidang. Dalam hubungan ini Nabi s.a.w. menyifatkan penyerahan sesuatu tugas kepada seseorang berasaskan keahliannya sebagai suatu amanah. Pengabaian terhadap asas keahlian tersebut disifatkannya sebagai kehilangan amanah. Seterusnya Junjungan memberi amaran tentang padah menyerahkan tugas kepada yang tidak berkeahlian dengan ungkapan “tunggu sajalah saat kehancurannya”.

Yang disebut etos adalah nilai dan norma. Yang dituntut oleh Islam bukan kerja keras melulu tanpa kawalan norma, moral dan hukum-hakam. Memang al-Quran memerintahkan umat Islam bertebaran di bumi mencari kurnia Allah. Tetapi perintah tersebut diiringi perintah lain, mengingati Allah sebanyak-banyaknya. Mengingati Allah dalam konteks kerja mencari kurnia Allah dapat diertikan sebagai kewaspadaan terhadap nilai-nilai dan hukum-hakam Tuhan. Segalanya harus bertolak dari niat yang tulus mencari keredhaan Allah, diiringi kesedaran yang mendalam tentang batasan halal-haram. Justeru, kerja dalam konteks Islam bukan semata-mata urusan ekonomi-duniawi tetapi juga urusan keagamaan yang bernilai ibadah dan jihad.

Etos kerja memang amat terkait dengan ekonomi. Kerana itu kita tidak dapat mengelak dari menyinggung ekonomi sebagai ilmu yang berdimensi normatif, yang tidak sekadar memaparkan apa adanya, tetapi juga menggagaskan bagaimana yang seharusnya. Tegasnya

ilmu ekonomi tidak cuma mengandungi angka-angka, matematik dan statistik yang kekeringan nilai. Ia seharusnya terikat dengan nilai-nilai masyarakat dan peka terhadap masalah-masalah sosial kemanusiaan lingkungannya. Fenomena kemiskinan misalnya, tidak cukup dinilai hanya dengan statistik, tanpa dirasakan dengan rasa kemanusiaan.

Kerja kuat yang dianjurkan oleh etos Islam bukan untuk menciptakan manusia kapitalis "binatang-binatang ekonomi" yang bebas lepas melahap keuntungan tanpa etik dan tanggungjawab sosial. Memang setiap orang berhak memiliki harta yang diperolehi secara sah meneusi kerja dan karyanya. Tetapi ia tidak boleh membolot semuanya. Nilai keadilan menuntut pendemokrasian ekonomi dalam erti pemerataan kuih negara. Itulah mesej firman Allah, (al-Hashr: 7) maksudnya: "Agar (harta kekayaan) itu tidak hanya berkisar di kalangan yang kaya-kaya di kalangan kamu."

Keadilan yang Islamik adalah hak yang harus diberikan kepada yang berhak. Ia bukan sekadar ihsan belas atasan terhadap bawahannya dan bukan juga kurnia raja kepada hamba rakyatnya. Keadilan ekonomi hanya dapat diwujudkan dalam masyarakat yang menghormati hak dan tahu tanggungjawab. Ia tidak mungkin tercipta dalam tradisi tuan dan hamba, di mana si hamba hanya menadah titisan simpati dari tuannya. Etos kerja yang mengabaikan nilai keadilan sosial akan memperluas jurang kaya-miskin, dan seterusnya akan menumbuhkan masalah kecemburuan sosial yang sewaktu-waktu boleh meledakkan ketegangan-ketegangan sosial.

Pembaharuan budaya adalah suatu keperluan demi survival Melayu. *Adapt or die*, begitulah slogan umat dunia hari ini yang sedang menghadapi perubahan-perubahan pesat dan realiti-realiti baru menjelang abad 21. Namun kesediaan menyesuaikan diri dengan perubahan dan realiti tidak seharusnya sampai kehilangan jati diri.

---

## **DEMOKRASI HANYA ALAT PIHAK BERKUASA**

**A**salnya semua benda di dunia tidak mempunyai pemilik. Hakmilik hanya pada Allah s.w.t. Kemudian manusia mengenal pasti pemilikannya. Pemilikan pertamanya adalah keluarga. Isteri dan anak-anaknya adalah miliknya. Mereka adalah hartanya. Kemudian kediamannya dan tempat ia mencari rezeki. Lambat-laun ia menambahkan hartanya dan ia timbunkan di kediannya. Hartanya menjadi miliknya apabila ia mampu mempertahankannya dan manusia-manusia lain mengiktiraf hakmiliknya.

Keluarga manusia membiak dan membesar, dan

lahirkan suku kaum. Mereka bekerjasama dan ada harta yang menjadi milik bersama. Oleh kerana asas perkembangan manusia adalah keluarga, maka manusia yang paling tua dalam sesuatu keluarga atau suku kaum menjadi ketua. (Inilah mungkin asal perkataan "ketua" atau dalam bahasa Inggeris "elder" iaitu "orang yang paling tua").

Oleh kerana orang paling tua itu menganggap semua anak-anaknya dan cucu-cucunya maka satu kampung itu adalah miliknya. Tetapi tidak semua orang paling tua dalam sesuatu masyarakat itu dapat mempertahankan kedudukannya atau melindungi kampungnya. Dalam keadaan begini, muncullah orang muda yang paling kuat dan mampu mempertahankan kampung itu dan dapat melindungi hak milik penduduk kampung. Orang seperti ini kemudian menjadi ketua menggantikan orang paling tua. Lambat laun ketua ini, yang juga mempunyai lebih kebijaksanaan daripada orang lain mampu "berpolitik" dan melakukan manipulasi hingga ia dapat menghimpun pengikut. Dalam keadaan begini, ia menemui "kuasa politik". Ia bukan saja tidak perlu mencari rezeki sendiri, tetapi ia boleh bermaharajalela kerana seluruh kampung adalah menjadi miliknya.

Inilah permulaan sistem beraja atau feudalisme. Ada kalanya, ketua ini bersifat baik. Tetapi tidaklah semuanya baik. Dengan menggunakan kuasa melalui penghimpunan pengikut, yang mendapat ganjaran daripada ketua, raja-raja ini memperluaskan hakmiliknya iaitu wilayah takluknya daripada satu kampung kepada kampung-kampung lain hingga menjadi sebuah negeri. Apabila ia menjadi bertambah kuat dan kaya, ia

mampu menghimpunkan pengikut-pengikutnya dan bertambah luaslah tanah jajahan takluknya. Maka akhirnya seluruh empayar adalah hakmiliknya. Sistem feudal bermula daripada hakmilik dengan hamba. Rakyat adalah hamba pada raja kerana ia adalah hakmiliknya. Sistem feudal adalah berlapis-lapis. Raja tidak dapat mengawal semua rakyatnya. Ia terpaksa bergantung pada pengikut-pengikutnya, yang menjadi pembesar, mula di peringkat wilayah, kemudian daerah hingga ke peringkat kampung.

Cara raja dan pengikut-pengikutnya mengekalkan kuasa disebut sebagai politik. Berbagai konsep diperkenalkan oleh raja untuk mengekalkan kuasanya, ada kalanya dalam bentuk adat istiadat, ada pula dalam bentuk agama, tidak kurang pula dalam bentuk ideologi. Apabila perlu atau mudah, mereka juga menggunakan kekerasan.

Bagaimanapun, semua manusia memikirkan tentang kepentingannya. Kalau raja bermain politik, hamba-hambanya juga berbuat demikian. Pembesar-pembesar juga menggunakan pelbagai cara untuk mengurangkan kuasa raja tetapi meningkatkan kuasanya ke atas rakyat jelata. Mereka juga menggunakan adat-istiadat, agama, ideologi dan kekerasan.

Kaedah ini juga turun ke peringkat bawah. Rakyat jelata juga mencari jalan bagaimana hendak mendapatkan kebebasan yang lebih dari pihak penguasa. Mereka juga menggunakan adat-istiadat, agama, ideologi dan juga kekerasan. Kalau raja menggunakan kekerasan melalui tindakan ketenteraan, rakyat pula menggunakan pemberontakan.

Keadaan ini berkembang hingga mulalah timbul

idea demokrasi. Menurut idea ini, rakyat dan negara bukan hakmilik raja. Sebaliknya, negara dan raja adalah hakmilik rakyat.

Atas idea ini, pada mulanya, pembesar-pembesar di England menuntut had hakmilik raja. Mereka juga menubuhkan majlis mesyuarat yang dipanggil parlimen. Kuasa raja dihadkan dan mereka menjadi raja berperlembagaan. Sementara pemerintahan negara dilakukan melalui parlimen, dan ini menjadikan England demokrasi berparlimen.

Di parlimen, dihimpunkan wakil-wakil rakyat. Sungguhpun pada awalnya demokrasi diperkenalkan di England, tetapi itu tidak mengamalkan di tanah-tanah jajahannya. Tanah-tanah jajahan dianggap adalah milik England. Hanya rakyat England ada hak tetapi penduduk tanah-tanah jajahan tidak mempunyai hak. Penduduk tanah jajahan adalah hakmilik raja England.

Pada kurun ke 18 England adalah sebuah empayar sejagat. Termasuk tanah jajahan England adalah 13 buah penempatan di Amerika Utara. Penduduknya berasal dari England tetapi mereka dianggap sebagai hakmilik raja England. Mereka tidak mempunyai wakil rakyat dalam parlimen Inggeris. Tetapi mereka dicukai. Ini suatu yang tidak demokratik, fikir mereka. Penduduk 13 negeri di Amerika Utara itu memberontak. Mereka menuntut kemerdekaan. Revolusi Amerika dan Perang Kemerdekaan meletus yang membawa kemenangan kepada 13 buah negeri itu. Maka lahirlah Negeri-negeri Amerika Bersatu atau Amerika Syarikat pada tahun 1776.

Pengasasnya menggubal sebuah perlembagaan bertulis. (England tidak mempunyai perlembagaan

bertulis). Mereka juga mewujudkan republik, negara tanpa raja. Tetapi lebih penting lagi ialah Pernyataan Hak-hak Asasi. Ini bermakna Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang menjadi milik semua rakyatnya. Negara bukan hak milik presiden. Malah negara dan presiden adalah hak milik rakyat.

Kemajuan demokrasi di Amerika Syarikat tidak memberi kesan kepada England kerana ia terus menganggap tanah-tanah jajahannya sebagai hak miliknya. Tanah-tanah jajahannya di Amerika Utara yang lain (kini dikenali sebagai Kanada) terus tidak diberi hak. Begitu juga dengan tanah-tanah jajahan berpendudukan Inggeris di tempat lain seperti Australia dan New Zealand. Semuanya dianggap sebagai hak milik mereka. Apatah lagi dengan negeri-negeri yang tidak berpendudukan Inggeris seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

Walaupun Inggeris semakin menguasai negeri-negeri Melayu sepanjang kurun ke 19, tetapi ia tidak berhasrat untuk menyebar ideologi demokrasi atau seumpamanya. Yang ia berminat adalah keuntungan kebenadaan. Ia hanya mahu mengaut keuntungan supaya England lebih makmur.

Untuk itu, ia merobah muka bumi negeri-negeri Melayu. Ia melombong secara besar-besaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Rangkaian pengangkutan bagi mengaut kekayaan dibuat di tengah-tengah Semenanjung. Apabila tenaga buruh tidak mencukupi, ia membawa masuk pendatang-pendatang dari China dan India.

Menjelang Perang Dunia Kedua, negeri-negeri Melayu dalam keadaan stabil, makmur dan bahagia. Orang-

orang Melayu kelihatan gembira, baik raja-raja mahupun rakyat jelata. Begitu juga dengan pendatang dari China dan India. Semuanya cukup makan. Raja-raja menganggap negeri mereka hakmilik mereka walaupun Inggeris melayani negeri ini seperti tanah jajahan mereka, iaitu hakmilik mereka. Rakyat (mestilah Melayu) menganggap negeri ini hakmilik raja mereka, seperti turun temurun mereka tidak memiliki negeri ini kerana mereka sendiri adalah hakmilik raja. Pendatang China dan India tidak menganggap negeri ini hakmilik mereka.

Di peringkat ini, harus difahami bahawa demokrasi yang diamalkan oleh England adalah tidak demokrasi penuh. Ia mengamalkan demokrasi hanya di negeri mereka tetapi ia tidak sebarkan demokrasi mereka ke tanah-tanah jajahan mereka. Tambahan pula raja, walau-pun berperlembagaan, masih dikekalkan di England.

Mentaliti England ini masih ada hingga ke dekad ini. Lihatlah Hong Kong. Beratus tahun England mentadbir Hong Kong, tidak pernah ia berhasrat untuk memperkenalkan demokrasi. Tetapi apabila sudah hampir untuk diserahkan kepada China, barulah ia tergopoh-gapah hendak memperkenalkan demokrasi.

Dalam hal demokrasi, Amerika Syarikat adalah lebih ikhlas daripada England. Revolusi Amerika memberi kesan besar kepada rakyat terjajah. Pengaruhnya tersebar ke lain-lain negeri di benua Amerika hingga gerakan kemerdekaan di Latin Amerika berjaya mengalahkan penjajahan Sepanyol. Tetapi yang lebih penting lagi, semangat Revolusi Amerika kembali ke Eropah dan mendarat di Perancis. Semangat ini memberi sumbangan kepada Revolusi Perancis yang pada mulanya adalah

gerakan demokratik, sungguhpun ia berakhir dengan tragedi yang mengerikan.

Hasil intelektual Revolusi Perancis bukan saja menumbangkan sistem feudalisme dan menyemai kesedaran kewarganegaraan massa tetapi ia juga mengembangkan kesedaran nasionalisme. Kesedaran nasionalisme dapat wujud apabila individu rakyat menganggap negara mereka adalah milik mereka. Mereka adalah warganegara dan mempunyai hak (serta tanggungjawab) kepada negara mereka. Negara bukan milik raja atau presiden atau kumpulan rakyat tertentu. Ia adalah milik massa.

Idea nasionalisme juga membezakan antara sebuah negara dengan tanah jajahannya. Mengapa sebuah negara dapat amalkan demokrasi di negara ibu tetapi tidak di tanah jajahan? Ertinya, perasaan nasional bagi negara ibu adalah berbeza daripada negeri tanah jajahan. Tanah jajahan ditadbir hanya untuk berkhidmat pada negara penjajah.

Semangat demokratik baik dalam bentuk nasionalisme mahupun dari segi revolusioner yang terbit dari Revolusi Perancis tersebar luas ke seluruh Eropah berikut penaklukan Napoleon Bonaparte. Ia kemudian sudah menjadi sebagai sebahagian daripada ciri-ciri budaya Eropah termasuk Belanda. Maka apabila pelajar-pelajar dari tanah jajahan Belanda seperti dari Hindia Timur Belanda mempelajari konsep-konsep ini, mereka pun tertanya-tanya mengapakah mereka tidak mempunyai negara sendiri. Belanda bukan negara mereka. Mereka adalah anak tanah jajahan.

Konsep nasionalisme ini dibawa pulang ke tanah jajahan. Wujudlah konsep Indonesia. Gerakan nasionalisme Indonesia ini bercambah di kalangan intelektual di Jawa dan Sumatera. Perjuangan gerakan Indonesia bermatlamatkan pewujudan sebuah republik demokratik merdeka yang merangkumi seluruh Hindia Timur Belanda. Ini bermakna tidak termasuk negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang berada di bawah penjajahan Inggeris.

Sungguhpun begitu, idea nasionalisme Indonesia dibawa oleh pelajar-pelajar Melayu Semenanjung yang menuntut di Sumatera. Mereka yang merupakan golongan kecil di kalangan intelektual Islam itu membayangkan bahawa Indonesia kelak akan merangkumi Tanah Melayu. Konsep nasionalisme Malaya tidak ada, yang ada adalah nasionalisme Indonesia merangkumi Malaya.

Apabila Jepun menakluki Malaya dan Hindia Timur Belanda, ia menjanjikan kemerdekaan Indonesia dalam Asia Timur Raya, yang sebenarnya adalah penjajahan Jepun ke atas bekas tanah jajahan Inggeris dan Belanda. Jepun adalah lebih buruk dari Inggeris dan Belanda kerana bukan saja ia diperintah oleh seorang maharaja tetapi maharaja itu dianggap sebagai tuhan yang berasal dari matahari. Keseluruhan Jepun dan empayaranya dianggap sebagai hakmilik maharaja matahari itu. Semasa Perang Dunia Kedua, Jepun diperintah secara tentera dan menggunakan kekerasan. Sungguhpun begitu, mungkin kerana strategi, ia menggunakan pemerintah-pemerintah boneka untuk menjajah, Di China, ia menggunakan bekas maharaja China, Pu Yi

sebagai raja boneka di Manchuria. Di Thailand, ia juga tidak menyentuh raja Thai. Di negeri-negeri Melayu, ia juga mengekalkan kedudukan raja-raja. Di Hindia Timur Belanda, oleh kerana tidak ada raja, ia memberi kedudukan kepada nasionalis-nasionalis Indonesia.

Penentang-penentang utama penjajahan Jepun di Asia Timur adalah Korea dan China. Penentang Jepun di China adalah kerajaan nasionalis China pimpinan parti Kuomintang. Di peringkat awal penentangan, Kuomintang juga dibantu oleh Parti Komunis China (CCP). Tujuan Kuomintang adalah mempertahankan negara Republik China yang baru ditubuhkan setelah sistem beraja, dinasti Ching ditumbangkan. Negara Republik China yang diasaskan oleh Sun Yat Sen ini mahu mengamalkan demokrasi moden. Wilayah yang mahu diperbahankan adalah keseluruhan wilayah yang dianggap sebagai China.

Di Tanah Melayu, perjuangan menentang Jepun dari penduduknya dipelopori oleh gerila-gerila keturunan China. Mereka dari Tentera Rakyat Malaya Anti Jepun (MPAJA) ini dipimpin oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang bergabung dengan Kuomintang cawangan Malaya. PKM pada hakikatnya adalah cawangan Parti Komunis China (CCP) bagi Malaya. Ketika itu, Parti Komunis China (CCP) menerima arahan dari Parti Komunis Soviet Union (CPSU). Malah kerjasama dengan Kuomintang itu adalah arahan CPSU. Memang hasrat CPSU adalah untuk mengkomuniskan seluruh dunia. Dari sudut CCP pula, bukan saja Tanah Melayu mahu dijadikan komunis tetapi negeri ini mungkin dijadikan sebagai salah

sebuah wilayah China, dalam ertikata lain, terdapat agenda tersembunyi China mahu “menjajah” Tanah Melayu melalui PKM.

Apabila Jepun kalah, secara tergesa-gesa negara itu menyerahkan kekuasaannya di Hindia Timur Belanda kepada nasionalis Indonesia yang dipimpin Sukarno melalui Partai Nasional Indonesia (PNI). Di Malaya, nasionalis Melayu yang mahu menyertai Indonesia menu buhkan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Dalam hasrat mereka, PKMM ini adalah seperti PNI cawangan Malaya. Mereka mengimpikan Malaya turut merdeka serentak dan dalam Indonesia. Walaupun Sukarno menemui pemimpin PKMM di Taiping tetapi pemimpin Indonesia lebih berminat untuk mempertahankan republiknya di Jawa. Indonesia diisyiharkan sebagai republik yang demokratik sementara Malaya ketinggalan.

Sementara itu di China, kekalahan Jepun, membuka luas persaingan antara CCP dan Kuomintang. CCP berjaya menguasai China dan mengisytiharkannya sebagai republik komunis yang bererti tidak demokratik.

Di Malaya, PKM bukan saja berpecah dari Kuomintang tetapi ia dapat menguasai sebahagian besar kawasan negeri-negeri Melayu. Sungguhpun begitu, ia tidak sempat mengisytiharkan sebuah republik komunis kerana tentera British kembali dan menguasai bandar-bandar strategik Malaya. Orang-orang Melayu yang sengsara di bawah Jepun dan PKM mengalu-alukan kembalinya British. Mereka mahu duduk di bawah penjajahan British kerana ia lebih selesa dan selamat. Mereka tidak mahu merdeka. Mereka mahu kembali ke zaman sebelum

Perang Dunia Kedua. Negeri ini hak milik raja-raja Melayu dan biarlah British mentadbir.

Yang mahu merdeka ketika itu hanyalah PKMM dan PKM. Tetapi kemerdekaan yang dituntut oleh PKMM dan PKM bukanlah kemerdekaan sebenarnya. Dalam erti kata lain, PKMM mahu Malaya "dijajah" Indonesia sementara PKM mahu Malaya "dijajah" China. Mereka bukan saja saling bekerjasama tetapi antara pengasas PKMM adalah juga ahli PKM. Rangkaian PKMM-PKM ini bersambung ke Partai Komunis Indonesia (PKI) dan CCP. PKMM mahu Malaya merdeka dan kemudian bersatu dengan Indonesia. PKM mahu mewujudkan republik komunis di Malaya, sementara PKI mahu menubuhkan republik komunis di Indonesia. Kedua-duanya menerima arahan dari CCP dan seterusnya dari CCP, yang segalanya ditentukan oleh diktator besar komunis, Stalin. Pendek kata, kalau diikutkan PKMM-PKM, Malaya akhirnya akan menjadi tanah jajahan Soviet Union melalui China. Dalam keadaan begitu, tidak akan ada demokrasi.

Bagi British, zaman sebelum Perang Dunia Kedua sudah berlalu. Malaya juga perlu berubah. Oleh kerana bagi mereka, raja-raja Melayu tidak cukup kuat menentang Jepun, maka selepas kemenangan Berikut ini, Malaya harus menjadi tanah jajahan langsung dari Britain. Satu entiti yang menyatukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (UFMS) dan Negeri-negeri Selat (SS) digubal dengan nama Malayan Union atau terjemahannya Kesatuan Malaya. Malayan Union menjadi satu koloni Inggeris dengan British mahu terus menjajah dan mengaut keun-

tungan dari negeri ini. Ia tidak ada hasrat, pada waktu itu, untuk memerdekaakannya atau memperkenalkan demokrasi.

Andainya Malayan Union betul-betul dilaksanakan, Malaya benar-benar menjadi hak milik Britain. Konsep negeri-negeri Melayu sebagai hak milik raja-raja Melayu juga akan berkubur. Pihak yang mentadbir negeri-negeri Melayu kelak adalah dari Britain. Kalau penduduk-penduduk negeri ini dilantik untuk mentadbir, bukan saja orang-orang Melayu yang akan dilantik, tetapi juga dari kaum Cina dan India. Siapakah yang akan tergugat dengan amalan sedemikian, tidak lain dan tidak bukan adalah pembesar-pembesar Melayu dan kelas menengah Melayu yang sebelum Perang Dunia Kedua mendapat kedudukan istimewa dari British.

Pembesar-pembesar Melayu yang dipimpin Datuk Onn Jaafar bangkit menentang gagasan Malayan Union. Sememangnya dalam sejarah Melayu, hanya pembesar-pembesar Melayu, dan bukannya raja-raja yang menentang Inggeris. Datuk Dahaman, Mat Kilau, Datuk Maharajalela, Datuk Naning dan Abdul Rahman Limbong adalah kesemuanya pembesar-pembesar Melayu yang terancam kedudukannya akibat kemasukan Inggeris.

Pembesar-pembesar Melayu berhimpun dan mewujudkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) dengan slogan "Hidup Melayu" kerana bagi mereka Malayan Union akan membunuh orang-orang Melayu. Jati diri orang-orang Melayu pula adalah raja-raja Melayu. Ini kerana bumi Tanah Melayu ini adalah hak milik raja-raja Melayu.

Walaupun Inggeris terkejut dengan kejayaan Umno menggembangkan orang-orang Melayu menentang Malayan Union, tetapi mereka lebih takutkan ancaman PKM yang bukan saja mempunyai kekuatan dan senjata bagi menentang British tetapi mempunyai sokongan dan bantuan daripada PKI, CCP dan CPSU. Ancaman yang dihadapi oleh Britain dan negara-negara demokratik lain adalah gerakan komunis sejagat. Persaingan sejagat ketika itu adalah antara komunis dan demokrasi.

Setakat itu, PKM hanya menerima sokongan orang-orang keturunan China tetapi andai kata Britain tidak berhati-hati, orang-orang Melayu mungkin boleh memberi sokongan kepada gerakan komunis melalui PKMM. PKMM juga telah keluar dari Umno apabila didapati matlamat Umno hanyalah menentang Malayan Union untuk menyelamatkan kedudukan raja-raja Melayu dan menyelamatkan kepentingan pembesar-pembesar Melayu.

Maka Britain akur kepada Umno dan membatalkan Malayan Union dan menukuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Dengan kemenangan Indonesia mengalahkan Belanda, PKMM yang memperjuangkan kemerdekaan Malaya untuk bersatu dengan Indonesia semakin menarik. Sukarno menjadi wira orang-orang Melayu. Yang membimbangkan British adalah hubungan PKMM dengan PKM.

Bagi menghalang perkara ini berlaku, British menahan pemimpin-pemimpin PKMM dan parti itu berkubur begitu saja. Oleh kerana tidak ada wadah lain, ramai nasionalis-nasionalis Melayu menyertai Umno. Mereka juga mempengaruhi parti itu menukar slogan

kepada "Merdeka". Slogan ini juga pernah menjadi slogan PKMM.

Apabila orang-orang Melayu menuntut kemerdekaan, British tidak boleh pandang sepi. Bagi British, adalah lebih baik kemerdekaan di dalam Komanwel daripada kemerdekaan dalam Comintern (Komunis Internasional).

Bagaimanapun, untuk merdeka, keturunan pendatang mesti diberi tempat. Jika tidak, mereka akan memberi sokongan pada PKM, dan natijahnya juga serupa. Mesej inilah yang disampaikan kepada Datuk Onn Jaafar dan ia faham tentang perkara ini. Setelah gagal meminta Umno membuka pintu pada keturunan Cina dan India, Datuk Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dengan mengharapkan sokongan British.

Untuk menghalang komunis, pihak British berpendapat adalah lebih baik memperkenalkan demokrasi di Malaya bagi mengesahkan parti yang akan membawa negeri ini kepada kemerdekaan. Apabila pilihan raya pertama diadakan, British menyangka IMP boleh menang kerana ia adalah parti pelbagai kaum. Tetapi rupanya Umno sempat menubuhkan pakatan dengan MCA dan menang dalam pilihan raya bandaran Kuala Lumpur. Jalan sudah jelas dan Britain terus menyokong Umno hingga kepada kemerdekaan.

Demokrasi yang diperkenalkan di Malaya adalah demokrasi pragmatik yang diperkenalkan untuk sesuatu masalah, iaitu ancaman PKM. Demokrasi Malaya bukan lahir dari suatu gerakan, jauh sekali ia menjadi ideologi negara dan rakyat. Dalam demokrasi ini, raja-raja Melayu

dikekalkan. Dalam pilihan raya pula, kebebasan penuh buhan parti politik dihadkan.

Dalam sejarah demokrasi Malaya (dan kemudianya Malaysia), demokrasi semakin menjadi alat-alat pihak berkuasa semata-mata. Ia tidak menjadi matlamat atau ideologi negara.

"Demokrasi bukan agama kita," kata seorang pemimpin tertinggi negara.

Maka tidak hairanlah apabila tiang-tiang demokrasi semakin ditumbangkan dari masa ke semasa. Akhbar dimiliki oleh parti pemerintah. Kebebasan berakhbar juga dihadkan. Rapat umum juga sudah lama ditiadakan. Kebebasan-kebebasan ini dihadkan apabila pihak pemerintah menghadapi sesuatu darurat. Keadaan ini dapat difahami tetapi setelah lama sesuatu ancaman berlalu, ia masih disekat kerana dianggap sebagai suatu kemudahan bagi pihak pemerintah untuk menggunakannya bila perlu.

Mungkin keadaan ini berlaku kerana negara ini tidak dianggap sebagai hak milik rakyatnya. Negara ini dianggap sebagai hakmilik pihak yang mempunyai kuasa. Mentaliti ini sebagai sambungan kepada keadaan sebelum merdeka apabila negara dianggap sebagai hakmilik raja. Kini yang berkuasa adalah Umno. Maka negara dianggap sebagai hakmilik Umno.

# 6

## **GOLONGAN SEBENAR\* MENGGUGAT ANWAR**

Tun Daim masuk politik kerana Dr Mahathir. Dia ditawarkan jawatan Menteri Kewangan dan Bendahari Agung Umno. Maka jadilah Daim Ahli Parlimen Merbok dan Ahli Majlis Tertinggi Umno. Telah seringkali beliau menegaskan: Apa yang dilakukannya adalah atas arahan atau permintaan PM. Lalu dia menyerahkan masa depan politiknya kepada PM. Maka Daim menyerahkan tugasnya sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari Agung Umno tanpa mempedulikan kedudukan politiknya. Dan sesungguhnya tiada siapa pun boleh mengganggu-gugatnya selain PM atau dia sendiri membuat

keputusan, seperti keputusannya berhenti daripada Kementerian Kewangan dan Ketua Bahagian Merbok.

Hubungan istimewa Daim-PM ini belum pernah terjadi antara mana-mana Menteri dengan mana-mana Perdana Menteri pun sebelum ini. Sebagai Menteri Kewangan juga dia amat menonjol. Dihormati kawan dan lawam, di dalam dan di luar negeri. Daim sentiasa tegas, pantas, kemas, dan licin. Bagaimana dia menguruskan Kementerian Kewangan, begitulah pula dia menguruskan perniagaannya dan peranan politiknya. Tidak banyak bercakap - apalagi tentang politik - tetapi cukup banyak bekerja secara diam-diam.

Maka hubungan istimewa Daim-PM dan cara kerjanya yang tegas-kemas-licin, menjadikan dia seorang tokoh yang amat berpengaruh dalam politik Malaysia, khususnya Umno.

Dia bukan seorang tokoh politik, tetapi seorang tokoh kewangan dan korporat yang di belakang layar sering menjadi pencatur kuasa yang amat berpengaruh. Meskipun dia sendiri tidak pernah dan tidak mahu bertanding apa-apa jawatan parti, dia selalu berperanan di belakang setiap pertandingan. Maka walaupun tidak menjadi Ketua Bahagian, Tun Daim, untuk beberapa tahun lagi - setidak-tidaknya selagi Dr Mahathir menjadi PM - akan terus ikut menentukan percaturan politik Malaysia, khususnya Umno.

Sebaliknya Anwar mempunyai latar belakang dan jalan politik yang berlainan sekali. Anwar juga dibawa masuk Umno oleh PM, tetapi dididik untuk menjadi seorang tokoh politik - mungkin juga untuk menjadi PM. Pada masa awal dulu tentulah selepas Dato' Musa. Tetapi

apabila Musa tidak ada, Anwar terpaksa diberi beban lebih cepat. Tidak ada pilihan lain bagi Dr Mahathir maupun Anwar. Kekosongan mesti dipenuhi, meskipun Anwar mungkin belum cukup bersedia. Sehingga ada yang mengatakan Anwar tidak sabar.

Berbeza dengan Daim, Anwar terpaksa naik melalui pertandingan demi pertandingan. Dan pertandingan dalam Umno makin sengit, makin ganas, kadang-kadang menentukan hidup atau mati seperti pertandingannya melawan Dato' Suhaimi (Ketua Pemuda), melawan Dato' Abdullah, Dato' Sanusi, Tan Sri Wan Mokhtar (Naib Presiden) dan yang terakhir melawan Tun Ghafar Baba (Timbalan Presiden).

Oleh sebab itu dalam menjalankan tugasnya sebagai Menteri, Anwar terpaksa sentiasa membuat perhitungan politik. Kerana masa depannya akan ditentukan oleh kedudukan politiknya dalam parti.

Sebagai seorang yang sejak zaman pelajar lagi aktif dalam organisasi yang melibatkan politik, Anwar banyak bercakap, suka berpidato. Bahkan kepintarannya bercakap adalah salah satu senjatanya yang cukup ampuh. Malangnya Anwar juga seorang pemikir sosial dan modernis Islam. Maka kadang-kadang dia kelihatan sebagai seorang ahli falsafah, seorang pemikir Islam dan budayawan, seorang idealis - sifat-sifat yang dirasakan bertentangan dengan seorang Menteri Kewangan. Apa lagi gaya politik dan bahasa Anwar dibandingkan dengan Tun Daim amatlah jauh berbeza. Berbeza juga dengan gaya dan bahasa Dr Mahathir.

Justeru itu musuh maupun penyokong atau ahli perniagaan Melayu dan bukan Melayu, yang berasa akan

mendapat faedah daripada pertentangan Daim-Anwar, dengan mudah boleh mencari cerita dan bukti, bahawa ada perselisihan antara Anwar dengan Daim.

Bahawa Anwar sering duduk satu dua jam di rumah Daim dan Daim di rumah Anwar, tidak dicakapkan. Bahawa Daim pernah membantu Anwar juga tidak diceritakan. Bahkan Daim telah berbincang dengan Anwar sebelum menarik diri daripada calon Ketua Bahagian Merbok juga tidak diperkatakan. Yang digembir-gemburkan: Kenyataan awal Daim menyokong penarikan diri Daim, adalah bukti bahawa Anwar memang mahu Daim hilang dari Umno. Dan Daim tidak mahu aktif lagi dalam Umno dikatakan adalah kerana tidak sejalan dengan Anwar.

Dan seperti biasa, yang buruk dan busuk tentang manusia sentiasa menjadi kegemaran dan buah mulut orang. Maka menjalarlah berbagai-bagi cerita yang direndang-rendangkan tentang Daim marah pada Anwar dan Anwar tidak senang pada Daim.

Seperti juga Tun Daim akan terus mempunyai peranan politik dan ekonomi yang penting, selagi Dr Mahathir menjadi PM, maka cerita adanya pergeseran Daim-Anwar akan terus disenangi orang, selagi Anwar berada pada kedudukan politiknya sekarang - seperti terjepit antara Daim dengan PM.

Oleh sebab Tun Daim semakin berundur dari gerbang kekuasaan, maka cerita tentang perselisihan Anwar-PM pula tumbuh dan merebak. Cerita ini juga timbul dari musuh dan penyokong, daripada korporat Melayu dan bukan Melayu. Masing-masing untuk kepentingan tertentu.

Seorang tokoh usahawan Cina, secara yakin mene-gaskan, bahawa kedudukan Anwar semakin kuat apabila dua penyokongnya memukul mati dua penyokong kuat Dr Mahathir di Melaka. Saya tanya: "Siapakah dua pe-nyokong kuat PM itu? Jawabnya: Ghafar dan Rahim Tamby Chik! Saya menggeleng kepala dan menegaskan "*You are wrong! Completely wrong!* Jangan cakap macam itu lagi. *Not good and dangerous!*"

Dari Kedah pula timbul cerita: Satu sudah *out*, dan tinggal satu lagi mestilah *out* juga. Mulanya saya tidak dapat menangkap maksudnya. Rupanya: Tun Daim sudah *out*. Tinggallah lagi Dato' Sanusi Junid, mestilah *out* juga. Dan dikatakan inilah kerja Anwar, walaupun PM masih mahu Tun Daim jadi Ketua Bahagian dan Sanusi jadi MB Kedah.

Sesungguhnya hal ini adalah satu kesimpulan jahat yang pintar dan cukup masuk akal: bahawa PM dan Anwar tidak sejalan. Kerana PM memang membuat ke-nyataan yang meminta Daim jangan menarik diri, walaupun sebenarnya PM belum pernah membuat kata putus tentang pertukaran MB Kedah.

Begitulah cerita tentang perselisihan PM-Anwar akan terus timbul, bukan untuk menggugat PM - kerana Dr Mahathir cukup kuat tetapi untuk memburukkan Anwar supaya mudah digugat atau diperalat.

Dr Mahathir adalah Dr Mahathir. Insya-Allah tiada siapa yang boleh menggugatnya sekarang dan hingga beberapa tahun mendatang. Dan dia akan terus bertindak dan bekerja seperti biasa tanpa terganggu oleh apa juga cerita. Mahathir seorang tokoh politik yang lihai, mantap, tegas dan berani. Seperti dia bersedia menanggung risiko

dengan tindakan-tindakan ekonominya, dia juga tidak pernah takut akan risiko tindakan politiknya. Kadang-kadang kita sama sekali tidak faham mengapa dia membuat keputusan dan bertindak sebegitu rupa. Mengapa dia mengambil lawan sebagai kawan. Mengapa dia terus mempertahankan tokoh-tokoh yang prestasi kerjanya tidak memuaskan. Mengapa ada kala kelihatan ada seperti memukul anak di khalayak ramai. Namun suatu hal yang pasti sebarang keputusan politiknya adalah dibuat dengan penuh perhitungan politik, tanpa emosi.

Dia pernah menegaskan, "perintah negara tak boleh ikut perasaan". Maka dia mengambil lawan sebagai kawan, tidak mudah menghukum, selalu memaafkan. Namun di gelanggang dia selalu siap siaga. Kalau memecah tapak, silatnya sukar dibaca. Tidak suka menikam. tetapi apabila menikam kerisnya menusuk sasaran.

Kerjaya politik Dr Mahathir sudah sampai ke puncak. Dia tak boleh naik lagi. Maka niat dan kerjanya hanya satu: menjalankan tugas dan amanah untuk agama, bangsa dan negara; untuk kegemilangan masa depan yang dia tidak mungkin akan merasa. Maka siapa yang mahu menggugat beliau, silakan. Dia bukan Chairil Anwar "binatang jalang yang mahu hidup seribu tahun lagi". Dia akan pergi apabila tiba masanya. Dia akan turun apabila tidak diperlukan.

Sikap dan pendiriannya ini semua orang tahu kerana dia sendiri telah berkali-kali menyatakan dalam bahasa yang mudah, jelas dan terang. Ketika bercakap tentang hubungannya dengan Anwar, PM menegaskan:

"Mengapa saya mesti berkelahi dengan Anwar. You tentu tahu hubungan saya dengan Anwar. Saya pun bukan nak menongkat langit di sini. Saya tak ada apa-apa masalah dengan Anwar. Dia tak pernah buat apa yang saya tidak setuju."

Anwar pula menegaskan: "Buat apalah saya nak bergaduh dengan Dr Mahathir. Saya boleh menjalankan tugas dengan selesa. Saya boleh buat apa yang saya nak buat. Apalagi yang saya hendak. Gilalah kalau saya nak melawan Dr Mahathir. Kadang-kadang naik segan. Selalu sangat jumpa dia."

Namun cerita-cerita perang dingin Anwar-PM terus panas. Kata Tan Sri Isa Samad "tukang-tukang karut" yang mereka-reka cerita Anwar lawan PM ini, bukan saja terdiri daripada tokoh-tokoh politik, tetapi juga tokoh-tokoh korporat".

Orang-orang yang dikatakan tokoh-tokoh korporat - banyak orang baru, yang belum muncul pada zaman Tun Daim jadi Menteri Kewangan. Maka mereka pun menamakan diri sebagai orang Anwar. Mereka mungkin juga ingin menamakan diri sebagai orang Mahathir. Atau lebih baik lagi orang Mahathir-Anwar. Tetapi dakwaan begitu mungkin merugikan kerana dia tidak memperlihatkan komitmen yang sungguh-sungguh kepada Menteri Kewangan dan bakal Perdana Menteri. Dalam politik pun mereka adalah kumpulan baru.

Justeru wajarlah dikatakan orang Anwar, kerana Anwar juga relatif baru. Manakala Mahathir mungkin tidak memerlukan mereka, malah mungkin tidak dapat melayan hajat mereka, maka Anwar, sudah pasti tidak boleh menolak mereka begitu sahaja. Golongan inilah

sebenarnya, antara puak-puak yang tanpa sedar, sedang menggugat Anwar. Golongan inilah yang tidak sabar untuk mencapai kejayaan seperti tokoh-tokoh usahawan yang dulunya dibentuk oleh Tun Daim dan tokoh-tokoh politik yang dibentuk oleh Dr Mahathir. Maka timbulah cerita "budak-budak Anwar" dan "budak-budak Daim" dan cerita "orang Mahathir" dan "orang Anwar".

Saya boleh terus mengisahkan cerita Daim-Anwar-PM ini, tetapi eloklah saya berhenti di sini dulu supaya tujuan tulisan ini tidak hanut oleh cerita demi cerita.

Semoga jelaslah sudah, bahawa antara tiga tokoh utama ini, memang ada perbezaan: latar belakang, jalan politik, pemikiran, pemakaian bahasa, dan cara bertindak. Namun ketiga-tiganya amat diperlukan. Maka diharap Tun Daim tidak akan merajuk meninggalkan kita. Mereka boleh berbeza jalan politik dan pendapat asalkan tidak berbeza semangat dan matlamat. Memang tidak ada manusia yang semuanya sama di dunia ini, lebih-pebih pemikir dan pemimpin nasional. Maka jika kita bersetuju - ketiga-tiga mereka perlu - berhentilah kita daripada menjadi Si Kitol, duri dalam daging dan gunting dalam lipatan.

sederhana digembar-gemburkan, sedangkan kerapkali pengagihannya tersasar. Soal halal haram, merampas hak orang (secara yang diluluskan oleh undang-undang), tumbuk rusuk, dan kemudiannya menghanguskan wang secara sewenang-wenangnya, semuanya tidak pernah menjadi pertimbangan. Seolah-olah kehidupan selepas mati, satu period terpenting yang akan kita hadapi, tidak ada dalam kamus hidup mereka. Tinggallah rakyat bawah bertungkus-lumus mendepani cabaran inflasi sifar dan menjadi penonton pasif kepada nikmat pembangunan yang melimpah-ruah.

Manakala Prof Shahnon Ahmad membahagikan majoriti pemimpin hari ini kepada dua kategori iaitu bermoral tetapi tidak cekap dan tidak bermoral tetapi cekap. Kedua-duanya tidak boleh menjadi pemimpin. Bermoral tetapi tidak cekap sama seperti kayu mati yang menunggu masa untuk rebah. Pemimpin begini tidak boleh memimpin rakyat, malah memimpin diri dan keluarganya pun tidak mampu kerana dia tidak ada ilmu kepimpinan. Cekap tetapi tidak bermoral lebih teruk lagi kerana dengan kecekapaninya, pemimpin itu boleh membingungkan rakyat. Kini perihal moral di kalangan sese-tengah pemimpin kita cukup teruk dan gawat. Ia begitu serius kerana berpunca dari ketidakadaan ilmu dan iman untuk mengawal diri dari gelojoh rasa, mabuk kuasa dan gila harta. Shahnon juga tidak menghadkan pemimpin *immoral* hanya berkaitan dengan seks sahaja tetapi juga membabitkan kesombongan, percakapan yang tidak bertanggungjawab, membazir masa, kegilaan mengeluarkan kenyataan yang ikut sesuka hati dan rajin bercakap sesuatu yang tidak diketahuinya.

Yang sedihnya, kebanyakan rakyat umum tidak pedulikan siapa yang akan memimpin Umno sekiranya rentak kehidupan mereka masih terbelenggu dengan putaran ganas kemiskinan ataupun terus terseret dalam asakan fahaman kebendaan yang menggil. Naiklah Anwar, jatuhlah Ghafar; naiklah Najib, jatuhlah Muhyiddin; naiklah Mustapha Mohamad, jatuhlah Annuar Musa; naiklah Zahid Hamidi, jatuhlah Ramli Ngah Talib; naiklah Nazri, jatuhlah Rahim Tamby Chik; naiklah Hamid Othman, jatuhlah Yusof Noor; naiklah Ghani Osman, jatuhlah Shahrir Samad (eh, mengapa pula Shahrir); naiklah Muhammad Taib, jatuhlah Abu Hassan Omar; jatuhlah Sanusi, jatuhlah Daim, jatuhlah Hussein Ahmad; yang berubah hanya penyandang jawatan, namun sistem dan budaya politik yang telah berakar umbi itu tetap dipertahankan. Yang lemah terus ditekan, yang lembik dimain-mainkan, yang lembut diuli-ulikan, yang ringan dilambung-lambungkan. Krisis akhlak makin membungkungkan, setiap hari ada anak yang baru lahir dibuang, anak-anak gadis lari dari rumah, abang dan adik perempuan berkahwin sehingga melahirkan enam anak.

(Berita dari Johor tentang pasangan-pasangan muhrim yang ditahan kerana hidup sebagai 'suami isteri' cukup menakutkan. Adik perempuan dan abang 'berkahwin' hingga melahirkan tiga orang anak. Bapa saudara bersekedudukan tanpa nikah yang sah dengan anak saudaranya selama lapan tahun dan mendapat enam orang anak. Dari Johor juga, Pengarah Hospital Permai, Dr Jeyarajah Selvadurai berkata kira-kira 10,000 orang di Johor mendapatkan rawatan sakit mental. Ketua Hakim Mahkamah Syariah Johor, Hasbullah Abdul Razak

berkata Enakmen Pentadbiran Agama Islam perlu dipinda dengan mengenakan hukuman sebat enam kali di khalayak ramai dan denda RM3,000 atau penjara tiga tahun bagi kesalahan zina. Hukuman yang berkuatkuasa sekarang hanyalah denda RM1,000 atau enam bulan penjara).

Dr Rais Yatim mengulas panjang lebar: "Negara digambarkan menikmati kadar pertumbuhan yang pesat. Demokrasi dikatakan menjadi pegangan tetapi wabak politik wang menular terus menerus sehingga ada pemimpin muda yang berani mengecap parti pemerintah seperti wayang *cowboy* - berkecamuk merebut kekayaan dan menyalahguna kuasa. Kemiskinan dijanjikan untuk dibasmi tetapi yang dipupuk dengan saham ialah suku-sakat dan sahabat taulan pemimpin berkuasa. Harga barang-barang keperluan melambung tinggi tetapi kerajaan menampilkan inflasi sifar. Pertumbuhan ekonomi sentiasa diumumkan berada di paras lapan hingga sembilan peratus sedangkan nilai belian ringgit kian menurun. Pada tahun 2020 Malaysia dijanjikan menjadi negara industri sedangkan kampung masih terbiar dan masyarakat peneroka terus dikongkong dengan kaedah yang seakan-akan sama dengan sistem padi kunca. Perubahan dasar pelajaran diumumkan setiap minggu, sedangkan sekolah kampung masih tiada guru yang mencukupi, peralatan asas pun tiada."

Mungkin ramai ahli Umno memandang remeh hujah Rais Yatim itu. Malah dihujahkan balik: "Dulu masa awak memimpin, macam itu juga, sibuk memperkayakan diri sendiri!" Manakala di peringkat bawahan, akan terdengar sindiran: "Siapa pun yang naik hidup kita

tak juga berubah. Yang susah tetap susah. Yang kaya juga diambil berat. Semua pemimpin pentingkan diri sendiri, anak pinak dan suku-sakat masing-masing. Orang-orang kampung hanya disogok serenggit dua, kalau yang lebih banyak bercakap ditambah sepuluh dua. Nak hirup kuah pun tak dapat." Senario seperti ini mempertajamkan lagi kemelut kesedaran politik masyarakat Melayu. Dikatakan orang Melayu sukar menerima perubahan, dan takut untuk mencetuskan pembaharuan. Jiwa hamba masih menebal, semangat Hang Tuah tetap utuh, pantang anak Melayu derhaka kepada rajanya. Setiausaha Agung Umno, Mohamad Rahmat menegaskan Umno tidak memerlukan Jebat dalam parti itu. Semasa berceramah di Amerika, Anwar pula meminta Hang Tuah diteladani. Hang Tuah tidak dikenali kerana penguasaannya dalam banyak bahasa, tetapi panglima Melayu itu popular dengan ketaatan tanpa berbelah bagi terhadap raja Melaka. Kini selepas raja mutlak diganti dengan raja berperlembagaan, kemudiannya dilupuskan imuniti raja, yang semakin kebal ialah Perdana Menteri dan konco-konconya. Benarkah dakwaan bahawa orang Melayu sukar membantah, tetapi sekali mereka protes, padah akhirnya? Mereka tidak pandai menutur bicara, bila kesabaran hilang, luahan rasa dituang dalam bentuk tindakan: amok?

Ahmad Atory Hussain cuba memperihalkan budaya politik orang Melayu: Dikatakan terdapat perbezaan cara orang Melayu berpolitik dengan lain-lain kaum di negara ini. Misalnya, orang Melayu mengamalkan sistem raja berperlembagaan dan sekali gus mengamalkan beberapa ciri feudal. Orang Melayu juga mempunyai

kelakuan-kelakuan politik yang berbeza dengan kaum-kaum lain. Misalnya, konsep-konsep seperti derhaka, masih wujud. Sesiapa yang berkuasa dan mempunyai wang dan pengaruh, maka dialah yang ditaati atau dituruti. Persoalan prinsip jarang menjadi pencaturan apabila berhadapan dengan perlumbaan merebut kuasa di dalam parti. Di kalangan elit Melayu, kecenderungan merebut kuasa di dalam semua organisasi pentadbiran dan parti Umno merupakan gejala yang lumrah, Profesor Clifford Geerts membandingkan gejala berebut kuasa di kalangan elit Melayu itu diibaratkan seperti betapa minatnya orang melayu terhadap perlawanan sabung ayam. Menurut profesor itu keghairahan menyabung ayam mempunyai kaitan yang rapat dengan gejala politik berebut kuasa di kalangan golongan pembesar Melayu dahulu hingga ke hari ini. Dikatakan bahawa Umno itu diasaskan sebagai satu kesinambungan budaya Melayu yang mana parti itu membuka gelanggang pertarungan berebut jawatan dalam parti itu di semua peringkat.

Bagaimanapun, menurut Ahmad Atory, arah aliran dalam Umno, yang selama ini berdasarkan teori *patron-client*, berubah selepas Mahathir menerajui kepimpinan Umno. Ketika itu, telah tersedia pemimpin-pemimpin Umno yang berkebolehan, ahli-ahli Umno yang mempunyai kedudukan ekonomi yang mantap, tidak lagi berbasikal atau naik bas untuk menghadiri mesyuarat agung Umno. Ahli-ahli Umno sudah ramai yang mempunyai pelajaran tinggi, tidak lagi berkelulusan sekolah atas. Dengan secara tidak langsung telah wujud pemikiran politik ahli-ahli yang lebih terbuka, lebih kritikal dan lebih menitikberatkan unsur-unsur yang logik,

rasionaliti, objektif dan berfilsafat dalam pertimbangan-pertimbangan mereka. Kesannya wujud berbagai puak yang mempunyai bermacam-macam nilai dalam Umno. Terdapat di kalangan mereka mempunyai kepentingan dan hasrat untuk menguasai kepimpinan yang dirasakan tidak sesuai dengan aspirasi mereka. Terdapat ahli-ahli Umno yang tidak mahu bersikap enggeh atau *yes man* terhadap pucuk pimpinan parti.

Tentu banyak pihak yang menyanggah dakwaan budaya *yes man* sudah berakhir dalam Umno, malah ada berpendapat ia makin diperkuuhkan dalam bentuk yang lebih canggih. Tengku Razaleigh menyifatkan apa yang berlaku dalam Umno sekarang seperti politik dikir barat: "Mereka yang berkuasa sedar bahawa mereka tidak ubah seperti tukang karut kumpulan dikir barat. Apa sahaja yang mereka nyanyikan pasti akan dinyanyikan juga oleh pengikutnya yang lain. Di sekeliling tukang karut itu terdapat ramai tukang tepuk dan tukang sorak yang bergelar Yang Berhormat. Mereka inilah yang akan sama-sama mengalunkan apa sahaja lagu yang dilaungkan oleh tukang karut tadi, tanpa sedikit pun perbezaan. Kalau disuruh angguk mereka angguk, kalau disuruh geleng mereka geleng! Sebab itulah kita melihat ramai ahli-ahli politik akan turut melaungkan persetujuannya kepada apa sahaja dasar yang diumumkan oleh pemimpinnya tadi walaupun mereka tidak pernah diajak berunding tentang projek itu."

Sesungguhnya jiwa merdeka orang Melayu mesti dibangkitkan, bukan hanya di kalangan orang awam tetapi lebih penting lagi ialah pemimpin-pemimpin politik yang mengelilingi tokoh-tokoh utama dan wira

Jepun maju walaupun mengamalkan dasar tertutup dan mempertahankan nasionalisme ekonominya. Perancis dan Britain terus mempertahankan nasionalisme budaya dan bahasa penduduk asalnya. Mereka tidak bertolak ansur kepada masyarakat keturunan Afrika ataupun Asia yang ramai di sana. Di Perancis, program TV asing (termasuk dari Hollywood dan negara-negara Barat lain) tidak dibenarkan untuk tayangan semudah negara kita. Amerika Syarikat yang dikatakan negara paling liberal, amat keras mempertahankan unsul Anglo-Saxonnya, baik dalam bidang pendidikan ataupun bahasanya. Di Thailand, sukar untuk mengenali yang mana penduduk asal dan yang mana pendatang kerana semua kaum menerima dan mengamalkan konsep kebudayaan dan bahasa kebangsaan negara itu. Indonesia berjaya menjadikan dasar bahasa nasional yang ketat sebagai alat integrasi dan perpaduan nasionalnya. Mereka berjaya menyatukan lebih 600 suku kaum, lebih 180 juta rakyat yang tinggal di lebih 10,000 buah pulau yang memiliki pelbagai bahasa, agama dan adat resam.

Amran Mohamad (ISTAC) mengemukakan hujah perlunya dimensi ekonomi, etika dan ekologi sebagai teras utama dalam pembangunan negara negara dan masyarakat yang mapan. Dimensi ekonomi menentukan agar keperluan material dan fizikal rakyat dipenuhi dengan sempurna, dimensi etika menentukan wujudnya keadilan dan kebenaran yang menjadi pegangan dan panduan masyarakat dalam kehidupan mereka, manakala dimensi ekologi menentukan kaedah-kaedah interaksi yang sempurna dan bijaksana antara manusia dengan alam sekeliling mereka. Kemakmuran ekonomi

pastinya tidak akan memberi makna untuk jangka panjang sekiranya akibat-akibat yang lahir darinya menyebabkan kita membayar dengan harga yang lebih tinggi bagi menampung kos-kos negatifnya dalam dimensi-dimensi lain kehidupan masyarakat.

Kita tidak boleh berlengah-lengah lagi untuk melakukan perubahan mendasar ini. Ia menuntut kesungguhan, khususnya dari ahli-ahli Umno, bagi menggesa, mempengaruhi dan mendesak pemimpin mereka menghentikan amalan usang dan songsang itu. Pembolotan khazanah kekayaan untuk individu tertentu, yang rapat dengan pemimpin tertentu, mesti ditolak, secara jelas dan terbuka. Ingatlah firman Allah (al-Hashr: 7), maksudnya: "Apa yang Allah kurniakan kepada rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir. (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu." Cuba fahamkan maksud, "supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu," dan renungilah fenomena yang melanda Umno hari ini. Selidiklah latar belakang tokoh-tokoh jutawan segera, pasti akhirnya ia akan bertemu dengan Mahathir Mohamad, Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin. Pemuda Umno yang sepatutnya responsif dengan isu-isu pembolotan kekayaan ini akur bagai burung kakak tua, malah dipertahankan lagi tindakan "merompak" kekayaan negara itu tanpa segan silu. Mengapa ia tidak

boleh disalurkan kepada yayasan amanah ataupun konsortium yang menggabungkan lebih ramai usahawan Melayu? Jawab Pemuda Umno, ia akan mendatangkan lebih banyak masalah seperti pertelagahan sesama rakan kongsi dan seumpamanya.

Saranan Dr Syed Husin Ali sepatutnya menjadi renungan bersama: "Pemimpin-pemimpin politik yang berkuasa mempunyai pengaruh besar untuk mencorakkan masa depan bangsa dan negara kita. Mereka perlu mempunyai azam, iltizam, visi dan *political will* untuk menentukan supaya ada keseimbangan serta pergabungan yang rasional serta menguntungkan antara unsur-unsur antarabangsa (atau global) dengan kebangsaan (atau lokal); antara pemodenan dengan keperibadian bangsa; antara kemajuan dengan keadilan; antara pembangunan ekonomi dengan perkembangan manusia serta budaya; dan antara bahasa Inggeris dengan bahasa tempatan."

Dengan kekuatan dan sokongan besar pengundi terhadap Umno, kecuali di Kelantan, ahli-ahli serta aktivis Umno harus berani mengkoreksi diri dan pemimpin mereka, serta dasar dan sistem yang mengasaskan parti itu. Tugas ahli-ahli Umno menjadi semakin besar kerana Umno merupakan teras parti yang memerintah. Sebarang salah dasar dan salah laku pemimpin Umno memberi kesan besar kepada perjalanan dan haluan negara, juga boleh mencorakkan akhlak dan aqidah umat di bawahnya. Mereka tidak perlu bimbang dengan parti-parti pembangkang kerana pemimpin Umno sendiri mendakwa kekuatan Umno berada di puncak. Mereka harus berani membuat

perubahan, bersedia menanggung risiko, mampu berdepan dengan tentangan, kerana yang dihadapi bukannya parti pembangkang tetapi pemimpin mereka sendiri.

Pertimbangan agama harus menjadi prioriti dalam apa juga keputusan dan tanggapan. Sekiranya tapisan agama tidak membenarkan, jangan dicari lagi sebarang dalih dan alasan untuk mengia dan membenarkan, walaupun ia datang dari barisan kepimpinan. Apa yang harus ditakutkan, dicurigakan, dibimbangkan, sekiranya ahli-ahli Umno bersatu hati, tegas pendirian dan mantap kemahuhan untuk melandaskan segala aktiviti mereka kepada ajaran Islam. (Bukankah Anwar sendiri memberi jaminan, pandangan ahli-ahli Umno akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh kepimpinan parti?) Penghayatan Islam bukan hanya milik eksklusif PAS malah dituntut, tanpa kecuali, kepada seluruh ummat, tidak kira Umno, Parti Melayu Semangat 46, PAS, Parti Rakyat, Berjasa dan juga mereka yang tidak berparti.

Umno juga harus menjadi parti Islam. Sebagai umat Islam ahli-ahli Umno tidak ada pilihan selain mengurus, mentadbir dan menggerakkan parti mereka sebagaimana yang digariskan Islam. Orang Islam yang baik tidak wajar hanya mahu bersembahyang, berpuasa, mengerjakan haji dan menunaikan zakat secara Islam tetapi apabila mahu berpolitik, mereka langsung tidak mahu menurut lunas-lunas yang ditentukan Islam. Sesungguhnya tidak ada ketaatan dan kepatuhan kepada sesama makhluk dalam perkara mungkar dan kemaksiatan. Bangsa Melayu bukan bangsa berjiwa hamba, penakut dan mudah digertak tetapi bangsa yang penuh dengan ciri-ciri mulia,

yang walaupun mungkin kini terlepas dari pangkalannya, tetapi berpotensi untuk digilap keunggulannya semula. Kita mahu mendengar perwakilan Umno menggesa dilaksanakan seluruhnya sistem kewangan Islam, diangkat kedudukan Biro Pencegah Rasuah yang bertanggungjawab kepada Parlimen, menolak pemimpin yang masih berdamping dengan arak dan bergelumang dengan wanita bukan isteri, menggesa Islam dijadikan landasan dan sumber rujukan Umno. Sepatutnya Jawatankuasa Ad Hoc Kajian dan Pindaan Perlembagaan Umno, yang dipengerusikan Mahathir, mengambil sumber-sumber Islam sebagai rujukan untuk menyelesaikan segala masalah yang berkecamuk dalam Umno. Tapi ingat, Islam bukan bahan tempelan, ia harus dilaksanakan seluruhnya, dari peringkat dasar dan falsafah parti sendiri.

Semasa merasmikan mesyuarat Pemuda dan Wanita Umno Bayan Baru, 1 Oktober 1995, Anwar berkata, pergolakan dan keadaan yang berkecamuk bagi perebutan jawatan dalam Umno tidak akan berlaku sekiranya para pemimpinnya menekankan prinsip bertanggungjawab kepada agama Islam. Jelasnya, prinsip bertanggungjawab terhadap agama merupakan perkara asas bagi menggembung orang Melayu dalam memenuhi agenda perjuangan parti. Perjuangan parti, kata Anwar, biarlah didokong oleh ahli Umno yang mentaati prinsip agama Islam. "Agama Islam adalah satu peringatan kepada umatnya agar tidak leka biarpun dalam riuh rendah dan kegelojohan kita merebut wang. Saya seolah-olah tak percaya Umno boleh berkecamuk semasa negara mengalami perubahan dan pembangunan

yang hebat. Kalau pemimpin yang diberi amanah menerajui parti hanya berjuang untuk kepentingan peribadi... mereka tidak sah menjadi pemimpin," tegasnya. Anwar juga menyelar sesetengah para pemimpin Umno yang bertanding hanya mengikut cara yang disifatkan sebagai undang-undang rimba: "Ada pertandingan yang dibuat secara undang-undang rimba... berbelit seperti ular sawa."

Anwar seharusnya menunjukkan model seorang ahli politik yang bertanding secara sewajarnya, tidak memaki-hamun orang, mengetepikan amalan politik wang yang menjijikkan itu, menjauhi politik naungan dan mengelak dari memperalatkan kementerian yang diterajuinya, juga mempastikan tidak menodai kebebasan media menjalankan peranannya sewaktu musim pertandingan. Segala saranan Anwar bagaikan mencurahkan air ke daun keladi, macam anjing menyalak bukit, seperti menunggu kucing bertanduk, sekiranya amalan praktik Anwar lebih jelik daripada Sanusi Junid ataupun Abdullah Badawi. Lebih malang lagi apabila anjuran Islam dipandang sinis kerana sikap orang yang bijak menuturkan nasihat agama "cakap tak serupa bikin".

Cuba baca sekali lagi kenyataan "tegas" Anwar sebagai Penggerusi Jawatankuasa Disiplin Umno, yang dibuat pada 11 Julai 1995. Beliau memberi "amaran terakhir" supaya menghentikan segera penyalahgunaan kuasa dan politik wang atau "hadapi tindakan tegas". Sambil menyifatkan mereka yang terlibat itu sebagai "penjenayah politik" Anwar menegaskan cara penyelesaian paling berkesan ialah mengambil tindakan paling tegas termasuk melaporkan kepada BPR. "Malah

nama mereka juga akan diumumkan kepada khalayak ramai. Golongan penjenayah politik itu mesti ditentang habis-habisan dan dikalahkan sekarang sebelum pengaruhnya meluas. Saya ingin tegaskan, tindakan ini akan diambil tanpa mengira kedudukan dan pangkat orang yang terlibat sama ada mereka pemimpin tertinggi atau cawangan, berpengaruh atau tidak. Saya tidak mahu ada analisis di kalangan ahli-ahli bahawa tindakan hanya diambil ke atas ahli di peringkat bawahan saja," kata Anwar. Seperti kebanyakan orang lain juga, saya tidak menaruh keyakinan yang tinggi kepada Anwar untuk mengotakan janjinya.

Bagaimanapun, ia tidak seharusnya melemahkan semangat ahli-ahli Umno yang mahu menghayati Islam seluruhnya meskipun terpaksa diterjah pelbagai kemungkinan. Inilah masanya untuk membuktikan saranan Islam bukan sahaja praktik untuk dilaksanakan pada semua zaman tetapi mampu mengangkat darjat dan martabat sesuatu bangsa.

Menurut Siddiq Fadil, kemunculan umat Arab Muslim di pentas sejarah sebagai pembawa tamadun baru dunia pada abad ke-7 adalah merupakan contoh klasik dari pengalaman suatu bangsa yang berjaya menjalani proses transformasi manusawi menerima revolusi aqidah-tauhid sebagai doktrin pembebasan manusia dari segala bentuk belenggu budaya, sistem dan ideologi yang batil dan tidak rasional. Dalam pengalaman sejarah umat Melayu tauhid jugalah yang telah memberikan mereka dinamika jiwa merdeka, pembebasan dari jiwa hamba dalam tradisi feudalisme Melayu-Hindu. Revolusi tauhidik bawaan Islam ke

rantau ini telah menciptakan Melayu baru yang dengan jiwa merdekanya telah menurunkan raja-raja dari alam kedewaan (konsep devaraja) untuk dimanusiakan dan ditundukkan kepada hukum Tuhan, lalu berlakulah transformasi daulat raja kepada daulat hukum - raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah. Jiwa tauhid jugalah yang telah menciptakan umat Melayu baru yang kaya dengan daya juang. Bangsa yang tadinya layu dalam jiwa hamba dan lesu dalam mentaliti "mentimum digolek luka, menggolek luka", setelah menjalani indoktrinasi jihad telah muncul sebagai umat mujahid pencipta sejarah mempelopori penentangan bersenjata terhadap kemaraan kuasa Barat (Portugis) seawal abad 16. Rekod kepeloporan Melayu-Muslim ini telah dicatat dalam sejarah sebagai "*one of the earliest and bloodiest Muslim struggle against the West ...*"

Sementara itu fenomena merosotnya nilai juang dan pupusnya idealisme dalam Umno masih tidak ditemui jalan penyelesaiannya. Pemimpin tertinggi Umno sentiasa mengulangi nostalgia lama, yang mana ahli-ahli Umno ketika itu menolak daripada dicalonkan sebagai pemimpin. Menurut Mahathir, ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Wisma Dewan Perniagaan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, semasa beliau baru memasuki Umno pada tahun 1946, semua ahli tidak mahu memegang jawatan kerana merasa diri tidak layak. "Hendak pujuk orang untuk masuk Umno pun susah, pegang jawatan lagi susah. Tapi sekarang ini berebut-rebut, keluar duit dan sebagainya," kata Mahathir. Bekas Setiausaha Agung Umno, Mustafa Jabar berkata: "Pada masa itu, hampir semua orang enggan memegang sebarang jawa-

tan, apa lagi bertanding dengan kawan kerana tidak mahu menyakitkan hati orang lain. Mereka terpaksa dipujuk atau dipaksa memegang jawatan. Tetapi keadaan telah berubah sekarang."

Mesyuarat Umno juga dicemari dengan insiden-insiden ganas dan memalukan. Berucap merasmikan persidangan Umno Kubang Pasu, 14 September, Mahathir berkata: "Dulu kita kata MIC saja... dulu mesyuarat MIC kerusi kena ikat di lantai, kena paku di lantai. Sekarang mesyuarat Umno kita kena paku kerusi di lantai kerana kalau tidak kerusi pun terban ... gelas pun terbang... semua terbang. Kita tak pandai dalam bidang membuat kapal terbang, tapi kalau kerusi terbang kita boleh buat bila-bila masa saja." Anwar telah mengenal pasti beberapa salah laku utama semasa berkempen: "Dalam penyalahgunaan kedudukan sebagai pemimpin di peringkat bahagian dan cawangan, mereka yang terlibat telah menafikan hak ahli untuk menghadiri mesyuarat, menafikan hak cawangan mengadakan mesyuarat, sengaja menangguhkan mesyuarat cawangan dan tidak menerima yuran ahli." Mengenai penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin Umno dalam jabatan dan agensi kerajaan, "ini termasuklah mengugut, menukar atau mengambil tindakan terhadap pegawai yang tidak menyokong mereka."

Melalui kolumn Forum Hujung Minggu, *Utusan Malaysia*, 7 Oktober 1995, Baiza Shahurain, Timbalan Penggerusi Tetap Umno Ampang Jaya meluahkan keluhan hatinya. Tulisannya cukup menarik (tahniah!) dan perlu diberi perhatian: "Pada akhir-akhir ini kita lihat senario yang mencemaskan dan semakin membimbangkan

kerana didapati kewujudan cawangan-cawangan Umno bukan berlandaskan kepada agenda utama, tetapi menjadi landasan yang lebih bermirip kepada kepentingan peribadi seperti mendapat lot kepada setinggan atau gerai Majlis Perbandaran ataupun rumah murah kerajaan mahupun lesen-lesen niaga yang boleh didapati daripada agensi-agensi kerajaan dan lain-lain kemudahan ekonomi seperti saham mewah. Ini berlaku di dalam mesyuarat-mesyuarat cawangan Umno tidak kira sama ada dalam bandar atau di luar bandar. Bentuk-bentuk pengagihan kemudahan ekonomi ini diputar belit sehingga muncul di kalangan ahli mempunyai pendapatan yang besar dan mereka berlagak mewah dan angkuh sehingga tidak menghiraukan had batasan dan menjadi tamak haloba. Dengan adanya kemewahan ini, mereka cuba mempengaruhi rakan supaya memantapkan lagi kedudukan mereka yang ketinggalan hanya menjadi suruhan pemimpin.

"Mereka inilah yang berlepak di hotel-hotel mewah, warung-warung sehingga larut malam membuat strategi caci-mencaci, fitnah-memfitnah, surat layang serta ugut-mengugut demi kepentingan kedudukan pemimpin mereka. Perbincangan mereka bukan berputar kepada isu-isu negara, bangsa dan agama, tetapi kepada perkara-perkara remeh seperti merebut kontrak, mendapat lesen, mencadang projek-projek mewah seolah-olah Umno ini menjadi saluran lobi peluang-peluang ekonomi seperti dewan perniagaan dan persatuan. Inilah yang menjadi gejala politik wang dalam parti, kerana sekiranya mendapat jawatan dalam parti, peluang menjadi orang kaya lebih cerah dan boleh pula

melaram dengan kereta mewah dan berbini bintang filem."

Sesungguhnya peringatan Musa Hitam kepada Pemuda-pemuda Umno, yang ketika itu (September 1995) diketuai Anwar, kini telah menjadi kenyataan: "Terserah kepada saudara untuk mencorakkan suasana dan menggerakkan zaman perjuangan Umno di masa akan datang. Kalau hari ini sebilangan besar saudara berjuang dengan lagak mewah ala-elitis, maka akan terbentuklah satu parti Umno yang berimej mewah dan terpisah dari rakyat jelata dan sebilangan besar penyokong-penyokong Umno di luar bandar di masa akan datang. Kalau hari saudara mengambil satu tekad untuk perjuangan secara korup, maka akan lahirlah pemimpin yang rasuah dan Umno yang rasuah coraknya di masa akan datang. Kalau hari ini saudara memilih corak perjuangan ala-askar upahan, maka akan lahirlah pemimpin ala-askar upahan di mana komitmen dan kesetiaan perjuangannya adalah kepada orang yang mampu menawarkan ganjaran, upahan yang paling mahal, bukan komitmen kepada Umno, bangsa Melayu ataupun rakyat jelata seluruhnya. Dalam menegakkan keadilan sosial dan menumpaskan rasuah, jangan sekali-kali kita berusaha menudung bangkai gajah. Jangan kita berbuat sesuatu yang merugikan umpama dagang lalu ditanakkan, kera di hutan disusukan, sedangkan anak di rumah mati kelaparan."

Umno tetap parti orang kampung, parti yang mendapat teraju kekuasaan berdasarkan sokongan masyarakat desa. Malangnya pemimpin Umno seperti mengalpakan pengundi-pengundi dari kampung dan hulu

pendalam yang memahkotakan mereka. Ahli-ahli Umno bekerja keras memastikan pemimpin mereka menang dalam pilihan raya umum, sanggup berjaga malam merentangkan poster, sanggup bertegang urat menegakkan "benang basah" dengan penyokong-penyokong pembangkang. Benar, mereka diberikan sedikit sagu hati, ataupun di setengah tempat diupah secara semi profesional, tetapi secara keseluruhan, selepas pilihan raya berlalu, mereka kembali dilupakan. Tiada perancangan serius untuk memajukan penduduk kampung tradisional dan golongan nelayan. Mereka terbiar, terpinggir dan memendam rasa melihat barang-barang keperluan naik sedangkan kadar inflasi dilaporkan stabil. Beban yang ditanggung untuk menyara persekolahan anak-anak semakin meningkat, sementara mereka mendengar tahu universiti pula akan dikorporatkan. Mereka bertungkus lumus mempertahankan nama baik pemimpin mereka tetapi mereka juga diberitahu bahawa anak-anak pemimpin kanan Umno, yang belum pun mengisi borang Umno, mendapat keuntungan sekelip mata bernilai puluhan juta ringgit daripada pemberian saham secara mudah. Pilunya hati mengenangkan anak-anak Mahathir, saudara-mara Siti Hasmah adik-beradik dan sahabat karib Anwar Ibrahim, kenalan rapat Daim Zainuddin, dan mengekor kemudiannya senarai anak beranak dan suku-sakat menteri-menteri membolot harta kekayaan bukannya kerana mereka usahawan tulen yang bekerja keras membina kejayaan tetapi hanya disebabkan dalam tubuh mereka mengalir darah yang sama dengan pemimpin utama Umno.

# 8

---

## **POLITIK ANWARISME DALAM UMNO**

**S**ejak saya bertugas sebagai Ketua Pemberita dan Pengarang Rencana Akhbar Watan (Watan semasa di bawah Karangkraf Sdn Bhd) beberapa teman rapat meminta saya menulis mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim atau orang-orangnya. Tetapi saya enggan; mungkin belum sampai serunya.

Seorang rakan, penulis buku politik yang kontroversi, juga pernah mengajak saya turut sama menyumbangkan idea dalam beberapa siri buku politiknya, pun saya masih terus menolak. Barangkali belum mendapat ilham.

Satu jawapan yang sering saya berikan kepada mereka adalah: saya kenal Anwar sepetimana orang awam lain mengenali beliau. Sepetimana juga saya kenal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Nelson Mandela, Bill Clinton, Saddam Hussein mahupun Erra Fazira, Ziana Zain, Amy Mastura atau Drs Sudjari Dahlan, Amat Juhari Moin, GN Jalbani dan Dr Ali Mohamad Hassan. Tetapi yang pastinya, mereka tidak mengenali saya!

Orang-orang Anwar? Ramai yang saya kenal. Sama ada mereka benar-benar orang Anwar atau sebaliknya tidak pasti, tetapi pengakuan itu sudah mencukupi. Begitu juga saya bertemu dengan sesetengah dengan sese-tengah pemimpin Umno dan beberapa pertubuhan bukan politik. Masing-masing mendakwa mereka lah yang menaikkan Anwar hingga ke tahap sekarang. Seorang timbalan menteri pernah memberitahu, dia lah yang bertungkus lumus untuk menaikkan Anwar di dalam pergerakan Pemuda Umno satu ketika dahulu bagi menentang Dato' Suhaimi Kamaruddin. Bekas seorang pemimpin negeri pula memberitahu, belia ualah yang mempengaruhi menteri-menteri besar supaya memilih Anwar untuk menggantikan Tun Ghafar Baba. Seorang bekas pengurus bank pernah memberitahu, dia lah yang bekerja kuat di setiap negeri untuk mem-pastikan Anwar menang kerusi Naib Presiden walaupun baru pertama kali mencuba nasib. Semuanya mahu men-catatkan nama bahawa mereka lah yang berjuang untuk menaikkan pemimpin nombor dua sekarang.

Sekitar tahun 1988, saya pernah menemuramah pemimpin nombor dua dari salah sebuah parti pembang-kang di negara ini. Dalam perbualannya secara *off record*,

dia memberitahu bahawa dirinya boleh menyaingi semua pemimpin-pemimpin Umno melainkan dua orang. Pertama Dr Mahathir dan kedua adalah Anwar (ketika itu Anwar adalah Naib Presiden Umno).

"Kenapa Anwar, sedangkan *you* lebih lama dalam politik dan karisma *you* dulu pernah disebut-sebut ahli Umno," saya menyoal.

"Tak macam pemimpin Umno atau menteri yang lain, pukul 8.00 pagi pergi pejabat, 4.30 petang balik ke rumah atau berehat di kelab eksekutif atau bermain golf. *But not him* (Anwar). Dia bekerja 24 jam untuk karier politiknya," kata tokoh tersebut pada ketika itu.

Memang saya akui hal ini. Pernah beberapa kali saya mengekori Anwar untuk membuat liputan berita di beberapa buah negeri. Sewaktu mengadakan lawatan ke Kedah pada tahun 1992 dahulu, Anwar berucap sebanyak lima kali tanpa teks dalam tempoh sehari dengan *audien* dan isi ucapan yang berbeza. Walaupun saya sering mengikuti beberapa siri ucapan pemimpin-pemimpin Umno tetapi belum ada yang menandingi beliau dalam berkempen atau berucap. Paling kuat pun orang lain bersyarah dua kali dan itu pun dengan nada dan isi ucapan yang sama, atau membaca teks ucapan yang sudah disediakan.

Begitu juga dengan cara berjalan dan bentuk fizikalnya. Saya pernah berbual dengan salah seorang wakil rakyat yang bekerja dengan beliau satu ketika dahulu. Kata beliau, antara nasihat Anwar semasa dirinya menjakkan kaki buat kali pertama di kementerian adalah "kuruskan badan". Beliau pun kehairanan dan boleh dikatakan setiap petang dirinya pergi ke *gym* supaya ba-

dannya kelihatan kurus. Akhirnya, selepas berat badannya turun dia baru tahu nikmatnya. Antaranya dapat bekerja dengan pantas.

Dalam peristiwa lain, semasa saya menemuramah salah seorang pemimpin kesatuan sekerja kerajaan, beliau memberitahu antara memorendum kenaikan gaji yang akan dihantar oleh mereka adalah kepada Perdana Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan, ketika itu Anwar.

“Apa kena mengena kenaikan gaji dengan Anwar?” soalan saya.

“Walaupun lain kementerian tetapi dia cukup perihatin dan cepat mengambil tindakan,” jawab pemimpin kesatuan itu.

Begitu kuatnya arus Anwarisme. Walaupun ramai juga yang mengutuk beliau tetapi dari sudut positifnya dia sememangnya diakui hebat dan karismatik, iaitu nombor dua selepas Dr Mahathir.

Ada juga orang bertanya kepada saya mengenai pegawai-pegawai Anwar. Adakah baik, atau bekerja keras seperti Anwar mahupun sebaliknya. Yang ini saya tidak berani komen melainkan YB Salamon Selamat. Saya hanya berani berkata, pergi sendiri dan tulalah jawapannya.

Saya tidak selesa untuk mengandai atau mentafsir gelagat seseorang pemimpin walaupun hampir 12 tahun berkecimpung sepenuh masa dengan akhbar politik. Melihat kepada keputusan bahagian-bahagian yang baru selesai dan tewasnya tokoh-tokoh politik seperti Tun Ghafar Baba, Tun Daim Zainuddin dan Dato' Seri Sanusi Junid ada tafsiran yang cuba mengaitkan bakal berla-

kunya pertembungan antara Dr Mahathir dan Anwar pada 1996 kelak. Para juak-juak politiuk sudah sibuk membuat pelbagai tafsiran yang kononnya pemilihan Majlis Tertinggi Umno 1996 sengit. Lebih sengit daripada 1987.

Barangkali sudah letih Dr Mahathir dan Anwar menepis khabar-khabar angin ini. Apatah lagi jawapan antara kedua-dua mereka mengenai Daim dan Sanusi amat berbeza. Dr Mahathir menyebut ahli-ahli Umno di Merbok dan Langkawi sudah tidak mendengar kata-katanya lagi sementara Anwar menyebut ia terpulang kepada perwakilan. Apa yang saya tahu, kenyataan Anwar yang pertama mengenai Daim dan Sanusi dan tertera di akhbar-akhbar adalah isihatinya yang sebenar. Kenyataannya yang kemudian barulah ia mengikut adab selepas mendengar kenyataan Dr Mahathir.

Dalam kenyataannya kepada akhbar Anwar berulangkali menegaskan bahawa dia tidak akan menentang Dr Mahathir. Malahan sebelum itu Dr Mahathir meminta supaya tidak ada pertandingan antara Presiden dan Timbalan Presiden pada 1996.

Semasa berucap merasmikan mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Tampin pada 23 September 1995, Anwar menyebut kononnya beliau akan bertanding merebut jawatan Presiden Umno dalam perhimpunan agung parti tahun depan.

Menurutnya, desas-desus kononnya beliau akan bertanding jawatan itu hanya ditimbulkan oleh pihak tertebntu yang cuba melaga-lagakan beliau dengan Dr Mahathir.

“Saya tidak pernah membicarakan soal ini dan tidak pernah melayani perbincangan mengenainya kerana pendirian saya menyokong padu kepimpinan Dr Mahathir tidak berbelah bagi.

“Keputusan saya tidak bertanding jawatan presiden parti sudah berulang kali ditegaskan tetapi maklumlah tukang karut ini (walaupun) dia tahu tapi dia cerita juga.”

Begitulah pendirian tegas Anwar yang kita kagumi. Dalam pertandingan 1993 dulu, dalam kenyataan akhbarannya Anwar juga melahirkan hasrat tidak mahu bertanding menentang Ghafar. Pada peringkat awalnya kenyataannya juga berulangkali ditegaskan. Bagaimanapun akhirnya beliau mengambil tindakan drastik untuk menentang kerusi nombor dua ini selepas arus baru begitu kuat mendesak.

Sekitar Jun 1994, saya mengadakan temurumah dengan Pak Ghafar di rumahnya di Bangsar untuk wawancara bagi majalah *Dunia Islam* (wawancara itu disiarkan pada Julai 1994). Kami berbual-bual dalam tempoh hampir satu jam yang meliputi pelbagai sudut. Kemudian saya bertanya mengenai Anwar dalam keadaan penuh berhati-hati.

Ghafar menjawab: “Saya fikir pada mulanya tiada pertandingan sebab Anwar sendiri datang ke pejabat saya mengatakan tidak akan bertanding menentang saya, jadi saya fikir tidak bertandinglah dan tidak berbuat persiapan apa-apa ....”

# 9

---

## MENGAPA PEMIMPIN ASIA\* SUKAR MELEPASKAN JAWATAN

**S**ungguh malang nasib Roh Tae Woo, Presiden Korea Selatan dari tahun 1988 hingga 1993. Harapannya untuk menikmati zaman persaraannya dengan aman - dan memanfaatkan "dana rahsia" yang berjumlah AS\$667 juta (RM1.67 bilion) tanpa penelitian umum - tampaknya akan hancur berderai. Meskipun dia telah menyatakan rasa kesalnya dan menitiskan air mata dalam siaran siaran televisyen kebangsaan, sebahagian besar rakyat Korea Selatan tampaknya belum sedia untuk memaafkannya.

Presiden Korea Selatan yang mengambil alih

jawatan daripada Roh - Kom Young Sam - mungkin lebih berminat untuk menutup saja perkara itu, kerana kempen beliau sendiri dikatakan telah memperoleh sumbangan daripada dana tersebut. Namun tuntutan bersungguh-sungguh daripada para pelajar radikal dan pihak pembangkang mungkin akan menyebabkan sebarang usaha menutup perkara tersebut akan menjaskan kredibiliti beliau sendiri pula.

Satu lagi pihak yang tampak berpesta besar dengan pendedahan dana rahsia Roh Tae Woo ini ialah pihak media Barat. Bukannya sering pemimpin yang sudah tidak berkuasa lagi berkesempatan menjadi hiasan kulit majalah *Newsweek* atau menjadi bahan tajuk rencana pengarang *Asian Wall Street Journal*; dan hampir dalam setiap akhbar dan majalah penting lainnya di Barat, Roh Tae Woo tampaknya menjadi bahan panas.

Dalam hubungan ini, saya kira penjelasan yang sering digunakan oleh pemimpin kita - bahawa media asing itu bersikap dengki dan iri hati - ternyata tidak dapat digunakan. Apakah perlunya media asing itu bersikap iri hati terhadap seorang pemimpin yang tidak lagi berkuasa? Saya kira, peristiwa dana rahsia Roh Tae Woo ini merupakan satu lagi bukti yang selesa bagi andaian (dan mungkin juga prasangka) media Barat itu tentang ciri-ciri kepimpinan politik beberapa masyarakat lain, terutamanya masyarakat-masyarakat Asia.

Telah sering benar kita mendengar andaian bahawa para pemimpin Asia bersifat kuku besi, menggunakan kuasa politik untuk kekayaan peribadi, keluarga dan rakan-rakan rapat, biasanya cenderung untuk bersikap dinastik, yakni sukar melepaskan jawatan selagi jawatan

itu tidak dapat dilepaskan kepada anggota keluarga (terutamanya anak) atau seseorang anak didik politik yang dapat dipercayai dan tidak akan mendedahkan penyelewengan dan pengumpulan harta yang telah dilakukannya sewaktu berkuasa.

Akan tetapi teori dan andaian tentang ciri-ciri kepimpinan politik Asia seperti ini tidaklah mudah dibuktikan. Kuasa para pemimpin yang terlibat itu sering digunakan untuk menyembunyikan dan melindunginya. Hanya bila terdapat pendedahan tentang penyelewengan beberapa bekas pemimpin - seperti Marcos di Filipina - maka dapatlah "bukti-bukti" bagi andaian-andaian tersebut dikemukakan dengan sejelas-jelasnya.

Dalam hubungan dengan dana rahsia Roh ini, salah satu penjelasan yang telah dikemukakan ialah bahawa sistem pemerintahan kebanyakan negara Asia merupakan sistem demokrasi tidak atau belum stabil, yang perlu ditangani dengan pemerintahan kuku besi yang amat besar risikonya.

Seperti yang dinyatakan sendiri oleh Roh dalam pengakuannya, dalam sistem yang demikian banyak wang diperlukan untuk mengamankan pelbagai pihak, demi kestabilan pemerintahan. Menurut Roh lagi, dia sekadar melaksanakan suatu kebiasaan politik Korea dengan menerima sumbangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

Dalam proses mengumpulkan sumber dana yang diperlukan demi kestabilan pemerintahan ini, biasanya terdapatlah "lebihan" yang dapat pula dimanfaatkan demi membiayai gaya hidup di pemimpin itu, terutamanya gaya hidupnya selepas bersara - yakni gaya hidup

seorang rakyat biasa yang masih lagi memerlukan rumah besar, pengawal peribadi dan pagar keselamatan yang canggih - yang ketika itu tidak lagi disediakan oleh negara.

Dalam proses pengumpulan dana untuk manfaat peribadi ini, pemimpin Asia dikatakan sering menggunakan khidmat para *associate* perdagangan peribadi yang dapat dipercayai sebagai lokasi untuk menempatkan dana tersebut, dan lebih-lebih lagi untuk menggerakkannya supaya kelihatan sebagai kegiatan perdagangan yang bukan sahaja kelihatan sah, malah benar-benar mendapatkan keuntungan. Roh sendiri memang mengakui bahawa beliau telah menggunakan dana yang diperolehnya sewaktu berkuasa.

Dalam beberapa negara Asian para pemimpinnya dikatakan lebih beruntung, kerana dapat menggunakan anggota keluarga (terutamanya anak-anak sendiri) sebagai tempat melabuhkan dana yang sedemikian. Dana besar yang dikuasai negara biasanya dipindahkan kepada para anggota keluarga itu melalui transaksi perdagangan yang pada permukaannya kelihatan sah.

Secara kebetulan, sewaktu persoalan dana rahsia Roh ini heboh diperkatakan Presiden Suharto dari Indonesia dikatakan telah memutuskan bahawa beliau sekali lagi akan "menggantikan dirinya sendiri" pada tahun 1998. *AWSJ* tampaknya melihat hubungan antara dua peristiwa itu. Masalah yang dihadapi Roh dikatakan telah menimbulkan rasa khuatir Suharto bahawa "pemilikan perniagaan anak-anak dan teman-temannya yang begitu besar akan dijadikan sasaran apabila dia meletakkan jawatannya kelak" (*ASWJ*, 1 November 1995).

Oleh yang demikian, fenomena para pemimpin Asia terus menerus berkuasa dan enggan melepaskan jawatan ini sering dianalisis. Para pemimpin Asia dikatakan enggan melepaskan jawatannya selagi rancangan pengumpulan harta peribadinya belum selesai, dan kalau sekalipun rancangan itu selesai dia tidak akan meletakkan jawatan selagi belum ada jaminan bahawa rahsianya tidak akan dibongkar setelah dia tidak lagi berkuasa kelak. Bagi para pemimpin yang mempunyai anak yang berbakat politik, terdapat kecenderungan di Asia untuk membina dinasti (yakni menurunkan kuasa kepada anak). Bagi yang tidak, langkah yang paling selamat ialah menurunkan kuasa kepada "anak didik" politik yang dapat dipercayai.

Roh tampaknya memang berusaha melepaskan kuasa kepada seseorang yang diharapkannya dapat dipercayai. Sebahagian daripada dana rahsianya itu kononnya telah membantu membiayai kempen pilihan raya Presiden calon-calon seperti Kim Dae Jung dan Kim Youg Sam, Presiden sekarang yang mengambil alih daripada Roh.

Kedua-dua pemimpin itu tampaknya sudah mengakui hakikat tersebut. Namun dalam sebuah sistem pemerintahan yang sudah mulai terbuka, pendedahan oleh pihak tertentu, tampaknya tidak berdaya dihalang meskipun oleh Presiden Kim sendiri. Yang menariknya, Roh sendiri telah ditetapkan tempatnya dalam sejarah sebagai pemimpin yang menjambatani zaman silam pemerintahan oleh para jeneral yang bersifat kuku besi dengan sistem pemerintahan yang lebih demokratis dan lebih terbuka.

Salah satu “hubungan” yang sukar diperjelaskan ialah hubungan antara pemimpin yang bersifat *otoriter*, sistem pemerintahan yang tidak stabil dan pembangunan ekonomi yang pesat di kebanyakan negara-negara Asia sejak akhir-akhir ini. Jika untuk melaksanakan pemerintahannya, para pemimpin Asia itu semacam perlu melaksanakan pemerintahan yang korupsi, penuh dengan unsur-unsur *cronyismenf, favouritisme* dan *nepotisme*, maka bagaimakah mungkin pertumbuhan ekonomi yang hampir mencapai taraf “keajaiban” tercapai di negara-negara tersebut?

Roh dan beberapa jeneral sebelumnya dianggap oleh media Berat sebagai *presided over a boom*; Suharto dikatakan mengambil alih sebuah negara yang kucakir politiknya lalu menjadikannya sebuah *fast grower*. Dan kisah ini berlaku berulang kali di beberapa negara Asia lainnya. Malah biasanya para pemimpin Asia menggunakan pertumbuhan ekonomi tersebut sebagai bukti untuk menafikan andaian tentang sifat korupsi mereka: Bagaimakah mungkin pemerintahan yang korupsi menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan?

Kesimpulan saya terhadap jawapan para pengalisis media Barat itu adalah kira-kira seperti berikut: Korupsi dengan sendiri tidak semestinya merupakan penghalang terhadap pertumbuhan ekonomi, malah dalam banyak situasi korupsi dapat menjadi pemangkin. Proses birokrasi dan membuat keputusan serta insiatif boleh dipercepat oleh korupsi dan kepentingan diri si pemimpin. Namun korupsi membahayakan masyarakat hanya dari segi jangka panjangnya, yakni bila kita

memperkatakan *the economic and moral costs of institutionalised corruption* (mudarat ekonomi dan moral korupsi yang telah terlembaga).

Kita mungkin tidak boleh menerima begitu sahaja andaian media Barat tersebut tentang ciri-ciri kepimpinan politik di Asia. Lebih-lebih lagi, andaian tersebut memang sukar dibuktikan terhadap para pemimpin yang masih berkuasa. Namun, bukti-bukti yang sekali sekala timbul daripada para pemimpin yang sudah hilang kuasanya seperti Roh itu seharusnya menjadikan kita lebih waspada dan lebih prihatin, menyebabkan kita lebih mengharapkan sistem pemerintahan yang lebih demokratis dan lebih terbuka sebagai gandingan pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan di Asia.

**BACAAN TAMBAHAN  
YANG DICADANGKAN**

# 10

---

## MENJUAL CARA MAHATHIR

**B**arangan pertama yang saya jual ialah langgan-  
nan akhbar, ketika itu saya berusia lapan tahun. Saya  
terpikat kepada penjualan dan telah melakukannya  
semenjak itu. Saya sentiasa berminat mempelajari cara  
untuk melakukannya dengan lebih berkesan. Kerana  
itulah saya amat sayangkan kerja saya. Ia memberi saya  
peluang mengkaji jurujual-jurujual terbaik di dunia dan  
berkongsi mengenainya dengan orang lain (dan  
mendapat beberapa ringgit dalam proses itu!)

Sebahagian jurujual terbaik itu bukanlah "jurujual"  
*per se*. Mereka tidak menuliskan "jualan" pada kad

perniagaan mereka tetapi sebahagian mereka boleh mengajar kita tentang cara menjual.

Emak saya pandai menjual. Dia menjual kepada saya nilai komitmen dalam perkahwinan. Isteri saya seorang jurujual dan merupakan antara yang terbaik. Dia menjual kepada anak-anak kami nilai-nilai yang berharga bagi kami. Anak lelaki sulung saya, Corey seorang jurujual yang handal. Dia selalu "menjual" kepada adiknya untuk melakukan sesuatu untuknya. Trevor, anak saya yang berusia empat tahun, jurujual yang terhandal. Dia nampaknya "tidak pernah" mendengar perkataan "tidak".

Ahli-ahli politik Kanada secara peribadi memberitahu saya mengenai kemahiran Dr Mahathir menjual. Orang di serata dunia menganggap beliau sebagai salah seorang pemimpin paling terkemuka di dunia pada hari ini. Saya terserempak dengan kawan saya, Dr Ken Blanchard (pengarang *The One Minute Manager*) di Lapangan Terbang Taiwan, dia baru sahaja bertemu Dr Mahathir. Dia tidak putus-putus menyatakan kekaguman dia dan isterinya dengan Dr Mahathir. Mereka berbangga dapat berjumpa beliau dan mendapat banyak pengajaran daripadanya. Sungguhpun beliau mungkin tidak menganggap dirinya seorang jurujual, Perdana Menteri Malaysia itu seorang daripada jurujual hebat yang pernah saya kaji. Biasanya ahli-ahli politik bukanlah golongan kegemaran saya. Kakak saya seorang ahli politik yang terkemuka di Kanada dan seorang daripada sebilangan kecil ahli politik yang saya sukai, Dr Mahathir antaranya. Kita boleh belajar cara menjual yang lebih berkesan dengan mencontohnya.

Walaupun saya belum berpeluang menemuinya, mudah sekali dilihat yang Dr Mahathir berpegang kepada nilai-nilai dan prinsip yang teguh. Saya tidak begitu berminat dengan politik sebagaimana minat untuk belajar daripada pakar jurujual ini bagaimana saya boleh menjual dengan lebih baik.

Jika anda ingin menguasai sesuatu kemahiran, anda perlu mencontohi seorang pakar. Menggunakan namanya sebagai akronim, saya telah menimbulkan beberapa ciri penting yang saya perhatikan ada pada Dr Mahathir. Kualiti-kualitinya yang mengagumkan bukan setakat terhad kepada senarai itu, menggabungkan tabiat-tabiat ini akan membantu seseorang menjual dengan lebih berkesan.

- M - *Mission-oriented* (berorientasikan misi)
- A - *Achievers attitude* (sikap seorang berjaya)
- H - *Heart* (hati)
- A - *Advertise* (Mengiklankan)
- T - *Tenacity* (ketabahan)
- H - *Healthy lifestyle* (gaya hidup sihat)
- I - *Integrity* (integriti)
- R - *Results* (hasil)

### **Mahathir: Berorientasikan Misi**

Tanyalah sesiapa di Malaysia, Asia bahkan di mana-mana sekalipun jika mereka ragu-ragu sama ada Dr Mahathir sedang melaksanakan misi. Anda tahu apa jawapan mereka. Saya jarang sekali melihat sesiapapun yang mempunyai dorongan yang lebih kuat untuk hidup dan mempengaruhi orang lain ke arah misinya daripada doktor ini.

Anda boleh tahu bila seseorang itu sedang melaksanakan misi. Ia mungkin untuk mengubah dunia seperti Dr Mahathir ataupun hanya mengubah kedudukan terendah dalam sesebuah syarikat. Namun ada suatu kelebihan pada orang yang didorong untuk mencapai sesuatu yang lebih penting daripada wang atau kemegahan diri.

Mengapa seseorang jurujual perlu berorientasikan misi? Menjadi seorang yang berorientasikan misi akan:

- Membantu anda terus berusaha ketika anda berasa mahu berhenti;
- Menghalang anda mengkompromikan nilai-nilai penting;
- Membolehkan orang lain mempercayai anda;
- Menunjukkan kepada orang lain bahawa misi jauh lebih penting daripada jawatan.

Dr Mahathir kelihatannya melakukan lebih banyak perkara dalam sehari berbanding dengan hampir semua orang yang saya kenali. Bagaimana beliau melakukan perkara sebanyak itu?

Saya percaya Wawasan 2020 beliau ada kaitannya. Saya tidak pernah melihat seorang pemimpin politik berusaha keras untuk menyatukan sebuah negara kepada satu misi. Apabila seseorang pemimpin tahu ke mana arahnya (seperti Dr Mahathir), yang lain akan mengikut dengan rela hati.

Ini beberapa soalan yang boleh anda tanyakan untuk menentukan tahap misi anda.

- Kenapa saya patut jual apa yang saya jual?
- Adakah ada kelebihan lain selain wangnya?

- Apakah faedah atau keuntungan yang saya bawa untuk syarikat, masyarakat atau industri?
- Apakah matlamat yang lebih besar dalam jualan saya?
- Apa yang boleh saya lakukan untuk menjadi orang yang lebih berorientasikan misi?

### **Mahathir: Sikap seorang berjaya**

Adakah Dr Mahathir berasa kecewa? Adakah beliau kadangkala berfikiran negatif? Adakah beliau pernah hilang sabar? Saya yakin beliau pernah mengalaminya dan mungkin merupakan orang pertama mengakuinya.

Apa yang memisahkan beliau ialah beliau sentiasa pulih cepat (*bounce back*) daripada cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapinya setiap hari. Saya rasa wawasannya ada kaitan dalam perkara ini juga!

Anda boleh menumpukan kepada halangan dalam kehidupan jualan anda atau menumpukan kepada penyelesaiannya. Dr Mahathir kelihatan memaparkan satu sikap kejayaan. Sebagai Perdana Menteri, beban yang dirasainya dalam menerajui negara ini amat berat.

Anda fikir anda ada masalah? Inginkah anda mengendalikan apa yang dikendalikan oleh beliau setiap hari? Bagaimanakah nasib anda? Adakah anda ...

- Melihat masalah atau peluangnya?
- Berhenti atau meneruskan sehingga anda berjaya?
- Menumpukan kepada halangan atau penyelesaian?
- Melihat yang terburuk dalam sesuatu keadaan atau yang terbaik?

Jeneral George Patton pernah menyatakan, "jika kamu akan memenangi sebarang peperangan, kamu mesti pastikan yang fikiran menguasai badan, jangan badan menguasai fikiran." Jika anda dalam bidang jualan, anda dalam peperangan. Anda memerangi aturan lama yang cuba memastikan anda tidak berapa baik. Sikap lama anda berperang dengan matlamat dan keinginan baru. Mengubah asas cara jualan adalah satu peperangan.

"Halangan ialah apa yang anda lihat apabila anda mengalihkan penglihatan daripada matlamat anda." - pengarang yang tidak diketahui.

### **Mahathir: Hati**

"Berapa bayaran yang anda kenakan kepada kami?" Jerit seorang prospek saya baru-baru ini. Saya baru sahaja menyatakan bayaran kami untuk satu bayaran. Dia tidak boleh percaya berapa bayaran yang kami kenakan untuk bercakap selama 90 minit.

Saya tidak teragak-agak untuk berkongsi bayaran itu kerana saya memang bersungguh-sungguh dalam apa yang saya lakukan. Saya benar-benar percaya mereka mendapat tawaran yang baik. Hati saya menyokong apa yang saya lakukan, oleh itu saya tidak mempunyai masalah untuk mengenakan bayaran yang saya fikir patut. Setelah rasa terkejutnya reda dan selepas berfikir buat seketika, dia memutuskan untuk mengambil saya untuk syarahan tersebut. (Wanita bijak!)

Anda boleh menjual dengan lebih meyakinkan jika hati anda turut serta. Sebabnya Dr Mahathir itu seorang jurujual yang handal ialah kerana hatinya menyokong misinya. Anda tentunya buta jika tidak dapat melihat

betapa lelaki ini sayangkan Malaysia. Jika anda akan mengaut keuntungan yang banyak dalam jualan, anda harus percaya sepenuh hati terhadap apa yang anda jual.

### Mahathir: Mengiklan

"Binalah perangkap tikus yang lebih baik dan seluruh dunia akan berebut-rebut ke pintu depan anda." Begitu bunyi ungkapan yang terkenal.

Tetapi saya ada satu masalah dengannya. Melainkan anda mengiklan, mereka tidak akan berebut-rebut ke pintu depan anda. Jika anda dalam bidang jualan, anda mesti memikirkan apa yang anda jual. Saya tidak ber maksud kempen iklan besar-besaran yang bernilai berjuta-juta dolar. Apa yang saya syorkan ialah meletakkan diri anda dalam pasaran.

Melainkan orang tahu siapa anda, apa yang anda buat dan bagaimana mereka boleh mendapat manfaat menerusi hubungan dengan anda, "mereka tidak berebut-rebut ke pintu depan anda". (Bahkan, mereka mungkin tidak tahu anda mempunyai pintu depan!)

Menjadi Perdana Menteri sebuah negara yang pesat membangun membantu sedikit apabila tiba kepada pengiklanan tetapi kita semua boleh belajar beberapa perkara apabila tiba kepada nilai mempromosikan apa yang anda buat.

Dalam model jualan lama, anda menjual satu lawan satu, dan itu sahaja. Mengikut cara jualan baru, lebih produktif untuk melipatgandakan usaha anda menerusi apa juar bentuk iklan. Pengiklanan, yang boleh jadi per cuma atau murah harganya boleh melakukan beberapa perkara untuk anda. Ia boleh:

- Menyebabkan orang yang terpengaruh membeli apa yang anda jual menonjolkan diri mereka.
- Membantu anda berhubung dengan lebih ramai orang.
- Menghasilkan peluang.
- Meningkat imej anda sebagai seorang pakar, seorang yang berjaya, seorang profesional dan seorang jaguh.
- Membantu membezakan anda daripada orang lain yang menjual apa yang anda jual

### **Mahathir: Ketabahan**

Kamus Oxford Amerika menyatakan keazaman (*tenacity*) ialah “berpegang atau berpaut teguh kepada sesuatu”. Satu daripada ciri-ciri jurujual hebat ialah keupayaan meneruskan sesuatu apabila semua orang telah berputus asa dan kembali ke rumah. Mempunyai satu misi menyebabkan anda memiliki sikap seorang berjaya yang terserlah pada hati dan ini membolehkan anda terus berusaha.

Dalam cara yang positif, Perdana Menteri Malaysia terlalu memikirkan matlamat-matlamatnya. Beliau benar-benar yang (dan saya juga) bahawa Wawasan 2020 ialah apa yang diperlukan oleh negara ini untuk menonjolkan dirinya untuk generasi akan datang. Menjual Malaysia sesuatu yang mesti dilakukan oleh Malaysia. Beliau terdorong untuk meneruskannya kerana wawasan yang ada padanya.

Bagaimana pula anda? Adakah anda tabah? Adakah anda mudah patah semangat? Adakah anda melihat

faedah melakukan beberapa panggilan lagi? Adakah anda berusaha bersungguh-sungguh dalam jualan?

### **Mahathir: Gaya hidup sihat**

Daripada apa yang saya faham, Dr Mahathir menjadikan kesihatan fizikalnya satu keutamaan. Dari mana beliau mendapat tenaga untuk melakukan apa yang dilakukannya?

Adakah anda kenal sesiapa yang bertemu orang setiap hari, merasmikan beberapa majlis, melawat beberapa perusahaan, menjual kepentingan Malaysia dengan lebih tekun dan melakukan lebih banyak kerja daripada Dr Mahathir? Kita semua boleh belajar daripadanya.

Jurujual, seperti ahli-ahli politik, biasanya sibuk. Cara kehidupan mereka selalu terburu-buru. Kecenderungannya ialah mengabaikan penjagaan diri sendiri.

Anda tidak perlu menjadi pakar bedah otak untuk memahami isu produktiviti selepas anda sakit. Kawan saya Zig Ziglar, bertanya kepada orang jika mereka memiliki seorang kuda lumba yang berharga, adakah mereka akan memberinya makan makanan tidak berzat (*junk food*)?

Berapa ramai di antara kita yang bersalah memasukkan makanan tidak berzat dalam badan kita kerana kita tidak kisahkan perkara ini dalam kehidupan kita? Mengawasi apa yang anda makan dan bersenam akan memberi anda lebih tenaga, berfikir lebih jelas, sikap yang lebih baik dan menghalang anda daripada mendapat penyakit-penyakit teruk seperti penyakit jantung yang boleh dicegah.

### Mahathir: Integriti

Saya baru sahaja selesai membaca buku menarik oleh Patrick Morley yang bertajuk *The Man In The Mirror*. Morley membantu kita melihat isu integriti. Seringkali, integriti diri kita boleh terhakis tanpa kita ketahui. Ia mungkin bermula dengan atu "bohong kecil (*white lie*)" mengenai bila anda boleh menghantar produk yang dijual. Ia mungkin membawa kepada "bohong sederhana (*grey lie*)" mengenai kualiti produk anda. Bagi sesetengah orang, ia mungkin berakhir sebagai bohong "sebenarnya".

Daripada orang yang memberitahu saya tentang beliau, Dr Mahathir memang terkenal sebagai seorang yang mempunyai integriti. Beliau tidak masalah tidur malam. Orang yang kurang integriti akan menghadapi masalah besar dalam jualan. Jika orang mempercayai anda dan kata-kata anda, mereka akan mahu membeli daripada anda. Jika mereka tidak boleh percayakan anda, seringkali mereka tidak akan membeli dan apa yang lebih penting, mereka tidak akan merujukkan orang lain kepada anda. Anda akan ditakdirkan meneruskan kerjaya jualan anda di atas *roller coaster* jualan.

### Mahathir: Hasil

Akhirnya, hanya ada satu petunjuk terhadap pencapaian anda sepanjang hari: Hasil. Adakah anda mencapai sasaran yang anda tetapkan? Saya selalu kagum dengan apa yang Perdana Menteri dapat lakukan setiap hari. Beliau memberikan hasil. Beliau tidak menghabiskan banyak masa terhadap apa yang orang lain fikir,

beliau tidak mengenang kegagalan, beliau hanya meneruskannya dengan tindakan.

Jurujual yang tidak produktif akan membuat alasan untuk hasil mereka. Orang yang menang, tidak! Jika mereka tidak dapat membuat jualan, mereka sedar itu masalah mereka dan mungkin silap mereka. Jika mereka tidak memperolehi pendapatan yang mereka inginkan, mereka memikul tanggungjawab itu dan mengambil langkah untuk memperbetulkan hasil mereka. "Jika ia berlaku, ia bergantung kepada saya!"

Apabila saya bersemuka dengan Dr Mahathir, saya akan menjabat tangannya, mengucap terima kasih kepadanya kerana banyak mengajar saya dari jauh dan sedar bahawa saya baru sahaja bertemu seorang "paket jurujual".

---

Tulisan ini merupakan terjemahan rencana *Learning to sell like Dr Mahathir* tulisan Gerry Robert yang disiarkan oleh *Management Times* di dalam akhbar *New Straits Times* pada 28 Mac 1995.

# 11

---

## SIFIR POLITIK PEMIMPIN MUDA UMNO

**K**alau Anwar dicalonkan bertanding jawatan Presiden Umno tahun 1996, dan Anwar bersedia menerima, pertandingan di peringkat jawatan Timbalan Presiden juga tidak kurang sengit. Sekurang-kurangnya dua calon berpotensi merebut jawatan itu, Najib Tun Razak dan Muhyiddin Yassin. Najib disokong Mahathir, manakala Muhyiddin disokong Anwar. Menteri Luar, Abdullah Badawi boleh juga mencuba nasib tetapi beliau mungkin tidak berbuat begitu jika Mahathir jelas memilih Najib sebagai regunya.

Sekiranya Anwar dan Mahathir kekal pada jawatan

sekarang, calon-calon Naib Presiden sudah pasti berusaha keras menduduki tempat pertama, sebagai asas kukuh menyediakan diri bertanding jawatan Timbalan Presiden apabila Mahathir bersara kelak. Tiga orang Naib Presiden yang ada, yang menang atas tiket Pasukan Wawasan akan bersaing sesama sendiri. Ia mungkin ditambah dengan kehadiran Menteri Besar Perak, Ramli Ngah Talib, satu-satunya bekas calon Naib Presiden Team A yang kalah dalam pertandingan 1987. Ramli sudah pasti mahu mempertaruhkan nasibnya buat kali terakhir. Perak menawarkan 23 bahagian Umno, yang akan diwakili oleh 253 perwakilan yang berhak mengundi. Walaupun Perak mempunyai jumlah perwakilan yang paling ramai, dijangka Ramli tidak mendapat sokongan bulat daripada perwakilan Perak. Ramli adalah satu-satunya Menteri Besar/Ketua Menteri yang dicabar dalam pemilihan ketua bahagian Umno 1995. Beberapa tokoh di Perak dilihat bercita-cita untuk menggantikan Ramli, iaitu Malek Hanafiah, Megat Junid, Zahid Hamidi dan Tajul Rosli Ghazali. Difahamkan Ramli adalah antara Menteri Besar yang tidak begitu baik prestasinya dan ada ura-ura Ramli akan digantikan dengan orang lain selepas pemilihan Umno 1996.

“Pembangunan Perak di bawah Ramli agak perlahan. Beberapa penyalahgunaan kuasa telah dikenal pasti, termasuk membabitkan anggota keluarga Ramli yang terdekat,” dakwa seorang pemerhati politik di Ipoh.

Muhammad Taib pula tentunya mahu memastikan beliau tidak tercicir kali ini. Sehingga kini beliau mengambil sikap *low-profile*, berbeza dengan strateginya menjelang pemilihan 1993 dulu. Ketika itu beliau dilihat

terlalu cepat memulakan larian dan akhirnya menghadapi masalah mengekalkan stamina. Mungkin bagi pandangan Muhammad Taib, biarlah orang memberikan tumpuan lebih kepada Najib dan Muhyiddin, dengan itu senang baginya mengatur strategi. Bahagian-bahagian Umno di seluruh Selangor sudah digerakkan untuk mendampingi negeri-negeri tertentu menurut tugasan khusus. Walaupun Umno Selangor hanya mempunyai 17 bahagian, tetapi harus diingat, Muhamad Taib juga adalah Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, yang mempunyai 10 bahagian. Ini bermakna sebanyak 27 bahagian Umno berada di belakang Muhamad Taib, melebihi Perak (23), Sabah (21), dan Johor (20). Mungkin hanya Umno bahagian Shah Alam, diketuai Salamon Selamat, Setiausaha Politik Anwar, yang tidak menyokong Muhamad Taib. Salamon dibayangkan akan menjadi MB Selangor sekiranya Anwar menjadi Perdana Menteri.

"Muhammad Taib lebih pandai menjaga orang-orangnya. Malah semasa berkempen tahun 1993 lalu, beliau lebih mengambil berat kebajikan jurukempennya daripada para perwakilan yang akan mengundi. Ramai orang suka bekerja untuk Muhamad Taib. Berbanding tokoh-tokoh lain, MB Selangor itu lebih pemurah. Maklumlah Selangor negeri yang kaya dan maju, banyak sumber rezekinya," kata seorang ahli Umno Selangor. "Tapi imej Muhamad Taib masih tersekat sebagai pemimpin Selangor, belum mencapai taraf nasional. Beliau harus bijaksana menuju rai isu-isu tertentu. Soal Melayu Baru yang diperjuangkannya dahulu seakan-akan sudah dilupakan orang."

"Muhammad Taib harus membuktikan kemampuannya membangunkan Selangor sebagai negeri maju menjelang 2005 tanpa mengabaikan kesejahteraan alam sekitar, kualiti akhlak rakyatnya dan mempunyai identiti tersendiri. Untuk menjadi negeri maju, Muhammad Taib tidak perlu menjual segala-galanya kepada pelabur asing. Langkahnya menambah beberapa bandar Melayu disokong tetapi orang Melayu harus belajar untuk bersaing secara sihat, bukannya terus dimanjakan," kata penyokongnya. "Memimpin sebuah negeri maju bukanlah senang, tidak boleh cepat gelap mata, rasuah mudah berlaku. Muhammad Taib perlukan penasihat yang lebih berwibawa dan berwawasan."

Tumpuan patut diberikan kepada Muhyiddin. "Kalau Muhyiddin," kata seorang anak jati Johor, "berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Naib Presiden, walaupun dengan undi terendah, itu sudah cukup memadai. Orang Johor cukup marah dengan Muhyiddin. Mereka kata Muhyiddin sudah jual negeri Johor kepada orang luar. Sekarang kemakmuran Johor bukan untuk dinikmati rakyatnya tetapi menjadi syurga kepada taukeh-taukeh Singapura, Hong Kong dan Taiwan. Sebab itu orang Johor lebih sukakan MB baru, Ghani Othman. Ghani lebih intelektual dan nampak baik. Dulu, Muhyiddin juga dianggap budak baik. Orang masih marah Muhyiddin kerana tukar cuti hujung minggu daripada Jumaat kepada Ahad."

Seorang teman yang sentiasa mengikuti politik Johor berkata: "Jelas Mahathir mahu membina imej Ghani berbanding Muhyiddin. Memang Mahathir mahukan Ghani. Ghani dikenang kerana Rakan Muda tetapi

Muhyiddin terpaksa menerima bahana projek yang dilancarkan tanpa perancangan itu. Rakan Muda hanya gah kerana promosinya tetapi program pengisiannya kosong. Kebetulan sebuah syarikat pengiklanan yang rapat dengan Mahathir mendapat kontrak untuk mempromosikannya. Setakat yang saya tahu Ghani ternyata berpengaruh daripada Muhyiddin walaupun beliau masih muda dalam pergolakan politik Umno. Ghani bukan sekadar mahu memastikan kepimpinan politik Johor dibersihkan daripada orang-orang Muhyiddin, malah beliau mahu membersihkan golongan korporat di PKENJ dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri."

Katanya, harapan Muhyiddin hanya satu, Anwar. "Sumbangan Muhyiddin kepada Anwar cukup besar terutama dari segi dana kewangan bagi melancarkan kempen 1993. Kalaupun ada tuduhan Muhyiddin juga terbabit dengan korupsi, ia sebenarnya disalurkan kepada usaha menggapai cita-cita politiknya. Anwar hampir pasti memilih Muhyiddin sebagai regunya, sementara Mahathir mahu Ghani dan Mohamad Rahmat mengawal pergerakan Muhyiddin di Johor. Perbincangan tentang Muhyiddin dan Najib mesti ada hubung kait dengan gosip Anwar lawan Mahathir, tak dapat dielak."

Memimpin Johor yang berhadapan dengan kekuatan hebat ekonomi Singapura memerlukan seorang Menteri Besar yang kukuh pendiriannya, jauh pandangannya, cekap dan bijaksana pertimbangannya, bijak membaca rentak dan tempo, serta tidak mudah digoda oleh tawaran lumayan yang boleh menjahanamkan umat Melayu di Johor. Untuk menghadapi sultannya saja sudah cukup menagih ketabahan dan kecekalan. Kini rata-

rata orang Johor mempersoalkan kewibawaan Muhyiddin. Ahli-ahli Umno Johor tidak berbangga dengan Muhyiddin seperti perasaan mereka terhadap Tun Hussein dan Musa Hitam walaupun Muhyiddin adalah Naib Presiden Umno paling kanan dan dianggap regu bakal Perdana Menteri, Anwar. Ada yang lebih keras menyifatkan Muhyiddin sebagai pengkhianat bangsa. Malang sekali Muhyiddin, sudahlah tidak dilantik ke portfolio yang sejajar dengan kedudukannya dalam parti, penggantinya, Ghani seakan-akan mahu membersihkan segala saki-baki yang ditinggalkan Muhyiddin. (Untuk meneliti percaturan politik Johor sila rujuk tulisan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Johan Jaaffar yang mengesahkan ada budak-budak Muhyiddin dan ada budak-budak Ghani).

Majalah *AsiaWeek*, 19 Mei 1993 mengutip pandangan seorang penganalisis politik: "*Muhyiddin has been a controversial figure even before this land business. The PM knows he could be a liability.*"

Tokoh PRM, Abdul Razak Ahmad dalam satu tulisannya juga menyentuh Muhyiddin: "Kekuatan Muhyiddin banyak bergantung kepada mereka yang bersetuju menyokongnya dengan membuka saluran wang untuk kegiatan beliau dalam kerjaya politiknya. Muhyiddin banyak bergantung kepada beberapa taukeh untuk menjamin tabung wangnya bagi kegunaan kerjaya politiknya agar ia sentiasa penuh. Pemerhati politik meramalkan jika wang dapat melonjakkan Muhyiddin ke mercu kejayaan tidak hairan juga sekiranya wang juga akan memusnahkan masa depannya."

Meskipun begitu, tidak ada tanda-tanda Ghani

akan bertanding jawatan Naib Presiden. Ini kerana selain Muhyiddin yang pastinya akan mempertahankan jawatan, Syed Hamid juga mungkin mencuba nasib. Dengan itu undi Johor akan berpecah, dan akhirnya mungkin tidak seorang pun yang menang. Johor juga menyimpan bakal pemimpin masa depan, Hishamuddin Tun Hussein, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Usia Hishamuddin masih di awal 30-an. Oleh itu ada pandangan menggesa Ghani bertanding salah satu jawatan penting dalam parti, sekurang-kurangnya dapat kekal pada kedudukan antara undi tertinggi dalam pemilihan MKT. Tetapi mustahil Ghani mahu menduga pengaruhnya dalam pergerakan Pemuda.

"Ghani tidak perlu terburu-buru. Malah dari segi strategi politik agak canggung. Hishamuddin sudah pun bersedia bertanding jawatan Naib Ketua, tentunya Ghani, yang juga dari Johor, tidak manis berbuat begitu. Beliau perlu tumpukan tenaga, kemahiran dan fikirannya untuk membentulkan arah dan strategi pembangunan Johor. Tapi, Ghani harus bijak mengelak dari diperkudakan oleh Mahathir. Ghani perlu masa sebelum terbabit aktif dalam kancah politiking di peringkat atasan," nasihat seorang wartawan politik, yang juga berasal dari Johor.

"Untuk mengelak salahguna kuasa, yang mudah dilakukan oleh menteri-menteri besar dan ketua menteri berbanding menteri-menteri kabinet, wajar tempoh perkhidmatan tidak lebih dua penggal; sebenarnya satu penggal sudah memadai," pandangan seorang veteran politik. Katanya, negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Selangor, Johor dan Perak merupakan lombong emas

yang boleh dikaut seberapa banyak mungkin oleh menteri-menteri besar dan ketua-ketua menterinya. Beliau menyelar pembabitan anak-anak Ketua Menteri Sarawak, Taib Mahmud, iaitu Mahmud Abu Bekir Taib dan Sulaiman Abdul Rahman Taib, dalam projek mewah dan membazir, Empangan Bakun. Kedua-dua mereka mempunyai satu peratus saham dalam Ekran, syarikat yang berjaya mendapat projek menguntungkan itu. Anak-anak Taib Mahmud itu juga adalah pemegang saham minoriti Pacific Chemicals, anak syarikat Ekran.

(Di Bakun, kerja-kerja menebang pokok sudahpun dimulakan oleh Pacific Chemicals yang nilai jualan balaknya hampir RM600 juta. Ini mengingatkan kita kepada surat Daim kepada *Utusan Malaysia*: "Tuhan telah memberi kita bukit-bukit, gunung-ganang, sungai-sungai dan tumbuh-tumbuhan untuk tujuan tertentu. Tetapi manusia lebih berminat untuk merombak apa yang telah dicipta oleh Allah. Setelah dimusnahkan tentu sesuatu akan berlaku. Di Malaysia, gunung-ganang diratakan, pokok-pokok dipotong sewenang-wenangnya dan ini mengakibatkan kerosakan alam semulajadi.")

Tokoh yang mendapat sorotan meluas, selain Anwar dan Mahathir, tentulah Najib. Najib diakui menteri yang cepat menguasai kementerian di bawahnya dan mampu membuat perubahan yang menarik minat umum. "Sebagai menteri, Najib lebih berkesan daripada Anwar. Pencapaian ahli sukan negara sewaktu Najib di Kementerian Belia dan Sukan meningkat. Semasa mengetuai Kementerian Pertahanan banyak tindakan penyelesaian terhadap masalah angkatan tentera diberskan. Siapa menduga Najib menyambut Aidil Fitri,

pada 1 Syawal 1415 bersamaan 3 Mac 1995 bersama MALBATT di Konjic, Bosnia Herzegovina.

Bekas Ketua Pemuda ini dianggap tokoh penentu sekiranya berlaku pergeseran dan konflik, yang seterusnya mencetuskan pertandingan, seperti yang diramalkan antara Anwar dan Mahathir. Meskipun pengaruh Najib tidak dapat mengatasi kehebatan Anwar dan Mahathir, tetapi dalam banyak keadaan Najib boleh memainkan peranan memenangkan seseorang calon yang bertanding, atau broker kuasa. Sewaktu pertandingan antara Mahathir dan Tengku Razaleigh, pada tahun 1987, Najib yang pada mulanya menyokong Ku Li beralih kepada Mahathir.

Analisis Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd Ali Kamaruddin, pensyarah UKM (1988) tentang personaliti Najib elok dirakamkan semula: "Pada kebanyakan masa Najib memperlihatkan kecondongannya kepada sesuatu pihak atau tokoh melalui gelagat dan isyarat yang perlu diberi tafsiran oleh para pengikut dan bukannya dengan kata-kata. Beliau kerap membiarkan tindakannya menjadi teka-teki. Akibatnya beliau menjadi orang yang tidak disenangi atau sekurang-kurangnya dibimbangkan bukan sahaja oleh orang yang tidak disokongnya tetapi juga oleh orang yang disokongnya.

"Sebagai seorang yang konservatif, bangsawan dan 'orang dalam' kerana sejak kecilnya hidup dalam keluarga pemimpin utama Umno, Tun Abdul Razak, personaliti beliau teradun secara harmoni dalam budaya dan budaya dan tradisi Umno. Gaya dan ciri kepimpinan beliau adalah gaya dan ciri tradisi Umno. Berbanding dengan lain-lain tokoh muda dalam Umno, beliau

mungkin lebih disenangi oleh kebanyakan pemimpin veteran Umno."

Tetapi Najib juga disifatkan tokoh yang sedia mengikut arus. Rekod Najib sebagai pemimpin muda yang banyak berpengalaman sukar ditandingi. Beliau menang tanpa bertanding dalam pilihan raya kecil Pekan, Pahang pada tahun 1976, dalam usia 23 tahun, dan kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Parlimen. Dua tahun kemudian dilantik menjadi Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, timbalan menteri yang termuda dalam sejarah Malaysia. Terpilih sebagai anggota Exco Pemuda, 1978 dan menjadi Ketua Pemuda Pahang (1980-1982). Dilantik menjadi Timbalan Menteri Pelajaran, Jun 1980. Terpilih sebagai anggota MKT Umno, Jun 1981 dan seterusnya dilantik Timbalan Menteri Kewangan dalam kabinet Mahathir. 4 Mei 1982, sewaktu berusia 29 tahun, dilantik menjadi Menteri Besar Pahang. Menang tanpa bertanding Naib Ketua Pemuda Umnp. Dilantik menteri penuh pada tahun 1986, sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, seterusnya Menteri Pertahanan dan kini Menteri Pendidikan. Dilantik menjadi Ketua Pemuda (tanpa melalui pertandingan) selepas Umno (Baru) ditubuhkan.

Pengaruh Najib dalam Pemuda masih terkesan. Ramai dari pimpinan Pemuda zamannya yang memegang jawatan penting di peringkat bahagian. Ada juga yang menjadi anggota Exco kerajaan negeri, dan tidak kurang yang berjaya dalam perniagaan. Ini memberikan kelebihan kepada Najib, yang cuba membina empayar pengaruhnya sendiri, dan tidak bergantung kepada ketokohan pemimpin di atasnya, sama ada Mahathir

mahupun Anwar. "Tidak ada isu besar yang diperjuangkan Najib. Sememangnya Najib bukan seorang tokoh perubah, ia hanya pelengkap dan seorang teknokrat yang cekap. Semasa mengetuai Pemuda, Najib amat mengambil berat kepentingan pemimpin-pemimpin di bawahnya. Ramai daripada mereka yang merasa terhutang budi dengan Najib, dan mereka ini tentunya akan menyokong Najib apabila Najib memerlukannya," kata seorang aktivis muda Umno.

"Saya tidak suka Najib," kata seorang teman, perekabentuk majalah, buletin dan *cover* buku-buku terbitan sebuah syarikat terkemuka. "Kenapa pula?" tanya saya. "Wajah Najib tidak melambangkan seorang pejuang seperti Anwar. Najib berwajah bangsawan, putih bersih dan mungkin tidak begitu lasak, seperti anak manja. Mukanya pula lagak seorang kasanova atau romeo."

Berbanding dengan Naib-naib Presiden yang lain, Najib lebih tertonjol sebagai pemimpin di peringkat pusat. Beliau mendapat sokongan padu daripada Pahang dan mungkin dianggap sebagai wakil Pantai Timur, yang memungkinkan beliau memperolehi undi juga dari Kelantan dan Terengganu. Ketiga-tiga negeri itu mempunyai 33 bahagian Umno. Kebetulan pula setakat ini tiada tokoh besar yang dilahirkan oleh Umno Kelantan dan Terengganu, yang boleh bersaing dengan Najib bagi mewakili Pantai Timur. Di Kelantan, Annuar Musa lebih berminat bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno, sementara Menteri Pembangunan Usahawan, Mustapa Mohamad lebih sesuai dilantik Bendahari Umno menggantikan Daim, dengan mengekalkan kedudukan teratas dalam pemilihan MKT. Tokoh yang pernah dianggap

berpotensi bertanding jawatan Naib Presiden, Dr Yusof Noor semakin tertekan apabila dihantar pulang ke Terengganu. Pengaruh Wan Mokhtar - Tengku Mahmud kian membelitnya.

Tokoh yang perlu diperhatikan, dan dirasa mempunyai potensi cerah menang ialah Pak Lah. "Umno memang perlukan orang baik seperti Pak Lah untuk mengimbangi kerakusan merebut kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin muda. Pak Lah boleh memperlakukan tempo yang bergerak rancak sekarang. Sebagai tokoh veteran, Pak Lah perlu menang Naib Presiden, sebagai tokoh pengimbang. Diharap Anwar tidak cuba menyekat peluang Pak Lah kali ini. Anwar tidak perlu bimbang dengan Pak Lah kerana Pak Lah tidak sama dengan Sanusi. Pak Lah tidak akan menimbulkan masalah dan kontroversi," kata seorang penyokongnya. "Mahathir sendiri perlukan Pak Lah, untuk survival politiknya sendiri," tambahnya.

Pertandingan Ketua Pemuda Umno juga dijangka memperlihatkan suasana yang menarik dan meriah. Saya tidak begitu yakin Nazri akan benar-benar mengotakan kata-katanya untuk tidak bertanding jawatan yang dipangkunya sekarang jika beliau mendapat jumlah pencalonan yang membanggakan. "Pelik bagi seorang tokoh yang berpotensi menjadi Ketua Pemuda menolak pencalonan kerana jawatan itu cukup menjanjikan masa depan politik yang ceria. Saya tidak boleh faham pendirian Nazri. Tapi tak tahulah kalau Nazri nak bertanding jawatan Naib Presiden," kata seorang penulis politik.

Nazri, yang sudah menduga tanggapan umum terhadap keputusannya itu, berkata: "Saya hairan kenapa

saya tidak mahu bertanding jawatan pun menjadi satu kontroversi. Sepatutnya ia menjadi kontroversi kalau saya hendak bertanding. Saya konsisten dengan pendirian saya. Oleh itu saya sama sekali tidak akan mengubah apa yang telah saya katakan."

Nazri pula rasanya tidak akan menyokong Zahid Hamidi, Ketua Penerangan Pemuda, Penggerusi Bank Simpanan Nasional, yang diura-urakan merebut kerusi panas itu. Saingan terdekat Zahid ialah Annuar Musa dan juga Isa Samad, yang tewas tipis kepada Rahim Tamby Chik dalam pertandingan 1993. Waktu itu Zahid dan Nazri menyokong Rahim.

Kelebihan Zahid ialah hubungan rapatnya dengan Anwar dan beliau kini bergelar tokoh korporat. Ini bermakna Zahid tidak akan mudah kekeringan dana. Perhubungan awamnya juga mesra dan memikat. Beliau mudah didampingi. "Zahid cuba berbaik-baik dengan semua walaupun orang sudah cop dia orang Pak Syeikh. Pendekatan ini tidak semestinya berjaya dalam Umno. Lihatlah apa jadi pada Pak Lah. Kadang-kadang sikap memihak perlu ditunjukkan. Yang menarik tentang Zahid ialah dia berasal dari sekolah Arab dan penonjolan peribadinya lebih baik daripada Nazri," kata seorang penyokongnya.

Ketika bercakap kepada *Asiaweek*, Zahid berkata: "*It's difficult if you're identified as a crown prince. You'll be killed off. So it's better not to be marked as a man to watch.*"

Tetapi dari segi pengalaman politik Zahid jauh tertinggal berbanding Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan selama empat penggal. Begitu juga dengan Annuar Musa, yang semakin masak pertimbangan

politiknya berhadapan dengan kemelut Umno Kelantan, satu-satunya negeri yang Umno kalah teruk dalam pilihan raya. Ketika Nazri mengumumkan tidak bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno 1993, beliau memberikan alasan tidak mempunyai jawatan penting dalam kerajaan. Sekarang Nazri adalah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, jawatan yang disandang Anwar ketika mula menerajui Ketua Pemuda Umno. Jadi tidak ada masalah lagi untuk Nazri bertanding. Nazri sendiri pernah menegaskan: "Tetapi jika ada arahan daripada parti supaya bertanding, kita terpaksa bertanding. Nanti kita dianggap tidak ada disiplin pula."

Najib pernah merumuskan kesukaran menjadi Ketua Pemuda: "Saya selalu menyatakan bukan senang untuk menjadi Ketua Pemuda. Kita kena membuat imbang antara kehendak Pemuda dan "grassroot" terhadap kita sebagai pemimpin, serta pandangan pucuk pimpinan kepada Pemuda dalam menangani sebarang isu parti mahupun kerajaan. Seorang Ketua Pemuda mesti tahu "meniti tali" di antara tuntutan "grassroot" dan kehendak bapa-bapa pemimpin. Jika kita terlalu sangat mengikut kehendak "grassroot" kita akan membawa Pemuda kepada pendekatan konfrontasi. Tetapi kalau kita tidak ada mendengar atau mengambil kira kehendak ahli-ahli di peringkat "grassroot" kita akan dicap sebagai pemimpin "yes man" atau pemimpin yang tidak membawa cetusan isi hati orang muda."

Perjuangan Pemuda juga harus mempunyai komitmen akhlak yang tinggi, bagi menangani kemelut keruntuhan moral yang semakin dahsyat. Pemuda mesti berani memberikan pandangan lain terhadap program liberali-

sasi Mahathir, yang mungkin memudaratkan bangsa Melayu sendiri. Ada kalanya Pemuda harus menyuarakan jerit batin golongan bawahan Melayu. Dari segi lain, bandaraya kita tidak mencirikan identiti tempatan dan unsur kemelayuan. Seperti kata Profesor Taib Osman: "Menara Petronas yang menjulang itu dijolok dengan kata-kata, *irrepressibly vulgar* (rasa kasar atau lucah yang tidak terbendung). Mungkin kata-kata itu merujuk kepada bentuk menara yang memang nampak seperti alat kelamin lelaki, sesuatu dalam banyak budaya melambangkan kesuburan. Reka bentuk bangunan raksasa cuba meniru atau menggarap reka bentuk Barat. Bukan saja hiasan Gothic atau Roman Column yang klasik dikemukakan tetapi juga bentuk kota berdinding kaca atau menara yang menjulang ke atas dari podium yang bontak, iaitu struktur yang mencerminkan sifat kegunaan yang dangkal tanpa estetika."

Sementara projek-projek prestij tanpa manfaat awam harus diimbangi (kalaupun tidak dihentikan) dengan program serius bagi meningkatkan maruah umat berdasarkan pendekatan bersepadu. Sampai bila kerajaan mahu menurut segala ego pemimpinnya? Kelesuan umat bukan hanya disebabkan masalah ekonomi, ia saling berkait rapat dengan faktor-faktor lain. Dan Pemuda Umno harus berkeupayaan mengungkap segala masalah umat ini secara tuntas dan berani.

Anwar Ibrahim, sewaktu menjadi Ketua Pemuda pernah menegaskan: "Manakala dibahaskan soal pembangunan, bukannya barang-barangan atau gedung bangunan sahaja yang diambil kira bahkan pembangunan semestinya dilihat sebagai usaha membangunkan dan

memajukan insan. Seluruh usaha bagi meneguhkan keimanan, memperbaiki akhlak, meningkatkan daya pemikiran, mewujudkan prasarana serta kemudahan bagi keselesaan hidup manusia, bahkan sebarang usaha dari sudut rohani dan jasmani ke arah penyempurnaan hidup insan seutuh-utuhnya adalah tergabung dalam pengertian dan falsafah pembangunan.

“Pemuda Umno ingin menyatakan dengan tegas, setegas-tegasnya, bahawa ketidakadilan pembangunan dan ketidakseimbangan agihankekayaan antara luar bandar dan bandar, mesti segera diperbaiki.”

“Bukankah parti pembangkang dalam keadaan lemah? Mereka tidak boleh eksplot suara Pemuda sekiranya Pemuda nampak sedikit bercanggah dengan pemimpin tertinggi. Inilah masanya Pemuda membedah dasar dan haluan negara, sebelum kita menginjak abad ke-21. Suburkan tradisi perbincangan, cambahkan pendapat meskipun berbeza. Pemuda tidak harus terbelenggu dengan rasa takut yang tidak bersebab,” kata seorang pemerhati politik, yang begitu risau dengan sentuhan Mahathir terhadap konsep bangsa Malaysia. “Umat Islam makin terhakis identitinya. Pegangan agamanya tipis. Mereka mudah tergoda dengan pesona kemewahan dan cepat kalut dengan pemodenan dan cabaran baru. Tapaknya dalam bidang ekonomi cukup rapuh. Budaya niaga dan korporatnya belum mantap.”

Seorang pencatat yang rajin - dan selalu menghantar tulisannya ke *Harakah*, yang ditulis tangan - Osman Abdullah mengingatkan bahaya fahaman pragmatis yang seolah-olah dianut oleh Umno. Katanya, politik pragmatis biasanya bermakna politik tanpa prin-

sip dan tanpa moral. Justeru itu pragmatisme boleh menyebabkan membiaknya rasuah dan korupsi dalam politik Melayu Umno. "Pragmatisme bukanlah berjiwa insani tetapi susuk haiwani oleh manusia itu kepada ketamakan yang tidak terkawal," tulisannya bertarikh 5 Oktober 1995 dipetik.

Anwar selalu meminta umat Islam berani menghadapi cabaran zaman. Semasa menyampaikan ceramah perdana sempena Festival Islam Istiqlal II di Jakarta, 26 September 1995, Anwar berkata, umat Islam mesti "meninggalkan zaman rasa takut dan bimbang, rasa terhimpit dan sentiasa tertindas dan zaman sering menyalahkan orang lain atas segala kegagalan, kepada zaman yang memiliki keyakinan untuk bersaing dan muncul sebagai umat yang unggul."

Sikap dan pendirian politik Pemuda, khususnya dalam isu *Anwar lawan Mahathir* menjadi perbualan ramai. Banyak pihak meragui pendirian Pemuda pimpinan Nazri-Zahid yang berdiri teguh di belakang Mahathir. Mesyuarat Exco Pemuda Umno, 7 November 1995 telah meluluskan resolusi untuk mengekalkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti. "Kita bukan hanya menyatakan sokongan kita terhadap mereka sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tetapi kita akan menjamin sokongan untuk pencalonan kembali sebagai Presiden dan Timbalan Presiden parti dalam pemilihan tahun hadapan. Pemuda mesti komited untuk pastikan kedua-dua pemimpin ini dicalonkan semula oleh semua 165 bahagian Umno," kata Nazri.

Kalau cadangan Ketua Wanita Umno untuk memansuhkan undi bonus dibantah oleh pemangku Ketua

Pemuda, kini giliran Rafidah Aziz menyindir Nazri. Menurut Rafidah, yang dikenali penyokong kuat Mahathir, semua ahli Umno, termasuk Pergerakan Pemuda perlu memastikan ikrar yang dibuat untuk mencalonkan semula Mahathir sebagai Presiden dan Anwar sebagai timbalannya benar-benar dipatuhi.

"Mampukah kita menyekat mana-mana bahagian untuk mencalonkan orang lain yang saya sifatkan sebagai pencalonan mengada-ada, yang bertujuan mempermain-mainkan atau memberikan salah anggapan untuk pihak yang dicalonkan. Kita ada contoh yang mana Sulaiman Palestin pernah dicalonkan untuk mencabar Tun Hussein Onn bagi jawatan Presiden pada 1978, walaupun dikatakan sebelumnya jawatan tertinggi tidak akan dicabar," kata Rafidah.

Media asing juga turut memperkatakan barisan kepimpinan Umno selepas zaman Anwar nanti, atau yang disebut gelombang ketiga. Antara yang menonjol ialah Hishamuddin Tun Hussein yang sudah mengumumkan kesediaannya bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda. Hishamudin dipetik majalah asing berkata: "*We will only become future leaders if we perform. The entry of new faces shows there are no problems between the party's youth and the top leaders. There must be feeling that the young must be ready to carry the flag sometimes.*"

Sebaris dengannya ialah Ketua Bahagian Umno Johor Bahru, Khaled Nordin, tokoh muda yang agak lantang mengkritik rancangan pembangunan Johor sewaktu Muhyiddin menjadi Menteri Besar. Khaled selalu menimbulkan isu perumahan yang semakin menghimpit orang Melayu. Levi RM100,000 ke atas pembelian harta tanah oleh

warganegara asing tidak relevan dengan perkembangan di Johor Bahru. Tidak dipastikan sama ada Khaled masih kuat dipengaruhi oleh Shahrir Samad, yang kini digantung keahliannya. *Asiaweek* juga menyenaraikan Saifuddin Nasution, Setiausaha Politik Syed Hamid Albar sebagai tokoh muda yang berimejkan Islam dalam rangkaian gelombang ketiga itu. Bagaimanapun Saifuddin yang tewas dalam pemilihan Naib Ketua Pemuda Umno Pokok Sena, Kedah tidak memegang jawatan yang strategik dalam Pemuda kecuali Setiausaha Biro Penerangan. Namun peluang untuknya masih terbuka. Beliau perlu bertanding jawatan Exco Pemuda sebelum tertinggal lebih jauh lagi. Selama dua tahun berturut-turut Saifuddin dilantik sebagai wakil Pemuda dalam perbahasan ucapan Presiden. Memang terserlah kelebihannya dalam pidato dan isu-isu keislaman.

Sejauh mana peranan tokoh-tokoh agama dalam Umno sukar untuk dibaca. Setakat ini yang menonjol ialah Hamid Othman, Yusof Noor dan Wan Mokhtar. Bekas Ketua Pengarah Pusat Islam, Zainal Abidin Abdul Kadir yang tewas dalam pilihan raya umum lalu di Kelantan seperti tenggelam begitu sahaja walaupun ada usaha untuk mempopularkannya sebagai tokoh alternatif kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Ini tidak menghairankan kerana Zainal Abidin adalah calon bidan terjun yang baru saja terbabit dalam kancah politik. Apatah lagi percaturan politik Umno di Kelantan cukup sengit dan mendebarkan. Kelemahan ketara tokoh-tokoh agama ini ialah kemahiran dan keupayaan mereka bergerak tangkas dalam pergolutan politik. Dengan bilangan yang kecil itu pun, mereka

bertembung sesama sendiri, seperti yang berlaku di Terengganu, antara Wan Mokhtar dan Yusof Noor. Lagipun mereka hanya diperlukan untuk menghadapi kemaraan PAS bukannya disebabkan keperluan Umno itu sendiri. Selagi Umno tidak menjadikan Islam sebagai rujukan utamanya selagi itulah tokoh-tokoh agama dalam Umno hanya akan diperalat dan diperkudakan.

Beberapa tokoh ABIM yang dicadangkan Anwar untuk bertanding, dalam pilihan raya 1995, tetapi gagal mendapat tempat, mungkin menunggu era Anwar sebelum peranan mereka lebih terserlah. Difahamkan ABIM juga tidak sealiran dengan kumpulan Islam IRC yang juga sebahagiannya menyertai Umno. Mereka yang pernah menganggotai IRC ini dikatakan lebih rapat dengan Syed Hamid, tetapi belum cukup berpengaruh.

Peranan ABIM sebagai sebuah gerakan Islam semakin luntur. "Pemimpin ABIM," dakwa seorang ahli ABIM yang kritis dan bimbang dengan masa depan pertubuhan Islam itu, "tidak lagi bercakap soal tarbiyyah. Mereka menggunakan usrah, yang diadakan di hotel-hotel besar, bukan untuk memikirkan masalah ummat tetapi berbincang pasal projek yang mendatangkan keuntungan lumayan. Sebahagian besar mereka tidak faham langsung tentang bisnes tetapi akhirnya menjadi jutawan. Ciri-ciri usahawan tulen tidak ada pada mereka, hanya kutip komisyen saja. Kata mereka, inilah masanya untuk cari duit banyak-banyak bagi membantu Anwar. Itu kata mereka, tapi bagi saya, orang-orang inilah yang akan menyebabkan Anwar tersungkur. Tengoklah!"

Presiden ABIM, Dr Mohd Nor Manutu pernah dinya tentang pendapat bahawa ABIM ingin mengabimkan

Umno. Beliau menjawab: "Dakwaan itu tidak benar sama sekali kerana paksi induk perjuangan ABIM untuk menegakkan, buat apa yang disuruh dan tegah apa yang dilarang. Ini berbeza dengan Umno yang membentuk parti politik yang mempunyai dasar perjuangan tersendiri. Jika ada anggapan atau dakwaan atau cakap-cakap sedemikian, ia hanyalah sangkaan sahaja."

Namun ia disanggah oleh seorang ahli ABIM, yang menganggotainya sejak 20 tahun lalu: "Bukan Umno yang diabimkan, tetapi ABIM yang berjaya diumnokan. Prinsip-prinsip utamanya sebagai gerakan Islam tampak semakin lebur. Pemimpin ABIM sepatutnya memberi nasihat, teguran dan cadangan kepada Anwar, tetapi yang berlaku sebaliknya. Anwar sendiri semakin kurang menghormati mereka. Malah kecurigaan Mahathir terhadap pemimpin-pemimpin ABIM ini semakin tinggi."

"Sekurang-kurangnya ABIM berjaya membantu Anwar mengawal dua orang Naib Presiden Umno, Muhammad Taib dan Muhyiddin Yasin," kata bekas pemimpin pelajar UKM. "Dua orang bekas Presiden dan Setiausaha Agung PMUKM, yang dikuasai ABIM, kini menjadi Setiausaha Politik Menteri Belia dan Sukan dan pembantu khas Menteri Besar Selangor. Setiausaha Politik Menteri Pertahanan juga bekas seorang aktivis ABIM semasa di UPM. Ketua Operasi TV3, yang cukup berpengaruh di stesen TV itu, adalah ahli ABIM yang setia. Jangan pandang rendah kemampuan budak-budak ABIM mengatur strategi untuk mengambil kuasa di negara ini. Sebab itu pemimpin-pemimpin ABIM tidak ada masa lagi nak fikir isu remeh-temeh dalam gerakan Islam yang tidak pernah selesai."

---

## SIAPA DI BELAKANG JOHAN JAAFFAR?

Ghani Othman, Menteri Besar Johor yang baru menggelegak dengan keghairahan. Sebaik-baik sahaja melabuhkan punggungnya di Bukit Timbalan, Ghani menjanjikan perubahan paradigma, tata kerja selain cara berpolitik.

Maka bersemaraklah Johor dengan harapan dan keyakinan baru. Era *Muhyiddinisme* (sekiranya istilah itu boleh diterima) khabarnya cuba disapu bersih. Ghani mahu memula hijrah baru ke negeri itu. Berbakalkan minda kesarjanaan dan semangat mudanya, Ghani memula langkah memulakan *Ghanisme*.

Seperti penyapu baru, Ghani menjanjikan segala-galanya untuk Johor. Rakyat akan mempunyai laluan langsung dengannya. Wakil-wakil rakyatnya bekerja keras untuk mengikut jadual baru kerja walaupun belum tentu dapat memastikan keberkesanan kerja.

Ghani mahu memastikan Umno Johor utuh di belakangnya, seutuh Umno di bawah Muhyiddin. Sebab itu senarai Exco dan penanggungjawab utama "kabinet"nya menjanjikan yang paling baru, malah sebahagiannya belum pun teruji atau tergilap. Tetapi muda bukan semestinya bermaksud mentah. Johor negeri yang kompleks ragam dan manusianya. Dalam konteks Umno, ia lebih rumit lagi. Umno Johor turut memperkaya mitos dan sejarah Umno nasional. Johor memang tidak kurang pemimpin, juga ragam dan keluarbiasaan mereka. Itulah Johor, negeri bangga yang percaya bahawa tamadun Melayu tidak mungkin wujud tanpa sumbangannya. Secara jujur, tradisi Johor-Riau bukan sahaja memberikan bahasa yang baku satu ketika (sebelum bahasa itu *diutarakan*) tetapi juga pujangga, pemikir dan penyangak tersohor.

Mentadbir Johor sebenarnya mentadbir satu tamadun, satu keagungan dan satu sejarah. Maka itu Ghani tidak sahaja berdepan dengan masa kini dan masa depan tetapi rantaian sejarah dan sangkutan psikologi silam yang panjang. Ghani orang muda yang hangat dan berpandangan jauh. Politik baginya mungkin baru diceburi tetapi dalam gelanggangnya sendiri, dia tidak boleh diperkecilkkan. Mengambil alih dari Muhyiddin yang telah bertapak kukuh juga bukan mudah. Muhyiddin pula mengalami cabaran yang berbeza pada zamannya mengambil kira pengaruh pelbagai tokoh, momok dan

bayang-bayang dalam politik Umno ketika itu. Ghani mewarisi Umno Johor yang relatif stabil. Maksudnya Umno yang diserahkan oleh Muhyiddin dengan bulat tanpa banyak cacat celanya pada Ghani. Ghanilah yang kini membentuknya, sama ada mahu mengekalkan asas yang ada atau, atas nama perubahan, mahu bereksperimen pula mengikut selera atau sesedap rasa.

Johor terlalu penting bagi Umno untuk berkocak, berbalah apa lagi berpecah. Ghani pasti sedar kesulitan Muhyiddin membina Umno semula dari krisis panjang dan penuh luka pada tahun 1987. Sebahagian besar waktu Muhyiddin pada ketika itu habis kerana memastikan kemantapan Umno setempat. Tugas Ghani ialah melanjut atau menyambung, serta memperkuuh. Muhyiddin juga telah berbuat banyak untuk Johor. Johor membangun dengan wawasan dan temponya sendiri. Muhyiddin bukan berniat nakal untuk memastikan agenda 2005nya mendahului 2020 tetapi dia sedar tempo dan keupayaan negerinya.

Ghani tidak akan dituduh berhati kecil sekiranya memilih untuk menyambung agenda Muhyiddin itu. Malah Ghani seharusnya belajar daripada peralihan manis antara Najib dan Khalil di Pahang untuk memastikan bagaimana yang satu melangsungkan usaha yang lain. Khalil mempunyai agendanya sendiri tanpa perlu memacakkan papan tanda atau cap mohor sendirinya.

Atas semangat itulah peranan Ghani amat penting di Johor. Sekiranya kekuatan Umno mahu dikekalkan, ia harus bermula dari proses transisi yang kompleks ini. Kalau tidak, Umno Johor akan bermasalah lagi.

*13 November 1995*

ii.

Ahli Parlimen Parit Sulong, yang juga Pengurus Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad tentulah tidak menyangka reaksi Datuk Kadir Jasin (*Other Thots, New Sunday Times*, 5 November 1995) terhadap seruananya di Dewan Rakyat minggu lalu. Ruhanie menyeru agar rakyat Malaysia bersatu di belakang pimpinan Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menghadapi pelbagai tohmahan dan fitnah, khususnya yang didalangi oleh media asing.

Dalam halamannya yang berpengaruh itu, Kadir “membaca” seruan Ruhanie dalam konteks yang lain. Tulis beliau, memang Ruhanielah merupakan tokh muda dalam Umno yang selayaknya membuat seruan itu. Cuma malangnya seruan itu tidak ditujukan pada sasaran yang sebenar. Kadir berpendapat, sepatutnya Ruhanie menghalakan seruan itu “kepada ahli-ahli Umno dan mereka yang bukan ahli tetapi bekerja untuk pemimpin mereka.”

Malang bagi Ruhanie, kerana Kadir mengingatkan pembacanya “siapa” Ruhanie yang sebenar. Mengambil pendekatan sejarah dalam konteks ini rasanya bukan sahaja tidak kena pada tempatnya malah sedikit kasar. Perihal Ruhanie pernah menjadi “budak Musa” (memetik Kadir, “*they were ‘boys’ in many aspects - certainly in term of maturity, or the lack of it...*”) tentulah tidak ada kenamaengena dengan niat sebenar kenyataan beliau di Parlimen itu.

Kadir mungkin memilih untuk menggunakan label “budak Musa” bagi memperkuuh hujahnya tentang wujudnya “budak Anwar” hari ini. Dalam tulisannya se-

belum ini, beliau pernah menyebut tentang "masalah" yang sememangnya wujud di antara Dr Mahathir dan Anwar. Masalah itu bagi Kadir, didalangi oleh orang-orang Anwar yang tidak sabar (*New Sunday Times*, 15 Oktober 1995).

Minggu lalu, Kadir menyeret pula seluruh ahli Umno ke dalam skima konspirasinya. Baginya, rakyat Malaysia tidak ada masalah menyatakan pendirian tentang "kesetiaan" mereka terhadap Dr Mahathir. Mereka telah pun memberikan pimpinan Dr Mahathir mandat yang tidak boleh dipersoalkan lagi.

"Masalahnya, sekiranya ada ialah dengan ahli-ahli Umno dan yang bersubahat (istilah Kadir ialah *collaborators*) dengan mereka."

Kadir nampaknya semacam menanyakan kesetiaan seluruh ahli Umno ke atas pemimpin tertinggi mereka, khususnya Dr Mahathir. Hal ini lebih memerlukannya kerana ia datang dari wartawan dan penelaah yang menyaksikan intrig dan getar politik negaranya lebih tiga dekad. Bagaimanakah soal kesetiaan ahli Umno boleh muncul dalam "masalah" Dr Mahathir - Anwar ini memang sedikit mengelirukan. Tetapi mengambil semangat tulisannya sebelum ini membayangkan bahawa bagi Kadir, elemen kesetiaan di kalangan ahli Umno seluruhnya terhadap Dr Mahathir sendiri masih boleh dipertikaikan.

Kadir yang sepatutnya mengecam media asing kerana menyarankan hal itu sebaliknya melepaskan kekecewaannya dan mencari salah orang Umno pula. Kadir juga mengambil banyak masa untuk memberitahu pembacanya bagaimana "budak Musa" beroperasi ketika

itu. Kadir sendiri mengakui bahawa dia kerap diajak menghadiri sesi perbincangan bagi mendapatkan tindak balas dan maklumat beberapa isu semasa. Kelompok kecil yang dipercayai ini menurut Kadir akan mendengar (Tan Sri) Musa Hitam bercakap menggunakan "ayat-ayat yang panjang-panjang dan kompleks." Beliau juga memberitahu sebahagian besar editor dan wartawan kanan yang turut hadir bersama-sama dalam sessi sedemikian sama ada sudah bersara atau dibuang kerja.

Sekurang-kurangnya Kadir bermasib baik. Walau-pun merupakan sebahagian daripada "*the trusted few*" yang menghadiri sesi Musa (rupanya tidak semestinya menjadi "budak Musa"), beliau masih kekal dengan jawatannya.

Ruhanie sekurang-kurangnya cuba melupakan kisah silamnya. Sebaliknya Kadir, yang menggunakan pengalaman dan pengetahuan eksklusifnya sebagai wartawan cuba pula membuka luka lama.

*12 November 1995*

---

Kedua-dua tulisan dalam bab ini dipetik dari kolumn Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Johan Jaaffar. Banyak soalan timbul: Mengapa begitu beria-ia Johan menafikan tulisan Kadir Jasin dan menimbulkan masalah antara Ghani dan Muhyiddin di Johor. Pada satu segi Johan cuba menafikan adanya "budak-budak Anwar" dan "orang-orang Mahathir" tetapi Johan sendiri mengesahkan ada "budak-budak Muhyiddin" dan "budak-budak Ghani" hingga melabelkan *Ghanisme*.

# 13

---

## CIRI UTAMA LAHIRIAH PEMIMPIN ISLAM HIDUP SEDERHANA HINDARI KEMEWAHAN

**P**emimpin Islam mempunyai banyak ciri-ciri, ada yang zahir, dan ada yang batin. Tetapi apakah ciri-ciri utama lahiriah pemimpin Islam?

Jawabnya kesederhanaan dalam kehidupan material. Maksudnya, walaupun seseorang pemimpin Islam itu mampu bermewah, tetapi ia memilih untuk tidak bermewah, ia memilih menjadi sederhana.

Ini bukan saja ciri-ciri Rasulullah s.a.w. tetapi juga ciri-ciri pemimpin Islam sepanjang zaman. Khalifah Abu Bakar, Khalifah Umar, Khalifah Osman, Khalifah Ali dan Khalifah Umar Abdul Azizi adalah semuanya hidup

sederhana walaupun mampu untuk bermewah.

Tetapi ciri-ciri kesederhanaan ini bukanlah suatu yang idealistik, ia juga berlaku di zaman mutakhir ini. Pemimpin-pemimpin Islam seperti Uthman dan Fodio dari Khilafah Sokoto (di Nigeria sekarang), Ayatullah Khomeini, dan di negara kita, Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menjalani kehidupan sederhana. Sekali fikir dirasakan bahawa untuk menjadi sederhana adalah mudah. Pakai saja pakaian biasa, hidup di kediaman biasa dan menjalani kehidupan biasa, sudah menjadi pemimpin yang lahiriah bersederhana. Tentu mudah.

Tetapi hakikatnya dari segi amalan, untuk hidup sederhana bagi mereka yang mempunyai harta atau kuasa adalah amat sukar. Sebab itu tidak ramai pemimpin yang mampu berbuat demikian.

Lihatlah orang-orang kaya baru (OKB), sebaik saja mereka kaya, tanpa berlengah-lengah mereka mahu bukan saja menikmati kelazatan hidup tetapi juga mahu menunjukkan kekayaan mereka. Mereka akan membeli-belah mencari pakaian yang bukan saja cantik-cantik tetapi mahal. Mereka juga akan mengorak langkah mempersiapkan kediaman mereka dengan segala kebesaran, keindahan dan kecantikan. Selain itu, mereka akan mendapatkan kenderaan yang cantik dan mahal, bukan sebuah, tetapi beberapa buah. Kemewahan ini dilanjutkan pula ke tempat kerja mereka. Pejabat-pejabat dihias cantik. Sebagai kemuncak mereka akan mengajurkan jamuan-jamuan besar-besaran dan mahal-mahal untuk memperagakan kemewahan mereka.

Kecenderungan ini juga dilanda oleh mereka yang

mempunyai kuasa. Dengan kuasa mereka akan mengumpulkan kemewahan, pada pakaian mereka, kediaman mereka, kenderaan mereka dan aktiviti-aktiviti mereka.

Ini adalah perangai raja-raja sejak zaman-berzaman. mereka sanggup menindas rakyat untuk memerah kekayaan bagi membiayai perbelanjaan kemewahan mereka. Kemewahan ini diperluaskan hingga kepada binaan-binaan negara. Sejarah menunjukkan banyak binaan-binaan yang menjadi hasil dari peragaan kemewahan raja-raja. Baik Firaun mahupun Namrud dan raja-raja di seluruh dunia. Piramid, Taman Babylon, Taj Mahal, Angkor Wat, Brobudur dan sebagainya.

Pada zaman moden, amalan bermewah ini dilakukan juga oleh presiden-presiden. Baik yang diktator, mahupun yang demokratik. Bekas Presiden Perancis, Francois Mitterand, umpamanya telah membina pelbagai binaan besar-besar dan mahal di Paris sebagai tanda kemewahan. Dalam hal ini, perangai Presiden ini tidak ubah seperti Raja Louis sebelum Revolusi Perancis sedangkan Presiden itu adalah dari Parti Sosialis yang memegang sebuah ideologi, yang turut memandang serong kepada kemewahan.

Mungkin ada pihak yang berhujah bahawa binaan-binaan itu ada gunanya. Ia merupakan ekspresi seni zamannya dan menjadi kekaguman generasi akan datang.

Memang benar orang mengkagumi Piramid, Taj Mahal, Angkor Wat dan Brobudur. Ia mesti dipelihara sebagai warisan budaya kemanusiaan sejagat. Tetapi pada hakikatnya ia menghancurkan kemanusiaan ketika pembinaan dilakukan. Berapa juta nyawa manusia

dikorbankan untuk binaan-binaan itu? Antaranya hanya untuk memuaskan nafsu buas raja-raja. Sememangnya, binaan itu ekspresi seni. Tetapi seni yang diekspreskan itu bergelumang dengan darah dan air mata. Tidakkah anda mendengar betapa arkitek Taj Mahal dibutakan matanya oleh Shah Jahan bagi mengelak daripada beliuau merekabentuk bangunan yang lebih cantik?

Mungkin ada yang berhujah bahawa presiden-presiden zaman moden yang membina bangunan-bangunan mewah berbuat demikian dengan sokongan rakyat kerana mereka dipilih secara demokratik. Memang benar. Mitterand misalnya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya presiden. Keputusan untuk membina bangunan-bangunan cantik juga seolah-olah diterima oleh rakyat kerana mereka dapat juga menikmati keindahannya di bandaraya Paris. Selain itu, ia juga menarik perhatian para pelancong. Memang benar projek-projek itu mendapat sokongan rakyat yang turut mahu negara bermewah. Tetapi soal sokongan rakyat dan soal perbuatan yang tidak betul adalah persoalan yang berbeza. Terpulang kepada pemimpin yang meletakkan nilai sederhana dalam pemerintahannya.

Di negara ini dahulu, ada tuduhan bahawa Projek Jambatan Pulau Pinang adalah projek mewah. Perkara ini tidak benar kerana jambatan adalah projek infrastruktur dan projek itu tidaklah boleh dianggap mewah. Begitu juga dengan projek LRT di Kuala Lumpur. Ia adalah suatu keperluan bandaraya. Tetapi bangunan Daya Bumi yang pernah dituduh sebagai projek mewah, masih boleh dianggap benar-benar membazir. Ia bukan menjadi bahan keperluan. Sebagai kompleks membeli-

belah, Daya Bumi seperti tidak menjadi. Begitu juga dengan projek Dataran Merdeka, boleh juga dianggap sebagai projek mewah. Mungkin ia tidak dianggap mewah andaikata di bawahnya itu dibina tempat letak kereta secara keseluruahn. Pusat membeli-belah di situ didapati gagal. Menara Kuala Lumpu dan Menara Petronas, walaupun menjadi kebanggaan warga kota boleh juga dianggap sebagai projek-projek mewah. Ia seolah-olah hendak menutupi masalah perumahan yang dihadapi oleh ramai wargakota yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Tetapi mungkin ada pihak yang menyoal tidakkah manusia kerugian andainya tidak terbina bangunan-bangunan terkenal seperti Angkor Wat, Taj Mahal dan seumpamanya. Adalah tidak ketahui apa yang berlaku andainya kerajaan Khmer purba tidak membina Angkor Wat? Tetapi mungkin kesannya berbeza. Mungkin kerajaan Khmer purba akan lebih tahan lama dan mampu mempertahankan diri daripada serangan Siam atau Champa. Kesannya mungkin sampai ke generasi Kemboja ke hari ini. Ketika menikmati sesuatu binaan adalah wajar bagi seseorang untuk merenungnya betapa sengsaranya rakyat jelata ketika membina sesuatu binaan - iaitu di samping mengecapi kepandaian pengukir dan perekabentuk bangunan. Malah pengukir dan perekabentuk juga terdiri dari kalangan mereka yang tertindas. Kesenian yang mereka abadi itu adalah nyanyian sedih.

Dalam zaman ini, para pekerja tidaklah tertindas seperti zaman purba. Tetapi tidak kurang pula yang maut ketika melakukan pekerjaan membina, iaitu seperti yang

berlaku di Menara Petronas. Dari sudut lain, andaikata tidak dibina menara tersebut, para pekerja yang datangnya dari negara-negara lebih miskin seperti Indonesia dan Bangladesh itu tidak pula mendapat pekerjaan. Tetapi itu soal lain. Persoalan di sini, projek-projek mewah mendatangkan kesan negatif kepada orang-orang tertindas. Kesan itu ada kalanya secara langsung, tidak kurang pula secara tidak langsung.

---

## **SURAT TERBUKA BUAT PERWAKILAN UMNO 1996**

**S**aya bukan ahli Umno. Saya juga bukan penyokong Umno. Saya tidak pernah berkempen untuk mana-mana calon Umno. Undi memang rahsia. Tapi saya tidak pernah menyembunyikan sikap dan pendirian politik saya. Saya tidak pernah mengundi calon Umno (Barisan Nasional) dalam pilihan raya. Saya adalah ahli Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Kalau dalam sesuatu pilihan raya terdapat calon PAS yang bertanding, tentulah dia yang saya sokong. Jika PAS tidak menghantar wakil, dengan menyerahkannya kepada Semangat 46, saya pasti menyokong parti Melayu itu.

Jiwa saya lebih mirip dan serasi dengan pembangkang. Sebab itu bila Anwar Ibrahim menjadi pembangkang, semasa menerajui ABIM, saya antara penyokong kuatnya. Saya juga tertarik dengan Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP, termasuk juga Dr Chandra Muzafar semasa beliau mengetuai Aliran. Dengan menyokong pembangkang saya berasa lebih bebas. Saya boleh bercakap apa yang saya rasa benar tanpa sebarang sekatan ataupun halangan. Tapi ia tidak pula bermakna saya tidak mahu bertanggungjawab terhadap apa yang saya lakukan. Saya hanya tidak mahu bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukan oleh pemimpin parti pemerintah, yang jelas bertentangan dengan tuntutan agama. Apabila kita menjadi ahli parti pemerintah, misalnya Umno, kita dikehendaki mendokong setiap tingkah laku pemimpin, meskipun ia bercanggah dengan prinsip yang kita yakini.

Saya lebih suka mendampingi tokoh-tokoh pembangkang berbanding pemimpin parti yang berkuasa. Ini bermakna, kalau saya bertemu dengan pemimpin yang bergelar, seperti berpangkat Datuk, saya hanya gemar berjumpa mereka selepas mereka keluar Umno dan menyertai pembangkang. Selepas Tengku Razaleigh dan Rais Yatim berada di pihak pembangkang, selalu selalu mengikuti pemikiran politik mereka. Begitu juga dengan tokoh-tokoh akademik; saya pastikan dahulu komitmen politik mereka, apakah penyokong Umno secara melulu (selalunya kerana ada kepentingan tertentu) ataupun berpandangan kritis? Tidak salah untuk seseorang itu menyokong Umno, tetapi apa yang saya tidak suka ialah sikap menerima dan mengangguk

apa saja asalkan ia datang dari pemimpin atasan. Tiada ruang untuk protes dan meluahkan rasa tidak puas hati. Saya rasa bersalah kalau tidak boleh bercakap yang benar hanya atas strategi atau muslihat politik. Bagi saya, kebenaran tidak boleh disembunyikan.

Dengan menyokong kuat PAS tidak bermakna saya memusuhi Umno. Ramai juga kawan-kawan rapat semasa di kampus yang menyertai Umno, malah ada di antara mereka bekas aktivis PAS. Saya menerima hakikat PAS juga mempunyai banyak kelemahan dan kepincangan. Dalam PAS juga ada tokoh-tokoh yang pentingkan diri sendiri, sentiasa memikirkan tentang kedudukan peribadi, dan tidak komited dengan idealisme perjuangan PAS. Tapi kelebihan PAS terletak kepada dasar parti itu dan kepimpinannya yang dianggotai ulamak. Dasar PAS adalah Islam. Sumber rujukannya ialah al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulamak dan Qias. Seruannya ialah Allahu Akbar! Kepimpinannya dikawal oleh Majlis Syura Ulamak. Perlembagaan PAS menjelaskan: "Seseorang yang hendak dilantik menjadi ahli Majlis Syura Ulamak hendaklah seorang yang mengetahui masalah-masalah pokok (*al-usul*) dalam syariat Islam dan hukum-hukumnya atau/dan dapat merujuk masalah-masalah itu kepada al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias dengan faham akan maksud dan maknanya yang muktabar dan hendaklah seorang yang adil, yakni tidak melakukan dosa besar atau terus menerus melakukan dosa kecil dan hendaklah seorang ahli PAS."

Saya tidak bermaksud berkempen untuk PAS di sini kerana buku ini lebih ditujukan kepada ahli-ahli

Umno. Ia bertujuan mendedahkan sikap sebenar saya terhadap parti-parti politik yang ada. Saya mahu PAS berkembang dan bertambah mantap; dalam masa yang sama saya juga mahu Umno, yang kini diamanahkan untuk memerintah, bertambah baik kualitinya. Saya menyedari, dalam keadaan yang ada, PAS hanya akan diterima sebagai parti pembangkang, kecuali di Kelantan. Untuk menawan Terengganu pun harapan PAS masih tipis dan memerlukan usaha dan gerak kerja yang berlipat ganda, di samping mengharapkan keutuhan dan kemantapan Umno negeri itu merosot dengan teruk sekali.

Jika Umno dikuasai oleh orang-orang yang rendah akhlaknya, kontang jiwanya, tandus faham agamanya, kering sensitivitinya, pendirian bagi lalang ditiup angin, hanya asyik mengira laba dan keuntungan mata benda, maka yang akan menerima bahana dan musibah ialah negara seluruhnya. Sementara Umno berkuasa, ia hendaklah disuluh oleh cahaya iman, dipandu oleh petunjuk hidayah, dibimbing oleh pancaran taqwa, ditegakkan oleh kekuatan ilmu. Justeru itu saya rasa saya juga mempunyai hak untuk menegur dan membetulkan salah laku pemimpin Umno, sikap *yes man* pengikutnya, dasar dan falsafahnya yang pragmatis, dan matlamatnya yang tidak melepas hidup selepas mati.

Peranan ahli-ahli Umno cukup besar, malah lebih besar daripada ahli-ahli PAS. Umno telah dibebankan dengan amanah kepimpinan, yang semuanya akan disoal di hari akhirat nanti. Tiada satu pun akan terlepas dari dibicarakan di hadapan Allah s.w.t. Segala prestasi kerja selama memimpin Umno, juga semasa menjadi ahli

Umno akan dibentangkan, dihisab serta dijatuhkan hukuman. Tiada satu perkara pun yang boleh disembunyikan. Tiada guna sesalan ketika itu. Tiada guna mencari alasan dan dalih seperti yang biasa dilakukan di dunia ini.

Menjadi perwakilan Umno merupakan satu bonus yang dinanti-nantikan oleh setiap ahli-ahli Umno. (Sebenarnya bukan dinanti tetapi diusahakan semampu mungkin untuk mendapatkannya). Apatah lagi sewaktu persidangan Umno yang menyaksikan pemilihan kepimpinan parti di peringkat tertinggi. Hampir dua ribu perwakilan Umno menjadi penentu. Masa depan negara di tangan mereka. Pemilihan Umno menjadi lebih penting daripada pilihan raya umum kerana kedudukan parti-parti pembangkang yang jauh tertinggal. Sebarang perubahan hanya mungkin dilakukan dalam pemilihan Umno, bukan melalui pilihan raya umum.

Calon-calon yang bertanding akan mempergunakan apa saja kaedah dan pendekatan dalam usaha mempengaruhi perwakilan untuk menyokong mereka. Sama ada taktik atau teknik itu bermoral atau tidak, beretika atau tidak, baik atau jahat, tidak menjadi pertimbangan. Yang penting undi diperolehi, segala cara untuk mendapatkannya dipersetankan. Tampak dari lagak yang lalu, seolah-olah hukum halal-haram dan neraca agama ditolak jauh-jauh. Hujah mereka: "Inilah politik, bagaikan berperang, kalau tidak membunuh kita akan dibunuh. Kalau mahu berpolitik secara beradab dan bertatasusila, janganlah masuk Umno, pergilah kepada PAS." Apakah semasa kita berpolitik dalam Umno, segala larangan dan hambatan agama boleh dilanggar begitu

sahaja? Apakah Allah akan memaafkan segala dosa yang kita lakukan, atas alasan memang itu cara berpolitik dalam Umno?

Perwakilan Umno menentukan jatuh-bangunnya seorang pemimpin. Sebahagian perwakilan Umno adalah Muslim yang mahu menghayati Islam seluruhnya. Mereka orang baik dan tentunya mahu yang memimpin mereka juga baik. Kalaupun mereka sedikit nakal, tentulah mereka tetap mahukan pemimpin itu lebih baik daripada mereka. Amanah kepimpinan bukan anugerah yang dibangga-banggakan, ditayang-tayangkan, dimegah-megahkan, ia adalah warisan *khalifatullah* yang mula dipertanggungjawabkan kepada Nabi Adam a.s. lagi.

Menurut Islam, kepimpinan atau *imamah* wajib dibentuk bagi melaksanakan dua tanggungjawab yang besar iaitu untuk memelihara agama dan menguruskan siasah dunia. Memelihara agama dengan erti menjaga, mengembang, mempertahan dan melaksanakan syariat agama dalam semua bidang kehidupan sama ada mengenai peribadi, keluarga, masyarakat dan negara bahkan dunia seluruhnya. Sementara menguruskan siasah dunia bererti mengendalikan urusan pentadbiran, pemerintahan dan pembangunan yang melibatkan soal-soal kehidupan, pembangunan material, kemajuan dan peradaban berasaskan kepada nilai-nilai agama dan prinsip-prinsip syariat.

Perwakilan Umno harus mengenal pasti kualiti pemimpin yang akan mereka sokong. Apakah ia terdiri daripada calon-calon yang bersih daripada dosa besar dan tidak melazimi dosa-dosa kecil? Apakah mereka bebas daripada amalan rasuah, riba, penyalahgunaan

kuasa, politik wang, pilih kasih, bersifat takbur dan sompong serta sukar menerima pandangan orang lain, khianat apabila diberikan amanah, berdusta apabila berjanji, suka bermewah-mewah dan memandang rendah golongan miskin, menompokkan kekayaan peribadi, menafikan hak orang lain, bergaul bebas dengan wanita, berjudi, minum arak, berzina, malah mungkin tidak menuai rukun Islam dengan sempurna, seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji? Paling kurang periksalah amalan sembahyangnya dan sikap amanahnya dalam menjalankan tanggungjawab.

Saidina Ali r.a. mengingatkan seorang gabenornya: "Takutilah Allah dalam menyelesaikan masalah golongan miskin. Mereka tidak ada tempat berlindung, lemah, tidak mempunyai apa-apa kekuasaan dan sentiasa menjadi mangsa kepada keadaan dan kejadian sekeliling. Peruntukkanlah sebahagian besar dari harta kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka, walau di mana sahaja mereka berada sama ada di sekitarmu atau jauh di hujung negeri. Jangan sama sekali kesibukan melupakan kamu terhadap mereka, kerana tidak ada satu pun helah yang boleh diterima di sisi Allah. Carilah keredaan Tuhanmu dengan menuai setiap hak mereka dan jadikan ini sebagai tugas yang maha suci di sisimu." Apakah ciri-ciri kepimpinan yang menyantuni golongan miskin ini terpahat pada personaliti calon-calon pemimpin Umno, ataupun mereka merupakan kuda tunggangan kepada tokoh-tokoh korporat maha kaya raya?

Dalam suasana gila kuasa yang begitu dahsyat sekarang ini, ingatkah kita kisah betapa takutnya Saidina Umar ibnul Khattab r.a. terhadap risiko seorang penguasa

sehingga beliau tidak membenarkan anaknya dicalonkan menjadi bakal khalifah. Kata Umar: "Cukuplah seorang sahaja dari keluarga Umar yang akan masuk negara." Hanya perwakilan Umno sahaja yang mampu memperlakukan kerakusan, kegilaan dan keghairahan merebut kuasa ini. Tetapi dengan bersikap lembu kenyang, mudah ditarik hidung, boleh dijual beli bagaikan pelacur (sebahagian bertaraf murahan dan ada juga menjadi pelacur kelas atasan), mereka telah meletakkan tahap insan yang begitu mulia itu ke paras yang sehina-hinanya. Tiada lagi kehormatan diri atau wawasan murni bersendikan kitabullah, yang menyendatkan pemikiran hanyalah keserakahan terhadap habuan keduniaan. Walhal semuanya akan ditanya di hadapan Allah s.w.t. nanti. Mengapa dipilih pemimpin yang korup, yang lazim dengan aktiviti mungkar, yang merosakkan rumahtangga orang, yang bersikap diktator dan kuku besi, yang memandang diri sendiri sahaja yang betul, yang derhaka kepada Allah apabila berkuasa? Hanya dengan sokongan kamu mereka beraja di mata bersultan di hati. Hanya dengan undi kamu mereka sewenang-wenangnya merosakkan keharmonian alam ini, memenjara seteru politik, membolot kekayaan negara tanpa puas-puas, melahap hak si miskin tanpa kasihan belas, membiarkan rakyat hanyut dengan kebejatan akhlak, menyuburkan budaya hedonisme, membiakkan nafsu syaitan merajai siaran televisyen, filem dan media lainnya.

Sebagai perwakilan, anda belum terlambat untuk menyedari tugas asasi yang terpenting ini. Anda boleh berbangga kerana terpilih melakukan misi mulia ini,

tetapi anda menyesal tidak sudah-sudah sekiranya amanah itu dilakukan atas pertimbangan kepentingan peribadi, setelah disogok dan dibeli dengan harga yang cukup murah. Ya, apalah harganya setompok daki dunia dibandingkan dengan kemuliaan akhirat.

## Zaharin Mohd. Yasin

25 Oktober, 1995

Yang Amat Berhormat,  
Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad  
Presiden  
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO  
d/a Jabatan Perdana Menteri Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50502 Kuala Lumpur

Yang Amat Berhormat  
Dato' Seri Anwar Ibrahim  
Timbalan Presiden  
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO  
Pejabat Timbalan Perdana Menteri  
d/a Jabatan Perdana Menteri Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50502 Kuala Lumpur

Yang Amat Berhormat Dato' Sen,

**Penjualan Ekuiti Khazanah Nasional Berhad  
Dalam Hicom Holdings Berhad (HICOM)  
Berjumlah RM 1.7 Billion Kepada Mega Consolidated Sdn Bhd**

Dengan segala hormatnya saya selaku ahli UMNO Cawangan Bukit Keramat Bahagian Titiwangsa menulis surat kepada YAB Dato' Sen berdua berdasarkan kepada berita akbar mukasurat 17 Berita Harian Jumaat 20 Oktober, 1995 di mana membentangkan bahawa ekuiti Hicom Berhad sejumlah tercatat perkara di atas telah dibeli oleh sebuah syarikat milik penuh keluarga Dato' Seri Yahaya bin Ahmad, yang "Superkaya".

Pada Kongres Ekonomi Bumiputra Ke 3 yang diadakan 10 hingga 12 Januari, 1992 telah bersetuju resolusi 10, 11 dan resolusi 43 telah memutuskan mekanisme-mekanisme bagaimana saham-saham dalam BSKL akan disalurkan ke syarikat Bumiputra tetapi yang jelas dan nyata ialah untuk saham-saham tersebut diwujudkan Amanah Pelaburan Bumiputra bagi mengendalikannya tidak terdapat resolusi cara-cara memperkayakan orang-orang Melayu (Melayu yang ada hubungan dengan YAB berdua) secara instan.

Nampaknya cara yang dilakukan oleh YAB berdua untuk memberi saham yang begitu besar kepada Dato' Seri Yahaya bin Ahmad samalah seperti "Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi", "Harapkan Anjing, Anjing Gigit Tuan". Kenapa tidak, jelaslah bahawa cara pemberian saham KNB kepada penama itu jelas mengkhianati keputusan-keputusan Kongres Ekonomi Bumiputra. Sepatutnya, selaku Pengurus Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia, beliau wajar mendahulukan kepentingan ahli-ahli termasuk ahli-ahli gabungan dalam dewan terlebih dahulu dan pada kepentingan peribadi.

- 1 -

**BERTINDAK UNTUK KEBENARAN DAN KEADILAN**

Setelah sejumlah wang RM 1.7 Billion terpaksa dibayar kepada KNB, sudah pasti segala kekuatan wang untuk perdagangan dan Penndustrian Bumiputra akan digunakan oleh penama tersebut. Bayangkanlah bagaimana pihak-pihak bank akan bertungkus lumus menyusun satu sindiket atau konsortium kewangan untuk menampung dana yang begitu besar. Akhirnya pihak-pihak intitusi kewangan akan kehabisan wang untuk membantu peniaga bumiputra dan Melayu yang lain. Sekiranya diperuntukan RM 2 Billion, maka akan keluarlah satu kenyataan bahawa beberapa billion telah dibelanjakan untuk peniaga bumiputra tetapi tidak siapa sedar bahawa sembilan puluh peratusnya (90%) hanya sekadar untuk menolong seorang individu Melayu sahaja. Sekiranya pinjaman dan dana luar negeri diperbuat maka penama tersebut seorang penyumbang bertambahnya defisit negara yang meruncing sekarang.

Nampaknya sikap tidak peduli YAB berdua sensitifnya orang Melayu kepada keputusan itu seolah-olah kerakusan kuasa mengatasi semua. Sehingga YAB berdua sanggup menafikan tidak tahu menahu apabila saham-saham yang harga tinggi tersimpan di dalam Khazanah PNB di sapu bersih oleh anak-anak seorang Perdana Menteri. Di mana tidak mencukupi dengan seorang anak Perdana Menteri menduduki Lembaga Pengarah Syankat PNB.

Saya mendoakan orang-orang Superkaya ini akan berjaya kerana jika sekadar untuk menyediakan orang Superkaya seperti membuat roti canai ia tidak memerlukan apa-apa dasar dan kongres. Mencukupi terserah kepada mereka di gerbang kuasa untuk menyebutkan "Kun Faya Kun" kepada mereka yang hendak dijadikan kaya. Samalah seperti dasar pengswastaan yang dikenali sebagai "Privatisation" yang berkesudahan menjadi "Piratisation", di mana kita langsung tidak ada belas kasihan terhadap harta-harta orang ramai ini yang diamanahkan kepada YAB berdua menjaganya.

Apa yang mustahak sekarang ialah kenapa kita cuba melankarkan isu dari masalah di hadapan kita yang sebenar. Kenapa dialihkan pandangan ahli UMNO kepada isu keruntuhan akhlak dan semangat tamak. Soalnya siapakah yang kita katakan rosak akhlaknya dan semangat tamak? Jika ada bukti-buktii yang nyata, mengapa mereka tidak disebut namanya? Jika sekadar am sahaja ia melahirkan fitnah dan sesuatu yang berbentuk fitnah ditolak oleh Islam.

Orang-orang UMNO seperti saya tidak mengamalkan keruntuhan akhlak dan tidak pemah tamak sebaliknya yang berlaku ialah keruntuhan akhlak dan tamak terdapat di kalangan orang-orang yang ada disekeliling YAB berdua termasuk keluarga ipardua. Jika perlu untuk diperturunkan fakta-fakta, ia akan memalukan diri sendiri kerana semua orang tahu apa yang berlaku disekeliling sekarang, ambil sahaja contoh Kuala Lumpur City Centre yang tersergam indah tanyalah dan laporkanlah siapakah yang mendapat kontrak-kontrak membekal. Apa orang Melayu dapat? Dan Melayu macam mana yang dapat, yang nyata orang Melayu mengejar bayang dan mimpi. Dan juga lihatlah beberapa orang yang berbinkan Mohamad Ali menjadi Pengerusi dan pada PNB. Apalah istimewanya Tun Ismail Ali yang mana telah cukup wang untuk menampung hidupnya begitu juga seorang bekas General menjadi Pengerusi SUKOM dan seorang bekas Menteri Besar menjadi Pengerusi Tabung Haji dan begitu juga beberapa syankat awam di BSKL telah diketahui dimiliki kalau tidak dikuasai anak-anak Perdana Menteri. Seolah-olah dengan terdapatnya keluarga Mahathir bin Mohamad dalam perbadanan-perbadanan kerajaan dan syarikat swasta itu sebagai petanda kejayaan orang Melayu.

Keruntuhan akhlak pula, saya pernah melihat dengan biji mata saya seorang yang dikenali sebagai Pengurus Yayasan AIDS Malaysia berkucupan sebelum berpisah menaiki kereta dengan seorang lelaki orang putih di depan Shangrila Hotel di mana dia anak seorang negarawan yang bercakap soal Islam setiap hari dan apabila saya tanya dengan joki kereta di hotel tersebut, pada mereka cara itu lumrah dan perkara biasa perkara sedemikian dilakukan oleh Pengurus Yayasan AIDS itu yang selalu menyeru kita supaya jangan mengadakan seks rambang. Saya terus tidak bertambah faham apabila AVON menganugerahkan ia sebagai Wanita Cemerlang melalui latar belakang, kelakuan keji dan hina itu sebagai wanita Muslim.

Berbalik kepada soal pembelian saham Hicom oleh Dato' Sen Yahaya Ahmad, Kongres Ekonomi Bumiputra Ke 3 telah menyatakan dengan jelas mekanisme kedudukan harta-harta amanah, soalnya sekarang kenapa kita tergesa-gesa memindah Saham Khazanah Nasional Berhad kepada individu Bumiputra yang jelas tidak memberi apa-apa sumbangan kepada orang Melayu dan kenapakah kita membenarkan dan bersetuju memperkayakan segelintir orang Melayu yang tidak boleh membina bangsa Melayu yang martabat, dariat ke arah masyarakat madani.

Falsafah Penubuhan Khazanah Nasional Berhad bertujuan menjaga kepentingan negara di masa hadapan khususnya untuk menjamin generasi yang akan datang ada sumber yang lain untuk menampung kewangan perbelanjaan negara seperti yang dilakukan oleh Perbadanan Ekonomi Negeri Johor yang memberikan keuntungannya kepada Kerajaan negeri, setelah semua hasil bumi negara kita habis di atas perbuatan tangan kita sendiri kerana kerakusan kita untuk mendapat kredit pembangunan sehingga sampai hati dan tidak berperikemanusiaan menafikan hak-hak keturunan di masa hadapan terutama mereka yang miskin kerana yang kaya sudah pasti memiliki apartmen-apartmen samada di London, San Fransisco, Geneva atau di mana-mana.

Jika hendak dijualpun apa salahnya diben kepada beberapa Syankat Amanah Pelaburan Bumiputra atau Syankat-syankat Amanah negeri-negeri yang pemegang sahamnya terdiri dari rakyat miskin. Tetapi tidak lagi kepada PNB kerana ia akan akhirnya dijual kepada keluarga-keluarga Dr Mahathir Mohamad bertambah pula apabila ia telah dikatakan bukan jadi badan perniagaan. Pemegang-pemegang Saham ASB hanya dapat kulit tetapi isinya dikunyah dan ditelan oleh orang lain.

Saya ingin mengingati YAB berdua berhati-hati untuk menasihat ahli UMNO dan juga berwaspada akan diri sendiri adakah kata-kata yang kita ucapkan itu kita laksanakan dan kita boleh menjadi contoh. Sekiranya kita sendiri berjalan seperti ketam janganlah cuba untuk menasihatkan orang berjalan lurus Teladan yang berlaku hari ini ialah dahulu kita mendengar **Cina Makan Ular** tetapi han ini **Ular Sudah Makan Cina** Begitulah putaran dunia. Janganlah pula kita mengaitkan apabila Yahaya Ahmad diberi peruntukan saham itu semua Melayu gembira dan dapat nikmat atau juga usaha untuk mempertabatkan Melayu. Sebenarnya kita sudah lama sesat baliklah semula ke pangkal jalan. "Back To Basic" kerana jika arus pandangan ahli UMNO selalu di pinggirkan, terjadilah seperti di Langkawi di mana YB Dato' Sen Sanusi Junid tidak bersebab ditolak oleh ahli UMNO Langkawi sebagai Ketua Bahagian.

## SURAT TERBUKA BUAT PERWAKILAN UMNO 1996

Saya berpihak kepada YB Dato' Seri Sanusi Junid di waktu pemilihan tempohan. YB Dato' Seri Sanusi Junid memikirkan kekalahannya kerana pemainan "Power game" dalam UMNO sebenarnya posmoterm itu salah. Apa yang terjadi orang-orang di Langkawi tidak dapat apa-apa dari segi pembangunan yang datang sehingga mereka bertanya kepada diri mereka sendiri samada di "**Zaman Mahathir Ini Elok Jadi Melayu Atau Jadi Cina?**".

Saya tabik dengan YB Dato' Abu Bakar Taib, wajar dia digelar **WIRA** walaupun dinasihatkan oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO jangan bertanding jawatan ketua menentang YB Dato' Seri Sanusi Junid. Jika saya dalam posisi YB Dato' Abu Bakar Taib juga akan bertindak demikian kerana saya datang bermula dan akhir dari ahli UMNO cawangan. Jika keluh kisah mereka tidak dipanjangkan, apa gunanya mengaku penyambung lidah rakyat Langkawi.

Keputusan Perwakilan UMNO Langkawi adalah amaran awal isyarat bahawa YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad menilai semula dininya sendiri kerana dari Kuala Lumpur hingga ke New York beliau selalu meminta isyarat bila mana rakyat dan ahli UMNO tidak menghendaki dirinya lagi. Keputusan UMNO Bahagian Langkawi memilih YB Dato' Abu Bakar Taib adalah antara isyaratnya yang dikehendaki.

Soalnya sekarang saya bersetuju dengan YB Dato' Fauzi Abdul Rahman bahawa biarlah ahli UMNO menentukan sendiri siapa yang hendak memimpin mereka kerana parti UMNO sebuah parti demokrat dan demokrasi. Jika Majlis Tertinggi memutuskan supaya jawatan Presiden dan Timbalannya dalam UMNO tidak perlu ditandingi datangnya daripada jurucakap mewakili Majlis Tertinggi boleh juga diterima akal tapi bila mana yang memegang jawatan sendiri mengistiharkannya ia menjadi dua. Satu lucuan dan kelakar dan kedua adakah UMNO hendak menjurus ke diktator di mana dinafikan hak ahli UMNO untuk memilih pemimpin mereka. Saya harap pindalah balik keputusan itu kerana jika berlaku pencalonan lain nanti, berpuluhan, beratus malah mungkin beribu ahli UMNO terpaksa dipecat kerana melanggar Perlumbagaan UMNO. Perlumbagaan UMNO menyatakan penintah parti mestilah diterima dan dipatuhi.

Kata orang cerdik pandai bahawa pemimpin hanya dianggap mempunyai pengikut dan pengaruh jika dia mempunyai satu sifat iaitu apabila ia membohongi, rakyat akan menyatakan bahawa percakapan itu benar dan rakyat mempercayainya sebaliknya jika pemimpin bercakap benar tetapi rakyat kata itu bohong dan tidak benar, pertanda kepimpinan mula ditolak dan dipertikaikan.

Jika dahulu dalam usia 60 ke 65 Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj beliau dituduh nyanyok dan bermain poker di saat negara menghadapi darurat adakah kita sekarang ini lebih baik daripadanya kerana dalam sibuk mengatur dunia, rumah kita dalam keadaan lintang pukang.


Lihatlah antara Jose Rizal dan Za'ba. Di mana kedua mereka diingati dalam dan tempat yang berbeza sehingga kita terlupa sejauh mana perjalanan kita mestilah bermula dan langkah yang pertama. UMNO tidak tertubuh jika Za'ba tidak main peranan, betapapun ia tidak sebens dengan Allahyarham Dato' Onn Jaafar dan kita tidak jadi apa-apa jika Za'ba tidak memulakan.

Akhirnya benarlah dialog dalam filem Ringgit Kassorga. "Siapa Yang bahagia?.. " Dia dan Keluarga Mereka" !!!..... dan orang Melayu tetap di tapak lama.

Sekian terima kasih.

**BERSATU, BERSETIA BERKHIDMAT**

Yang Ikhlas,  
HIDUP MELAYU DAN MERDEKA



Zaharin bin Mohd Yasin  
@ Abd. Zarin bin Mohd Yasin

s.k Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO 1993-1996  
Ketua UMNO Bahagian Titiwangsa

